WISDOM
PUBLICATION

# 40 Hadith Imam Nawawi

# الأربعون النووية

## Berkenaan Asas-asas Agama Islam & Prinsip Hukum Shariat

DR. ABDULLAAH JALIL



# الأربعون النووية

# Empat Puluh (40) Hadith Imam Nawawi

Berkenaan Asas-asas Agama Islam dan Prinsip Hukum Shariat



# الأربعون النووية

# Empat Puluh (40) Hadith
# Imam Nawawi

Berkenaan Asas-asas Agama Islam dan Prinsip Hukum Shariat

DR. ABDULLAAH JALIL

WISDOM
PUBLICATION

WISDOM PUBLICATION NS0078217-W
No. 110, Jalan Dillenia 3, Laman Dillenia,
Nilai Impian,
Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: 06-794 6394
Email: wisdompublisher@gmail.com
FB Page: Wisdom Publication
Reka Bentuk: Starline/Freepik

Hak Cipta Terpelihara © 2020 Wisdom Publication

Edisi Pertama
Cetakan: 2 November 2020

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Wisdom Publication (NS0078217-W) atau penulis.

Pencetak:
ZARASA ENTERPRISE,
001372482-A,
C-7-G, Jalan Jati 9, Acacia Avenue, Putra Nilai,
71800 Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: +6019-282 6924
Email: zarasaenterprise@gmail.com

Firman Allah ﷻ (Al-Aḥzāb: 23):

﴿ مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا۟ مَا عَٰهَدُوا۟ ٱللَّهَ عَلَيْهِ ۖ فَمِنْهُم مَّن قَضَىٰ نَحْبَهُۥ

وَمِنْهُم مَّن يَنتَظِرُ ۖ وَمَا بَدَّلُوا۟ تَبْدِيلًا ٢٣ ﴾

"Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikitpun."

# DEDIKASI

Kepada semua umat dan hati-hati yang merindui Rasulullah ﷺ ,

Kepada para ulama' dan *mashāyikh* yang mendidik umat ini dengan cinta kepada Rasulullah ﷺ, ahli keluarga Baginda ﷺ dan para Sahabat Baginda ﷺ,

Kepada Imam Nawawi yang sangat saya cintai, semoga usaha yang ḍaʿīf dan kecil ini melayakkan saya untuk bersama beliau di hari Akhirat nanti,

Kepada kedua ayahanda dan bonda: Hj Jalil Omar and Hapisah Ismail, dan seluruh ahli keluarga,

Kepada isteri yang dikasihi: Suraiya Osman, serta anak-anak yang tercinta: Abdurrahman al-Munib, Maryam al-Safiyyah, Sara al-Ameena, Ibtisam al-Nafeesa dan Muhammad al-Habib, semoga kita semua digolongkan di kalangan kekasih Allah ﷻ dan RasulNya ﷺ.

**(Naskhah PDF ini diberikan secara percuma pada hari Isnin, 2 November 2020 bersamaan 16 Rabīʿ al-Awwal 1442H, bersempena mengingati dan menyambut Mawlid Nabi ﷺ 1442H)**

# PRAKATA PENERBIT

بسم الله الرحمن الرحيم

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah ﷻ yang telah memilih dari kalangan manusia sesiapa sahaja yang Dia kehendaki sebagai pewaris para nabi dan para rasul-Nya, dan khususnya sebagai pewaris kekasih-Nya Nabi Muhammad ﷺ. Dengan itu, Dia telah membangkitkan para ulama' dan awliya' yang terus menerus membimbing umat ini di atas Sunnah Baginda ﷺ dan menjadi jambatan bagi mereka untuk memahami agama ini dengan sempurna.

Selawat dan salam kami sampaikan kepada junjungan serta penghulu umat ini, Saidina Muhammad ﷺ, kekasih Allah dan rasul-Nya, penghulu para Nabi dan Rasul عليهم السلام serta orang-orang beriman lagi bertakwa, juga ke atas ahli keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ, serta seluruh para muslimin dan muslimat yang sentiasa mengharapkan kasih sayang serta syafa'at Baginda ﷺ di akhirat nanti, hari di mana semua amal dihitung, tidak ada yang terselindung.

**أَمَّا بَعْدُ:**

Pihak penerbit sekali lagi menghidangkan kepada para pembaca hasil buah tangan Dr. Abdullaah Jalil di dalam bidang hadith, khususnya bahagian *Arbaʿīniyyāt* (koleksi 40 hadith). Buku ini merupakan terjemahan lengkap bagi kitab 40 Hadith Imam Nawawi yang lebih dikenali sebagai Arbaʿīn Nawawiyyah dan disertakan beberapa bahagian yang lain bagi melengkapkannya. Arbaʿīn Nawawiyyah

merupakan himpunan Imam Nawawi bagi empat puluh dua (42) buah hadith berkaitan dengan asas-asas agama Islam dan prinsip-prinsip hukum Shariat. Hadith-hadith ini menghimpunkan tema-tema utama yang membentuk aspek-aspek terpenting Shariat Islam. Kitab ini patut dimiliki oleh setiap orang Islam dan diletakkan di dalam koleksi peribadi mereka dan dipelajari serta dibaca berulang kali seperti mana anjuran Imam Nawawi kerana ia menghimpunkan mutiara-mutiara berharga berkenaan agama ini.

Kami amat berharap yang usaha yang kecil ini dapat memberi manfaat kepada seluruh umat Islam amnya dan para penuntut ilmu khususnya. Kami memohon agar Allah ﷻ menerima dan memberkati usaha ini dan memaafkan segala kesalahan dan kelemahan yang berlaku. Semoga Allah ﷻ terus memberi kami tawfiq dan inayah-Nya untuk terus berkhidmat kepada agama-Nya dan khususnya Sunnah Nabi-Nya ﷺ. Ya Allah, hidupkanlah kami di atas Sunnah Rasulullah ﷺ, wafatkanlah kami di atas agama Baginda ﷺ, dan di atas Ahli Sunnah dan Jama'ah, bangkitkanlah kami di dalam kelompok Baginda ﷺ, di bawah panji Baginda ﷺ, jadikanlah kami dari kalangan orang yang layak menerima syafaat Baginda ﷺ, berikanlah kami minum daripada telaga Baginda ﷺ dan masukkanlah kami ke dalam syurga bersama Baginda ﷺ. Akhir kata daripada kami:

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ النُّورِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ عَدَدَ مَا وَسِعَهُ عِلْمُهُ. وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ أَوَّلًا وَآخِرًا فِي كُلِّ وَقْتٍ وَحِينٍ.

**Wisdom Publication,**

Nilai, Negeri Sembilan,

Isnin, 16 Rabiʿ Al-Awwal 1442H bersamaan 2 November 2020M.

# PANDUAN RINGKAS TRANSLITERASI

| | |
|---|---|
| ʾ | ء |
| b | ب |
| t | ت |
| th | ث |
| j | ج |
| ḥ | ح |
| kh | خ |
| d | د |
| dh | ذ |
| r | ر |
| z | ز |
| s | س |
| sh | ش |
| ṣ | ص |
| ḍ | ض |

| | |
|---|---|
| ṭ | ط |
| ẓ | ظ |
| ʿ | ع |
| gh | غ |
| f | ف |
| q | ق |
| k | ك |
| l | ل |
| m | م |
| n | ن |
| h | هـ |
| h | ة |
| w | و |
| y | ي |

| | |
|---|---|
| da | دَ |
| du | دُ |
| dī | دِي |
| al-Taqī | اَلتَّقِيُّ |

| | |
|---|---|
| di | دِ |
| dā | دَا |
| dū | دُو |
| Taqiyy al-Dīn | تَقِيُّ الدِّينِ |

# ISI KANDUNGAN

**PRAKATA PENERBIT** .......... i

**PANDUAN RINGKAS TRANSLITERASI** .......... iii

**ISI KANDUNGAN** .......... iv

**SENARAI JADUAL** .......... ix

**SENARAI GAMBAR** .......... ix

**PENDAHULUAN** .......... 1

**HADĪTH AL-RAḤMAH AL-MUSALSAL BI AL-AWWALIYYAH** .......... 4

**BIOGRAFI IMAM NAWAWI** .......... 5

Nama, Kunyah, Gelaran dan Nisbah .......... 5

Kelahiran dan Keluarga .......... 7

Guru-guru .......... 11

Para Pelajar .......... 12

Ketokohan Imam Al-Nawawi di dalam Bidang-bidang Ilmu Islam .......... 13

Tokoh Peringkat Penyaringan (*Taḥrīr*) Mazhab Shafiʿi Bersama Imam al-Rafiʿi .......... 13

Shaykh al-Hadith di Dar Al-Hadith Al-Ashrafiyyah .......... 15

Tokoh Ahli Sunnah dan Jama'ah Bermanhaj Al-Ashʿarī .......... 18

Seorang Ulama' Sufi Yang Wara', Zuhud dan Kuat Beribadah .. 21

Akhlak .......... 23

Zuhud dan Wara' .......... 23

Kesungguhan Dalam Menuntut Ilmu .......... 24

Tidak Berkahwin Kerana "Terlupa" .......... 25

Amar Makruf Nahi Mungkar .....................................................26
Pujian Para Ulama'...........................................................................26
Al-Imām ʿAlāʾ al-Dīn Ibn al-'Aṭṭār (w. 724H) .............................27
Al-Imām al-Ḥāfiẓ Shams al-Dīn al-Dhahabī (w.748H) ............. 28
Al-Imām Shaykh al-Islām Qāḍī al-Quḍāh Taqiyy al-Dīn Abū al-Ḥasan ʿAlī bin ʿAbd al-Kāfī al-Subkī al-Shāfiʿī (w.756H).......... 28
Al-Imām Tāj al-Dīn al-Subkī (w.771H).......................................29
Al-Imām al-Ḥāfiẓ Ibnu Kathīr al-Shāfiʿī al-Dimashqī (w.774H) 29
Al-Shaykh al-'Ārif al-Muhaqqiq al-Mukāshif Abū 'Abd al-Raḥīm al-Akhmīmī ......................................................................... 30
Al-Imām al-Ḥāfiẓ Shams al-Dīn al-Sakhāwī (w.902H) ............. 31
Al-Imām al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (w.911H) ...................... 31
Karamah ...........................................................................................32
Karangan dan Keilmuan ...................................................................35
Kewafatan ......................................................................................... 38
Pengeboman Maqam Imam Nawawi oleh Golongan Ekstrim ...... 40
**ANALISA RINGKAS BAGI KITAB "AL-ARBAʿĪN AL-NAWAWIYYAH" .................................................................42**
Asas Ilmu Hadith Riwayah ..............................................................42
Para Sahabat ﷺ dan Bilangan Hadith .............................................43
Kitab Rujukan, Pengarang dan Tarikh Wafat ..................................45
Kitab Rujukan dan Bilangan Hadith ................................................46
**AL-ARBAʿĪN AL-NAWAWIYYAH ...................................................... 48**
[KHUTBAH PENDAHULUAN]...................................................... 48

Hadith 1: [Niat adalah Asas Segala Amalan di dalam Shariat Islam] ....................................................................................................58
Hadith 2: [Tiga Peringkat Agama: Islam, Iman dan Ihsan serta Tanda Hari Kiamat] ................................................................ 60
Hadith 3: [Lima Rukun Islam] ......................................................63
Hadith 4: [Peringkat Kejadian Manusia dan Penentuan Allah ﷻ bagi Rezeki, Ajal dan Amalannya].................................................64
Hadith 5: [Menjauhi Bid'ah].........................................................66
Hadith 6: [Bersifat Wara' dan Menjauhi Perkara Shubhat]...........67
Hadith 7: [Nasihat adalah Tiang Agama].......................................69
Hadith 8: [Kehormatan Darah dan Harta dengan Islam].............70
Hadith 9: [Taat dan Tidak Menyusahkan Urusan Agama] ........... 71
Hadith 10: [Makanan Yang Halal adalah Asas bagi Penerimaan Doa] ..........................................................................................72
Hadith 11: [Meninggalkan Perkara Yang Meragukan] ..................74
Hadith 12: [Meninggalkan Perkara Yang Sia-sia/ Tidak Mempunyai Kepentingan] ..........................................................75
Hadith 13: [Sukakan Kebaikan bagi Muslim Yang Lain adalah dari Kesempurnaan Iman] ...............................................................76
Hadith 14: [Sebab-sebab Darah Seseorang Hilang Kehormatan di sisi Islam]....................................................................................77
Hadith 15: [Berkata Baik serta Menghormati Jiran dan Tetamu] .78
Hadith 16: [Menahan Diri daripada Kemarahan] ..........................79
Hadith 17: [Bersikap Ihsan kepada Semua Makhluk] .................. 80
Hadith 18: [Taqwa dan Akhlak].................................................... 81

Hadith 19: [Nasihat Rasulullah ﷺ bagi Memperkukuhkan Keimanan kepada Allah ﷻ]........................................................ 82
Hadith 20: [Sifat Malu itu adalah daripada Iman]........................85
Hadith 21: [Istiqamah adalah Teras Agama] ............................... 86
Hadith 22: [Asas Masuk Syurga: Mengerjakan Kefarduan dan Menjauhi Larangan]..............................................................87
Hadith 23: [Amalan-amalan Soleh dan Kelebihannya]................ 88
Hadith 24: [Keluasan Limpah Kurnia Allah ﷻ kepada Para Hamba-Nya]............................................................................... 90
Hadith 25: [Berlumba-lumba dalam Kebaikan dan Kelebihan Zikir] ..............................................................................................94
Hadith 26: [Bentuk-bentuk Sedekah dan Jalan-jalan Kebaikan]..96
Hadith 27: [Mengenal Perkara Baik dan Buruk] .......................... 98
Hadith 28: [Pesanan Rasulullah ﷺ: Taqwa, Taat, Berpegang dengan Sunnah dan Menjauhi Bid'ah]........................................100
Hadith 29: [Pintu Kebaikan, Asas Agama dan Penjagaan Lidah]102
Hadith 30: [Berpegang dengan Shariat Allah ﷻ] ........................105
Hadith 31: [Sifat Zuhud Menjadi Sebab Bagi Cinta Allah dan Manusia]...................................................................................106
Hadith 32: [Tidak Memudaratkan dan Tidak Saling Memudaratkan]..........................................................................107
Hadith 33: [Bukti dan Sumpah Bagi Pemeliharaan Harta dan Nyawa: Asas Penghakiman di dalam Islam]...............................108
Hadith 34: [Kewajipan Mencegah Kemungkaran dan Peringkat-peringkatnya] .........................................................................109
Hadith 35: [Memelihara Persaudaraan dan Hak Sesama Muslim] ............................................................................................. 110

Hadith 36: [Menunaikan Hajat Para Muslimin dan Kelebihan Menuntut Ilmu]........................................................................ 112

Hadith 37: [Kemuliaan dan Keindahan Layanan Allah ﷻ kepada Para Hamba-Nya] .................................................................. 114

Hadith 38: [Kemuliaan Para Wali Allah ﷻ dan Perjalanan Mereka] ..........................................................................................117

Hadith 39: [Kemaafan bagi Umat Rasulullah ﷺ pada Tiga Perkara] .......................................................................................... 119

Hadith 40: [Memanfaatkan Masa Hidup Yang Sementara di Dunia Ini] ......................................................................................120

Hadith 41: [Menudukkan Kehendak Diri Mengikut Sunnah dan Petunjuk Nabi ﷺ]....................................................................... 121

Hadith 42: [Keampunan Allah ﷻ Yang Sangat Luas]..................122

[PENUTUP]......................................................................124

**“BĀB AL-ISHĀRĀT ILĀ ḌABṬ AL-ALFĀẒ AL-MUSHKILĀT”......128**

**“FASAL BERKENAAN MAKNA ḤIFẒ” DAN PENUTUP.................136**

**DOA AKHIR PENGAJIAN............................................................137**

**ḤIZB IMAM AL-NAWAWI..........................................................139**

**SANAD DAN IJAZAH..................................................................143**

Sanad Arbaʿīn Nawawiyyah (1)...................................................143

Sanad Arbaʿīn Nawawiyyah (2) ..................................................144

Sanad dan Ijazah Ḥizb Imam Nawawi ..........................................145

**PENULIS, PENTERJEMAH DAN EDITOR .....................................148**

**BIBLIOGRAFI .............................................................................151**

# SENARAI JADUAL

Jadual 1: Para Sahabat Rasulullah ﷺ Yang Meriwayatkan Hadith di dalam Arbaʿīn Nawawiyyah ........................................................ 43

Jadual 2: Senarai Kitab Rujukan, Para Pengarang dan Tarikh Wafat bagi al-Arbaʿīn al-Nawawiyyah ........................................................ 45

Jadual 3: Senarai Kitab Hadith dan No. Hadith di dalam al-Arbaʿīn al-Nawawiyyah ........................................................ 46

# SENARAI GAMBAR

Gambar 1: Maqam Imam al-Nawawi di Syria [sebelum dimusnahkan] ........................................................ 39

Gambar 2: Maqam Imam Nawawi Setelah Dimusnahkan Golongan Ekstrim (i) ........................................................ 40

Gambar 3: Maqam Imam Nawawi Setelah Dimusnahkan Golongan Ekstrim (ii) ........................................................ 41

# PENDAHULUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Selawat dan Salam diutuskan buat junjungan kita, Saidina Muhammad ﷺ, ahli keluarga serta para sahabat Baginda ﵃ dan mereka yang menuruti jalan Baginda ﷺ sehingga ke Hari Kiamat.

أَمَّا بَعْدُ،

Imam al-Ḥāfiẓ Ibnu ʿAsākir meriwayatkan daripada Saidina Abū Hurayrah ﵁ bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ حَفِظَ عَلَى أُمَّتِي أَرْبَعِينَ حَدِيثًا مِنْ أَمْرِ دِينِهَا بَعَثَهُ اللهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَقِيهًا عَالِمًا

> "Barangsiapa yang memelihara bagi umatku empat puluh hadith di dalam urusan agama mereka, Allah [﷾] akan membangkitkannya pada Hari Kiamat nanti sebagai seorang yang faqih lagi alim."

T: (Ibn ʿAsākir (571H), 1998 - Tārīkh Dimashq), No. 5728 & 54714.

Hadith tersebut walaupun dāʿīf pada sanadnya tetapi ia telah diriwayatkan dengan tawābiʾ dan shawāhid yang banyak. Ia telah menjadi motivasi bagi ramai para ulama', khususnya para ulama' hadith, untuk mengumpulkan sebanyak empat puluh (40) hadith atau sekitarnya di dalam sesuatu bidang ilmu. Kitab-kitab hadith dalam kategori ini dikenali sebagai *Arbaʿīniyyāt*. Buku yang sedang ditatap oleh pembaca ini adalah merupakan terjemahan bagi kitab yang paling masyhur di dalam koleksi *Arbaʿīniyyāt* ini iaitu 40

Hadith Imam Nawawi yang lebih dikenali sebagai Arbaʿīn Nawawiyyah.

Walaupun di sana terdapat begitu banyak sekali terjemahan bagi Arbaʿīn Nawawiyyah, namun setiap versi terjemahan pasti mempunyai keunikan dan kelebihannya tersendiri. Kami menerbitkan matan dan terjemahan Arbaʿīn Nawawiyyah ini berserta dengan: Biografi Imam Nawawi, Analisa ringkas bagi Arbaʿīn Nawawiyyah, Risalah "Bāb al-Ishārāt ilā Ḍabṭ al-Alfāẓ al-Mushkilāt", Fasal berkenaan makna "al-Ḥifẓ" dan Ḥizb Imam Nawawi. Kemudian, sanad dan ijazah bagi Arbaʿīn Nawawiyyah dan Ḥizb Imam Nawawi disertakan. Pada hakikatnya penulis bukanlah orang yang paling layak untuk melakukan tugas ini, namun begitu penulis meletakkan pergantungan penulis kepada rahmat dan kurniaan Allah ﷻ agar Dia menerima usaha yang kerdil ini dan menjadikannya sebagai salah satu amal soleh penulis yang diterima-Nya sebagai satu khidmat buat Sunnah kekasih-Nya, Nabi Muhammad ﷺ dan para guru penulis serta *mashāyikh* dan ulama' yang menjadi wasilah bagi penulis mendapatkan limpah kurnia ini.

Berdasarkan hemat dan pengalaman penulis, penghimpunan empat puluh (40) hadith di dalam suatu bidang ilmu mempunyai kepentingan dan hikmah yang signifikan bagi membentuk kefahaman dan kebijaksanaan dalam bidang tersebut. Himpunan dengan jumlah ini dapat memberikan gambaran umum yang menyeluruh dan menjadi anak kunci pembuka bagi menguasai dan memahami bidang ilmu tersebut. Hakikat ini pasti akan dapat dirasai oleh mereka yang mempelajari atau menghimpunkan empat puluh (40) hadith di dalam sesuatu bidang. Bilangan empat puluh (40)

yang dinyatakan oleh Rasulullah ﷺ pastinya mempunyai rahsia dan hikmah, dan bukanlah satu penyataan yang sia-sia.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, buku ini bukan sahaja mengandungi matan Arbaʿīn Nawawiyyah, ia juga mengandungi beberapa perbahasan ringkas yang berkaitan. Berikut adalah susunan kandungan utama bagi buku ini:




Penulis memulakan buku ini dengan “*Ḥadīth al-Raḥmah al-Musalsal bi al-Awwaliyyah.*”

# HADĪTH AL-RAḤMAH AL-MUSALSAL BI AL-AWWALIYYAH

Adalah menjadi adat kebiasaan di kalangan para ulama’ hadith dari zaman Amīr al-Mu’minīn fī al-Ḥadīth Imam Sufyān bin ʿUyaynah untuk membaca dan meriwayatkan “*Hadīth al-Raḥmah al-Musalsal bi Al-Awwaliyyah*” sebagai hadith pertama yang diperdengarkan sebelum memulakan mana-mana pengajian hadith atau ketika mula-mula bertemu dengan penuntut ilmu.

Maka dengan ini, saya *al-faqīr ila Allāh al-Ghanī al-Ḥamīd*, Abdullaah bin Jalil bin Omar meriwayatkan hadith ini kepada pembaca kitab ini dengan sanad saya melalui para *mashāyikh* seperti Al-Shaykh al-Musnid Muḥammad Dānial al-Muhājir al-Dimashqī, Al-Shaykh Gibrīl Fuʾād Ḥaddād al-Ṣālihī al-Shāfiʿī al-Naqshabandī dan selain mereka sehingga kepada Imam Sufyān bin ʿUyaynah (w.198H). Beliau meriwayatkan daripada al-Tābiʿī al-Jalīl Abū Muḥammad ʿAmr bin Dīnār (w.125H), daripada al-Tābiʿī al-Jalīl Abū Qābūs, Mawlā Saidina ‘Abdullāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ, daripada Saidina ‘Abdullāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ رضي الله عنهما (w.63/65H), beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

﴿ اَلرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمٰنُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى، اِرْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ، يَرْحَمُكُمْ/ يَرْحَمْكُمْ مَنْ فِي السَّمَاءِ ﴾

“Orang-orang yang memiliki rahmat itu, mereka dirahmati oleh Allah Yang Maha Pemurah (Luas Rahmat-Nya). Rahmatilah sesiapa yang ada dibumi ini, mudah-mudahan/ pasti ahli-ahli langit (para Malaikat) merahmati kamu.”

# BIOGRAFI IMAM NAWAWI

Sebelum kita mempelajari kitab Arbaʿīn Nawawiyyah ini, kita patut terlebih dahulu mengenal latar belakang pengarangnya, Imam Nawawi, agar kita lebih menghargai dan mengenali susuk tubuh yang penuh dengan keberkatan dan kemuliaan ini.

Imam Nawawi adalah satu nama yang harum di dalam sejarah dunia keilmuan Islam. Beliau adalah salah seorang tokoh ulama' Islam yang terulung dalam pelbagai bidang keilmuan Islam, memiliki sifat wara' dan zuhud yang luar biasa serta mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam mazhab Shafi'i dan ilmu hadith.

## Nama, Kunyah, Gelaran dan Nisbah

Beliau ialah:

| | | |
|---|---|---|
| Nama penuh | : | Yaḥyā bin Sharaf bin Murrī bin Ḥasan bin Ḥusayn bin Muḥammad bin Jumuʿah bin Hizām |
| Kunyah | : | Abū Zakariyyā |
| Gelaran & Pangkat | : | Muhyī al-Dīn, Al-Imām, Al-Faqīh, Al-Ḥāfiẓ, Shaykh al-Islām, Zāhid al-ʿUlamā', ʿĀlim al-Zuhhād, Al-ʿAlim Al-ʿAmil, Al-Qudwah, Shaykh al-Shāfiʿiyyah... |
| Nisbah | : | Al-Nawawī Al-Ḥizāmī Al-Dimashqī Al-Shāfiʿī Al-Ashʿarī |

Imam Nawawi diberi kunyah Abū Zakariyyā walaupun beliau tidak mempunyai anak kerana tidak berkahwin. Sebahagian ulama' menyatakan bahawa kunyah Abū Zakariyyā diberikan kepada beliau

kerana nama beliau ialah Yaḥyā. Nabi Yaḥyā ﷺ adalah anak kepada Nabi Zakariyyā ﷺ. Kalau mengikut qiyas, beliau sepatutnya diberi kunyah Ibnu Yaḥyā. Akan tetapi telah menjadi kebiasaan yang didengari di kalangan Arab bahawa orang yang bernama Yaḥyā diberi kunyah Abū Zakariyyā (walaupun Nabi Zakariyyā ﷺ adalah ayah kepada Nabi Yaḥyā ﷺ) seperti mana orang yang bernama Yūsuf diberi kunyah sebagai Abū Yaʿqūb (walaupun Nabi Yaʿqūb ﷺ adalah ayah kepada Nabi Yūsuf ﷺ).”

Gelaran yang diberikan kepada beliau pula adalah Muhyī al-Dīn yang bermakna “Orang yang menghidupkan agama.” Dengan sikap beliau yang tawaduk, beliau tidak menyukai gelaran itu diberikan kepada beliau. Bahkan, beliau pernah diriwayatkan berkata:

لَا أَجْعَلُ فِي حِلٍّ مَنْ لَقَبَنِي مُحْيِي الدِّينِ

“Aku tidak menghalalkan sesiapa yang menggelarkan daku dengan Muhyī al-Dīn.”

R: (Shasm al-Din al-Sakhawi (1051H), 2005 - al-Manhal al-'Adhb al-Rawi fi Tarjamat Qutb al-Awliya' al-Nawawi).

Namun begitu, para ulama’ tetap memberikan gelaran ini kepada beliau kerana gelaran ini dilihat layak untuk beliau dan merupakan adab mereka kepada beliau. Beliau dilihat sebagai orang yang dijadikan oleh Allah sebagai penyebab bagi menghidupkan Sunnah Nabi ﷺ, mematikan bid’ah-bid’ah, menegakkan kebenaran, mencegah kemungkaran dan memberi manfaat kepada ramai para Muslimin di dalam agama mereka khususnya karang-karangan beliau yang masyhur dan diberkati sehingga ke hari ini. Hakikat ini benar-benar sesuai dengan sabdaan Rasulullah ﷺ:

... وَمَا تَوَاضَعَ أَحَدٌ لِلَّهِ إِلَّا رَفَعَهُ اللهُ

“Dan tidaklah seseorang itu merendahkan dirinya kerana Allah melainkan Allah akan mengangkatnya ...”

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2590 dan lain-lain. [Status: Sahih]

## Kelahiran dan Keluarga

Para ulama’ sejarah bersepakat bahawa Imam Nawawi dilahirkan di dalam bulan Muharram pada tahun 631H di Nawā, Syria. Bapa beliau ialah seorang peniaga yang memiliki sebuah kedai di Nawa dan merupakan seorang lelaki yang soleh. Imam ʿAla’ al-Din Ibn al-ʿAttar menyebut beliau sebagai:

الشَّيْخُ الزَّاهِدُ الْوَرِعُ وَلِيُّ اللهِ ...

“Al-Shaykh, seorang yang zuhud, seorang yang wara’, seorang wali Allah.”

T: (Ibn al-'Attar (724H), 2007M/1428H - Tuhfat al-Talibin fi Tarjamat al-Imam Muhyi al-Din).

### Tujuh Tahun

Sejak dari kecil lagi, Imam Nawawi dilihat berada di dalam ʿinayah Allah ﷻ. Ketika beliau berumur tujuh (7) tahun, pernah terjadi pada satu ketika beliau sedang tidur pada malam ke dua puluh tujuh (27) Ramadan di sisi bapanya, maka beliau terjaga di tengah malam dan mengejutkan bapanya dan berkata:

يَا أَبَتِي مَا هَذَا الضَّوْءُ الَّذِي قَدْ مَلَأَ الدَّارَ؟

“Wahai ayahku, apakah cahaya terang yang sedang memenuhi rumah ini?”

Maka seluruh ahli keluarganya pun bangkit, tetapi mereka tidak melihat sebarang cahaya. Maka ayah Imam Nawawi berkata:

فَعَرَفْتُ أَنَّهَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ

"Maka aku pun tahu bahawa ia adalah malam Laylat al-Qadr."

R: (al-Sakhawi – al-Manhal al-'Adhb al-Rawi fi Tarjumat Qutb al-Awliya' al-Nawawi).

Daripada peristiwa ini juga, bapanya mungkin dapat merasakan masa depan yang baik bagi anaknya ini. Kemudian, bapanya menghantar beliau untuk belajar Al-Qur'an di sisi guru al-Qur'an dan akhirnya Imam Nawawi tenggelam di dalam kesibukannya bersama al-Qur'an dan ilmu. Beliau juga dilihat tidak suka perkara lain yang menyibukkan dirinya daripada al-Qur'an sejak kecil lagi. Beliau tidak berminat untuk bermain-main bersama kanak-kanak yang lain dan hanya menumpukan minat beliau pada membaca Al-Qur'an dan ilmu.

**Sepuluh Tahun**

Seorang wali Allah yang bernama al-Shaykh Yāsīn bin Yūsuf al-Marrākushī berkata:

Aku telah melihat al-Shaykh (Imam Nawawi) ketika beliau berusia 10 tahun di Nawā. Kanak-kanak yang lain memaksa beliau untuk bermain bersama mereka, tetapi beliau melarikan diri daripada mereka dan menangis kerana paksaan tersebut serta beliau membaca al-Quran dalam keadaaan itu, maka rasa kasih/ cinta kepada beliau telah masuk ke dalam hatiku. Dan bapanya pula pada waktu itu meletakkan beliau di kedai bersamanya, tetapi beliau tidak meninggalkan al-Qur'an untuk pekerjaan jual beli di situ. Lalu aku pun pergi menemui gurunya dan memberi pesanan agar Imam Nawawi dididik dengan baik dan aku berkata kepadanya:

إِنَّهُ يُرْجَى أَنْ يَكُونَ أَعْلَمَ أَهْلِ زَمَانِهِ وَأَزْهَدَهُمْ، وَيَنْتَفِعُ النَّاسُ بِهِ

"Sesungguhnya beliau ini diharapkan akan menjadi orang yang paling 'alim di zamannya dan paling zuhud, dan orang ramai akan mendapat manfaat daripadanya."

Lalu gurunya berkata kepadaku:

أَمُنَجِّمٌ أَنْتَ؟

"Adakah engkau ini ahli nujum?"

Aku berkata:

لَا، وَإِنَّمَا أَنْطَقَنِي اللهُ بِذَلِكَ

"Tidak, dan hanyasanya Allah telah memberitahuku tentang itu."

Maka gurunya tersebut pun menceritakan hal pesanan tersebut kepada ayah beliau. Dan ayah Imam Nawawi pun menjaga beliau dengan baik untuk memastikan agar beliau dapat mengkhatam al-Qur'an sewaktu beliau hampir baligh.

R: (al-Sakhawi – al-Manhal al-'Adhb al-Rawi fi Tarjumat Qutb al-Awliya' al-Nawawi).

Setelah itu, Imam Nawawi sering pergi menziarahi al-Shaykh Yāsīn bin Yūsuf al-Marrākushī dan mengambil ilmu dan didikan daripada beliau.

## Sembilan Belas Tahun

Ketika usia beliau meniti sembilan belas (19) tahun, bapanya telah membawanya ke Damsyik dan meletakkan beliau di Madrasah al-Rawāḥiyyah di sana. Madrasah ini telah dibina oleh seorang ahli perniagaan yang bernama Zakiyy al-Dīn Abū al-Qāsim, dan beliau lebih dikenali sebagai Ibnu Rawāḥah. Pada waktu ini, beliau mula

menghafal kitab “al-Tanbīh” oleh Imam Abū Ishāq al-Shīrāzī dalam tempoh empat bulan setengah sahaja, dan beliau menghafal satu perempat dari kitab “al-Muhadhdhab” oleh pengarang yang sama pada baki tahun tersebut. Di sini juga beliau melazimi al-Shaykh Kamāl al-Dīn Isḥāq bin Aḥmad al-Maghribī.

## Pergi Mengerjakan Haji

Kemudian pada tahun 651H, beliau telah pergi mengerjakan haji bersama bapanya. Mereka mula bertolak pada awal bulan Rejab. Dalam perjalanan ini, beliau sempat duduk di Madinah selama hampir sebulan setengah. Sejak mula bertolak dari Nawa lagi, Imam Nawawi telah sakit demam dan demamnya ini tidak surut dan berpanjangan sehinggalah pada Hari ‘Arafah. Namun begitu, beliau tetap sabar dan tidak pernah mengeluh sedikit pun. Setelah beliau menyempurnakan haji yang wajib ini (Hajjat al-Islam), beliau dan bapa beliau kembali ke Nawa dan beliau kembali semula Damsyik. Sebahagian ulama’ menyatakan bahawa Imam Nawawi juga ada mengerjakan haji buat kali kedua selepas itu ketika beliau menetap di Damsyik. Satu perkara yang jelas berlaku selepas kepulangan beliau daripada melakukan haji adalah limpahan ilmu yang dibukakan oleh Allah ﷻ kepada beliau.

## Menziarahi Maqam Imam al-Shafiʿi di Mesir

Imam Nawawi juga pernah pergi ke Mesir menziarahi kubur Imam Shafiʿi. Apabila beliau sampai di sana dan melihat kubah di atas maqam Imam Shafiʿi, beliau merasa malu untuk pergi lebih dekat. Beliau membaca Al-Fatihah, berdoa dan menangis, kemudian berlalu pergi. Maka ada yang bertanya kepada beliau mengapa beliau tidak pergi lebih dekat lagi, beliau menjawab:

لَوْ كَانَ حَيًّا مَا اسْتَطَعْتُ إِلَّا أَنْ أَقِفَ هُنَا

"Jika beliau (Imam Shafiʿi) masih hidup, pasti aku tidak mampu melainkan untuk berdiri di sini sahaja."

## Guru-guru

Di antara guru-guru beliau ialah:

- Al-Imām Abū Ibrāhīm Isḥāq bin Aḥmad bin ʿUthmān al-Maghribī, kemudian al-Maqdisī (yang disepakati tentang keilmuannya, kezuhudannya, kewara'kannya dan ibadahnya). Menurut Imam al-Sakhāwī, Imam Nawawi paling banyak mendapatkan manfaat ilmunya daripada beliau.
- Al-Imām al-ʿĀrif al-Ẓāhir al-Wariʿ al-Mutqin (Mufti Damsyik pada zamannya) Abū Muḥammad ʿAbd al-Raḥmān bin Nūh bin Muḥammad bin Ibrāhīm bin Mūsā al-Maqdisī, kemudian al-Dimashqī.
- Al-Imām al-Mutqin al-Muftī Abū Ḥafs ʿUmar bin Asʿad bin Abū Ghālib al-Rabʿī al-Arbalī.
- Al-Imām al-ʿĀlim (yang disepakti keagungannya dan kedudukan beliau sebagai Imam, khususnya di dalam mazhab Shafiʿi pada zamannya) Abū al-Ḥasan Sallār bin al-Ḥasan al-Arbalī, kemudian al-Ḥalabī, kemudian al-Dimashqī.
- Al-Shaykh Jamāl al-Din ʿAbd al-Kāfī al-Rabʿī al-Dimashqī (khatib dan imam di Masjid al-Jāmiʿ al-Umawī). Menurut al-Qutb al-Yūnīnī, beliau adalah merupakan guru Imam Nawawi yang pertama ketika beliau mula datang ke Damsyik.

- Al-Shaykh Tāj al-Dīn ʿAbd al-Raḥmān bin Ibrāhīm bin Sibāʿ al-Fazārī al-Shafiʿī, dikenali sebagai al-Firkāḥ, dan lain-lain.

Secara kesimpulannya, Imam Nawawi telah berguru dengan guru-guru yang alim, wara', dan ahli ibadah lagi diperakui dalam bidang masing-masing, khususnya ulama' besar mazhab Shafiʿi. Ini juga adalah salah satu faktor terbesar yang membentuk keperibadian cemerlang dan ulung pada Imam Nawawi dan ketokohan beliau di dalam mazhab Shafiʿi.

## Para Pelajar

Di antara para ulama' yang mengambil ilmu daripada beliau ialah:

- Al-Imām ʿAlāʾ al-Dīn Ibn al-ʿAṭṭār, Abū al-Ḥasan ʿAli bin Ibrāhīm al-Dimashqī al-Shafiʿī al-Juhanī
- al-Ṣadr al-Raʾīs al-Fāḍil Abū al-ʿAbbās Aḥmad bin Ibrāhḥm bin Muṣʿab
- Al-Muḥaddith Abū al-ʿAbbās Aḥmad bin Farh al-Ishbīlī
- Al-Rashid Ismāʿīl bin ʿUthmān bin ʿAbd al-Karīm al-Muʿallim al-Ḥanafī
- Al-Shaykh Abū ʿAbdillah Muḥammad bin Abū al-Fatḥ al-Ḥanbalī
- Al-Shaykh Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad bin ʿAbbās bin Jaʿwān
- Al-Faqīh al-Muqriʾ Abū al-ʿAbbās Aḥmad al-Ḍarīr, al-Wāsitī, yang digelar al-Khallāl.
- Al-Najm Ismāʿīl bin Ibrāhīm bin Sālim al-Khabbāz
- Al-Shaykh al-Nāsik Jibrīl al-Kurdī

- Al-Jamāl Rāfiʿ al-Ṣamīdī
- Al-Amān Sālim bin Abū al-Durr
- Al-Faqīh al-Adīb Sultan, Imam al-Rawāḥiyyah
- Al-Qāḍī Jamāl al-Dīn Sulaymān bin ʿAmr bin Sālim al-Zurʿī
- Al-Qāḍī Ṣadr al-Dīn Abū al-Faḍl Sulaymān bin Hilāl bin Shibl al-Jaʿfarī al-Ḥawrānī al-Dimashqī al-Shāfiʿī, khatib di Dāriyā, dan lain-lain lagi yang tidak disebutkan di sini.

## Ketokohan Imam Al-Nawawi di dalam Bidang-bidang Ilmu Islam

Imam Nawawi adalah seorang ulama' yang *mutafannin* (yang menguasai pelbagai bidang ilmu). Lembaran yang ringkas ini pasti tidak mampu mencakupi ketokohan beliau di dalam bidang ilmu-ilmu Islam.

### Tokoh Peringkat Penyaringan (*Taḥrīr*) Mazhab Shafiʿi Bersama Imam al-Rafiʿi

Di dalam ilmu fiqh, Imam Nawawi mempunyai kedudukan yang sangat tinggi dan istimewa, khususnya di dalam mazhab Shafiʿi. Imam al-Rafiʿi dan Imam Nawawi (atau al-Shaykhān) adalah dua orang tokoh yang memainkan peranan yang paling penting di dalam peringkat penyaringan (*taḥrīr*) mazhab Shafiʿi. Peringkat ini boleh dianggap sebagai peringkat "pengasasan kali ke-2" di dalam mazhab Shafiʿi. Imam al-Rafiʿi dan Imam Nawawi boleh dianggap sebagai "pengasas kedua mazhab Shafie" dan fatwa-fatwa serta tarjih mereka menjadi tunggak bagi ulama' Shafiʿiyyah selepas mereka dalam menentukan pendapat muktamad di dalam mazhab Shafiʿi.

Imam Muḥammad bin Sulaymān al-Kurdī al-Madanī al-Shāfiʿī (w.1194H) menukilkan daripada Imam Ibnu Ḥajar al-Haytamī al-Makkī (w.973H) bahawa beliau menyebut di dalam al-ʿUbāb dan syarahnya (p.40-41):

**وَقَدْ أَجْمَعَ الْمُحَقِّقُونَ عَلَى أَنَّ الْمُفْتَى بِهِ مَا ذَكَرَاهُ (أَيْ الرَّافِعِيُّ وَالنَّوَوِيُّ)، (وَإِنِ اخْتَلَفَا) فَالنَّوَوِيُّ. وَعَلَى أَنَّهُ لَا يُفْتَى بِمَنْ يَعْتَرِضُ عَلَيْهِمَا بِنَصِّ الْأُمِّ أَوْ كَلَامِ الْأَكْثَرِينَ أَوْ نَحْوِ ذَلِكَ؛ لِأَنَّهُمَا أَعْلَمُ بِالنُّصُوصِ وَكَلَامِ الْأَصْحَابِ مِنَ الْمُعْتَرِضِ عَلَيْهِمَا، فَلَمْ يُخَالِفَاهُ إِلَّا لِمُوجِبٍ، عَلِمَهُ مَنْ عَلِمَهُ وَجَهِلَهُ مَنْ جَهِلَهُ**

"Dan sesungguhnya para ulama' pentahqiq mazhab Shafiʿi telah berijma' bahawa pandangan yang dijadikan fatwa dalam mazhab Shafiʿi adalah apa yang dinyatakan oleh kedua-dua Imam Nawawi dan Imam al-Rafiʿi. Kemudian, jika berlaku perbezaan di antara kedua-dua mereka, maka pandangan yang dijadikan fatwa ialah pandangan Imam Nawawi.

Dan sesungguhnya tidak difatwakan dengan sesiapa sahaja yang mempertikaikan mereka berdua dengan nas kitab al-Umm [oleh Imam Shāfiʿī] atau kata-kata majoriti yang lain atau seumpamanya.

Ini adalah kerana mereka berdua lebih mengetahui tentang nas-nas [Imam Shāfiʿī] dan kata-kata para *aṣḥāb al-wujūh* (*mujtahid al-madhhab*) daripada orang yang mempertikaikan mereka berdua.

Mereka berdua tidak menyalahi nas Imam Shāfiʿī atau kata-kata ulama' mazhab melainkan ada perkara yang mewajibkannya.

Orang yang tahu, dia pasti tahu hakikat ini, dan orang yang jahil, dia pasti jahil tentang hakikat ini."

R: (Muhammad al-Kurdi al-Madani (1194H), 2011 - al-Fawa'id al-Madaniyyah fiman Yufta Biqawlih min A'immat al-Shafi'iyyah).

Kewujudan aliran ulama' Shafiʿiyyah yang menggabungkan di antara kedua-dua aliran ʿIraqiyyūn dan Khurāsāniyyūn telah membuka jalan kepada lahirnya peringkat penyaringan mazhab Shafiʿi. Peringkat penyaringan (*taḥrīr*) adalah peringkat di mana berlaku perubahan yang besar di dalam pemurnian fatwa-fatwa di dalam mazhab Imam Shafiʿi.

Di dalam peringkat ini, Imam al-Rafiʿi dan Imam Nawawi tidak banyak melakukan takhrij berdasarkan fatwa Imam al-Shafiʿi atau mengeluarkan fatwa (*wajh*) sendiri. Mereka berdua lebih banyak melakukan proses "pentarjihan" atau pemurniaan dalam menentukan pendapat yang muktamad di dalam mazhab Shafiʿi setelah timbul beberapa pandangan ulama' mujtahid mazhab Shafiʿi di dalam satu isu masalah sebelumnya. Di peringkat ini juga, Imam Nawawi telah mengasaskan istilah-istilah fiqh di dalam mazhab Shafiʿi bagi menerangkan secara ringkas pendapat muktamad serta bentuk dan kekuatan *khilaf* (perbezaan pendapat) yang berlaku di kalangan ulama' mujtahid di dalam mazhab Shafiʿi.

## Shaykh al-Hadith di Dar Al-Hadith Al-Ashrafiyyah

Imam Nawawi bukan sahaja tokoh besar di dalam fiqh, khususnya mazhab Shafiʿi. Beliau juga merupakan tokoh besar di dalam bidang ilmu hadith. Ketokohan Imam Nawawi di dalam bidang hadith pada zamannya juga dapat dibuktikan dengan perlantikan beliau sebagai

Shaykh al-Ḥadīth bagi Dār al-Ḥadīth al-Ashrafiyyah, pada waktu di mana para gurunya masih ada dan usianya yang lebih muda.

Dār al-Ḥadīth al-Ashrafiyyah yang terletak di Damsyik, Syria adalah pusat pengajian dan penyelidikan ilmu hadith yang paling berpengaruh di dalam sejarah dunia Islam. Ia adalah pusat hadith yang kedua di dalam dunia Islam setelah Dār al-Hadīth al-Nūriyyah yang dibina oleh al-Malik al-ʻĀdil Nūr al-Dīn al-Zinkī bagi gurunya al-Imām al-Ḥāfiẓ Ibnu ʿAsākir, seorang tokoh besar ilmu hadith dan sejarah di Damsyik.

Dār al-Ḥadīth al-Ashrafiyyah adalah pusat ilmu hadith yang dipimpin oleh tokoh-tokoh besar ilmu hadith dan mereka telah mengarang kitab-kitab utama di dalam bidang ini. Ia juga sebuah institusi pendidikan yang berasaskan konsep wakaf. Dār al-Ḥadīth al-Ashrafiyyah telah dibina oleh seorang raja yang dikenali amat menyintai ilmu dan ulama' iaitu al-Malik al-Ashraf Muẓaffar al-Dīn Abū al-Fatḥ Mūsā bin al-Malik al-ʻĀdil Abū Bakr Muḥammad bin Ayyūb. Beliau merupakan anak saudara bagi al-Malik al-Nāṣir Ṣalāḥ al-Dīn al-Ayyūbī yang telah mengembalikan Baitul Maqdis dari tentera salib. Al-Malik al-Ashraf telah membeli sebuah rumah dan satu bilik mandi yang dimiliki oleh Ṣārim al-Dīn Qāymāz. Ia terletak berdekatan dengan Qalʿah Dimashq di bahagian timurnya. Kemudian baginda meruntuhkan kedua-dua rumah dan bilik mandi tersebut dan membina bangunan Dār al-Ḥadith al-Asharafiyyah dan sebuah rumah buat Sheikh yang akan mengetuainya bersebelahannya di kawasan tersebut.

Apabila bangunan Dār al-Ḥadīth al-Ashrafiyyah tersebut telah siap dibina, al-Malik al-Ashraf membuat sambutan pembukaannya

pada malam yang sangat berkat iaitu pada malam Nisfu Sha'ban (15 Sha'ban) pada tahun 630 Hijrah. Tokoh pertama yang diberi amanah untuk mengajar dan mengetuai pusat hadith ini adalah al-Imām al-Ḥāfiẓ al-Ḥujjah Abū ʿAmr Ibn Ṣalāḥ al-Shahrazūrī. Institusi hadith ini adalah merupakan wakaf bagi ulama'-ulama' hadith dari kalangan ulama' mazhab al-Shafiʿi. Untuk menjadi Sheikh bagi Dār al-Ḥadīth al-Ashrafiyyah ini, seseorang alim itu juga mestilah bermanhaj al-Asha'irah di dalam bidang aqidah. Al-Malik al-Ashraf juga telah meletakkan sepasang kasut Rasulullah ﷺ di dalam sebuah kotak kayu yang diletakkan di atas mihrab di Dār al-Ḥadīth al-Ashrafiyyah. Baginda memperolehi sepasang kasut Nabi ﷺ ini melalui wasiat yang dibuat oleh al-Nizām Ibn Abī al-Ḥadīd, seorang peniaga di Damsyik. Baginda pernah meminta sepasang kasut tersebut daripadanya tetapi beliau enggan memberikannya sehinggalah ketika beliau hampir wafat, beliau mewasiatkan sepasang kasut yang mulia itu kepada baginda.

Di antara tokoh-tokoh besar ilmu hadith yang pernah menjadi Shaykh al-Ḥādīth di Dār al-Ḥadīth al-Ashrafiyyah adalah:

- Al-Imām Shaykh al-Islām Al-Ḥāfiẓ Taqiyy al-Dīn Abū ʿAmr ʿUthmān bin ʿAbd al-Raḥmān Ibn al-Ṣalāḥ al-Shāfiʿī (w.643H)
- Al-Imām al-Faqīh al-Muḥaddith al-Ḥujjah Shihāb al-Dīn Abū al-Qāsim ʿAbd al-Raḥmān bin Ismāʿīl bin Ibrāhīm al-Shāfiʿī (w.665H).
- **Al-Imām al-Ḥāfiẓ Muḥyī al-Dīn Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī al-Shāfiʿī (w.676H)**

- Al-Imām al-Faqīh Ṣadr al-Dīn Muḥammad bin ʿUmar bin Makkī al-Shāfiʿī, yang lebih dikenali dengan Ibnu al-Wakīl (w.716H).
- Al-Imām al-Ḥāfiẓ Muḥaddith al-Shām Jamāl al-Dīn Abū al-Ḥajjāj Yūsuf bin al-Zakiyy 'Abd al-Raḥmān al-Mizzī al-Shāfiʿī (w.742H).
- Al-Imām al-Faqīh al-Ṣūfī al-Muḥaddith al-Ḥāfiẓ al-Mufassir al-Muqriʿ al-Uṣūlī al-Mutakallim al-Naḥwī al-Lughawī al-Adīb al-Manṭiqī al-Jadalī al-Naẓẓār Taqiyy al-Dīn Abū al-Ḥasan ʿAlī bin ʿAbd al-Kāfī al-Subkī al-Shāfiʿī al-Ashʿarī; beliau digelar sebagai "Shaykh al-Islām" dan "Qāḍī al-Quḍāh" (w.756H).
- Al-Imām al-Ḥāfiẓ al-Muḥaddith al-Mufassir ʿImād al-Dīn Abū al-Fidāʾ Ismāʿīl bin ʿUmar bin (/Ibnu) Kathīr al-Shāfiʿī (w.774H).
- Al-Imām al-Muhḥaddith al-Akbar Muḥammad Badr al-Dīn bin Yūsuf al-Ḥasanī al-Shāfiʿī (w.1354H).

Dan lain-lain yang tidak dinyatakan di sini.

## Tokoh Ahli Sunnah dan Jama'ah Bermanhaj Al-Ashʿarī

Tanpa syak lagi, Imam Nawawi juga adalah salah seorang tokoh besar Ahli Sunnah dan Jama'ah dari kalangan Al-Ashāʿirah yang berlandaskan manhaj Imam Abū al-Ḥasan Al-Ashʿarī. Ini sama sekali bertentangan dengan sebahagian golongan ekstrim pada hari ini yang mendakwa bahawa Imam Nawawi bukan seorang Ahli Sunnah dan Jama'ah pada perkara berkaitan dengan aqidah, khususnya berkaitan sifat-sifat Allah ﷻ.

Imam Nawawi berjalan di atas manhaj al-Ashaʿirah dalam perkara aqidah. Ini dapat dilihat dengan jelas dari nukilan dan kenyataan beliau di dalam kitab-kitab karangan beliau. Bahkan hakikat ini amat jelas kerana ulama' mazhab Shafiʿi keseluruhannya bermanhaj di atas mazhab Asha'irah di dalam aqidah sejak sebelum beliau lagi. Dan ramai di kalangan ulama' mazhab Shafiʿi juga merupakan tokoh-tokoh besar Al-Ashaʿirah. Al-Imām Qāḍī al-Quḍāh Tāj al-Dīn ʿAbd al-Wahhāb al-Subkī (w.771H) bin al-Imām Shaykh al-Islām Qāḍī al-Quḍāh al-Faqīh al-Shāfiʿī al-Muḥaddith al-Sūfī Taqiyy al-Dīn ʿAlī bin ʿAbd al-Kāfī al-Subkī (w.756H) menyebut di dalam "Ṭabaqāt al-Shāfiʿiyyah al-Kubrā" (3/376):

**وَأَبُو الْحَسَنِ الْأَشْعَرِيُّ إِمَامُ أَهْلِ السُّنَّةِ وَعَامَّةُ أَصْحَابِ الشَّافِعِيِّ عَلَى مَذْهَبِهِ وَمَذْهَبُهُ مَذْهَبُ أَهْلِ الْحَقِّ**

> "Dan [Imam] Abu al-Hasan al-Ash'ari itu adalah Imam Ahli Sunnah [dan Jama'ah], dan **kesemua ulama'-ulama' mazhab al-Shafi'i berada di atas mazhabnya (Al-Ashāʿirah)**, dan mazhabnya (Abu al-Hasan al-Ash'ari) adalah merupakan mazhab orang-orang yang benar."
>
> R: (Taj al-Din al-Subki (771H), 2003 - Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra).

Beliau juga dengan jelas menyatakan bahawa Imam Nawawi adalah dari kalangan ulama' Al-Ashaʿirah di dalam kitab yang sama (1/132):

**وَعَلِيهِ أَيْضًا مِنْ مُحَدِّثِي الْأَشَاعِرَةِ وَفُقَهَائِهِمْ النَّوَوِيُّ رَحِمَهُ اللهُ سَيِّدُ الْمُتَأَخِّرِينَ فَإِنَّهُ قَالَ فِي شَرْحِ مُسْلِمٍ ...**

“Dan yang berpegang dengan pegangan ini juga **dari kalangan ulama’ hadith Al-Ashaʿirah dan para fuqaha’nya** adalah [Imam] **al-Nawawi** – semoga Allah ﷻ merahmatinya – Sayyid al-Mutaʾakhhirīn (penghulu bagi para ulama’ muta’akhkhirin), maka sesungguhnya beliau berkata di dalam Sharh [Sahih] Muslim ….”

R: (Taj al-Din al-Subki (771H), 2003 - Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra).

Menurut Sheikh Nizar Hammadi, pendekatan ulama’ al-Ashāʿirah di dalam integrasi aqli dan naqli boleh dibahagikan kepada tiga jenis bentuk:

(i) Naqli lebih banyak berbanding aqli,
(ii) Aqli lebih banyak berbanding naqli, &
(iii) Naqli dan aqli digabungkan secara seimbang.

**Imam Nawawi al-Shāfiʿī (w.676H)** dan Imam Ibnu Ḥajar al-ʿAsqalānī al-Shāfiʿī (w.852H) adalah dua contoh ulama’ Al-Ashaʿirah yang mengambil pendekatan pertama. Imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī al-Shāfiʿī (w.606H) adalah contoh bagi pendekatan ketiga. Manakala Imam Ḥujjat al-Islām Abū Ḥāmid al-Ghazālī al-Shāfiʿī (w.505H) adalah tokoh yang dapat mengimbangkan di antara kedua-dua aspek tersebut.

Di dalam “Tahdhīb al-Asmāʾ wa al-Lughāt” pula, Imam Nawawi jelas mengangkat tokoh-tokoh ulama’ al-Ashāʿirah sebagai tokoh-tokoh Ahli Sunnah dan Jama’ah. Ketika beliau menerangkan tentang kedudukan Imam Abū Isḥāq al-Isfarāyinī al-Faqīh, beliau berkata (2/169-170):

وَكَانَ الْأُسْتَاذُ (أَبُو إِسْحَاقَ الْإِسْفَرَايِينِيُّ الْفَقِيهُ) أَحَدَ الثَّلَاثَةِ الَّذِينَ اجْتَمَعُوا فِي عَصْرٍ وَاحِدٍ عَلَى نَصْرِ مَذْهَبِ الْحَدِيثِ وَالسُّنَّةِ فِي الْمَسَائِلِ الْكَلَامِيَّةِ، الْقَائِمِينَ بِنُصْرَةِ مَذْهَبِ الشَّيْخِ أَبِي الْحَسَنِ الْأَشْعَرِيِّ، وَهُمْ الْأُسْتَاذُ أَبُو إِسْحَاقَ الْإِسْفَرَايِينِيُّ، وَالْقَاضِي أَبُو بَكْرٍ الْبَاقِلَّانِيُّ، وَالْإِمَامُ أَبُو بَكْرِ بْنُ فُورَك ...

> "Dan al-Ustādh (Abū Isḥāq al-Isfarāyinī al-Faqīh) adalah salah seorang daripada tiga tokoh yang berhimpun pada masa yang sama dalam mendukung mazhab al-Hadith dan al-Sunnah (Ahli Sunnah dan Jama'ah) di dalam permasalahan-permasalahan kalam/aqidah, mereka semuanya mendukung mazhab al-Shaykh Abū al-Ḥasan al-Ashʿarī.
>
> Dan mereka bertiga itu adalah:
>
> (i) Al-Ustādh Abū Isḥāq al-Isfarāyinī;
>
> (ii) Al-Qāḍī Abū Bakr al-Baqillānī; dan
>
> (iii) Al-Imām Abū Bakr bin Fūrak."
>
> R: (al-Nawawi (676H), - Tahdhib al-Asma' wa al-Lughat).

## Seorang Ulama' Sufi Yang Wara', Zuhud dan Kuat Beribadah

Imam Nawawi juga adalah seorang tokoh ulama' Sufi yang wara', zuhud dan kuat beribadah. Di antara gurunya yang banyak mendidik beliau di dalam bidang Tasawwuf adalah al-Shaykh Yāsīn bin Yūsuf al-Marrākushī, beliau juga adalah Sheikh yang dapat melihat kebaikan dan potensi beliau sejak kecil lagi. Al-Imam al-Dhahabi berkata di dalam "Tārīkh al-Islām" (51/318):

يَاسِينُ بْنُ عَبْدِ اللهِ. الْمَغْرِبِيُّ، الْحَجَّامُ، الْأَسْوَدُ، الصَّالِحُ. كَانَ لَهُ دُكَّانٌ بِظَاهِرِ بَابِ الْجَابِيَةِ. وَكَانَ صَاحِبَ كَشْفٍ وَكَرَامَاتٍ. وَقَدْ حَجَّ أَكْثَرَ مِنْ عِشْرِينَ مَرَّةً، وَبَلَغَ الثَّمَانِينَ. اتُّفِقَ أَنَّهُ سَنَةَ نَيِّفٍ وَأَرْبَعِينَ مَرَّ بِقَرْيَةِ نَوَى فَرَأَى الشَّيْخَ مُحْيِي الدِّينِ النَّوَاوِيَّ وَهُوَ صَبِيٌّ فَتَفَرَّسَ فِيهِ النَّجَابَةَ، وَاجْتَمَعَ بِأَبِيهِ الْحَاجِّ شَرَفٍ وَوَصَّاهُ بِهِ، وَحَرَّضَهُ عَلَى حِفْظِ الْقُرْآنِ وَالْعِلْمِ. فَكَانَ الشَّيْخُ فِيمَا بَعْدُ يَخْرُجُ إِلَيْهِ وَيَتَأَدَّبُ مَعَهُ، وَيَزُورُهُ وَيَرْجُو بَرَكَتَهُ، وَيَسْتَشِيرُهُ فِي أُمُورٍ.

"Yāsīn bin ʿAbdullāh. al-Maghribī, al-Ḥajjām, al-Aswad, al-Ṣāliḥ. Dia mempunyai sebuah kedai di hadapan pintu al-Jābiyah. Dan dia adalah seseorang yang mempunyai kashaf dan karamah. Dan dia telah menunaikan haji lebih daripada dua puluh (20) kali, dan umur beliau mencapai 80 tahun. Ketika umur beliau sekitar empat puluh tahun lebih, beliau lalu di kampung Nawa, lalu beliau melihat al-Shaykh Muḥyī al-Dīn (Imam Nawawi) ketika beliau masih kanak-kanak. Lalu beliau mendapat firasat tentang kelebihan yang ada padanya. Maka beliau bertemu dengan bapanya Sharaf serta memberi pesan/nasihat berkenaannya serta memberi galakan kepadanya untuk menghafal al-Qur'an dan menuntut ilmu.

Setelah itu, Shaykh (Imam Nawawi) sering pergi kepadanya dan mengambil didikan adab daripadanya. Beliau sering menziarahinya dan mengharapkan berkat darinya serta sering meminta pandangannya dalam pelbagai urusan."

R: (al-Dhahabi (748H), 1993M/1413H - Tarikh al-Islam wa Wafayat al-Mashahir wa al-A'lam).

Bapa Imam Nawawi juga pernah berkata:

فَلَمَّا قَضَيْنَا الْمَنَاسِكَ وَوَصَلْنَا إِلَى نَوَى، وَنَزَلَ إِلَى دِمَشْق، صَبَّ اللهُ عَلَيْهِ الْعِلْمَ صَبًّا، وَلَمْ يَزَلْ يَشْتَغِلُ بِالْعِلْمِ وَيَقْتَفِي آثَارَ شَيْخِهِ الْمَذْكُورِ فِي الْعِبَادَةِ مِنَ الصَّلَاةِ وَصِيَامِ الدَّهْرِ وَالزُّهْدِ وَالْوَرَعِ وَعَدَمِ إِضَاعَةِ شَيْءٍ مِنْ أَوْقَاتِهِ إِلَى أَنْ تُوُفِّيَ رَحِمَهُ اللهُ

> "Maka apabila kami selesai melakukan ibadat haji dan kami sampai di Nawa, dan beliau pergi ke Damsyik. Allah ﷻ telah melimpahkan ilmu kepadanya dengan limpahan yang banyak. Dan beliau sentiasa sibuk dengan ilmu, dan mengikut perjalanan gurunya tersebut (al-Shaykh Yāsīn bin Yūsuf al-Marrākushi) di dalam ibadah daripada solat, puasa yang berterusan, zuhud, wara' dan tidak mensia-siakan sedikit pun daripada waktunya sehinggalah beliau wafat – semoga Allah merahmati beliau."
>
> R: (Ibn al-'Attar (724H), 2007M/1428H - Tuhfat al-Talibin fi Tarjamat al-Imam Muhyi al-Din).

Karangan-karangan beliau seperti Bustān al-ʿĀrifīn, al-Maqāṣid, Al-Adhkār dan Riyāḍ al-Ṣāliḥīn jelas membuktikan kekukuhan beliau di dalam ilmu ini.

## Akhlak

Akhlak-akhlak mulia yang dinukilkan oleh para ulama' berkenaan Imam Nawawi adalah terlalu banyak. Penulis hanya meringkaskan sebahagiannya di sini.

### Zuhud dan Wara'

Imam Nawawi sangat terkenal dengan akhlak wara' dan zuhud sehingga para ulama' sering menyebut gelaran beliau sebagai al-Wariʿ (seorang yang wara') dan al-Zāhid (seorang yang zuhud). Beliau tidak makan buah-buahan dari kota Damsyik kerana menjauhi

harta shubhat. Beliau juga tidak mengambil satu sen pun gaji dari Dār al-Ḥadīth al-Ashrafiyyah walaupun beliau menjawat jawatan Shaykh al-Ḥadīth di sana. Beliau menyuruh Nazir/ Pengurus Dār al-Ḥadīth untuk menyimpan gaji tersebut dan apabila cukup setahun beliau akan menggunakannya untuk membeli harta atau buku untuk diwakafkan ke Dār al-Ḥadīth al-Ashrafiyyah kembali. Bahkan beliau tidak mengambil sebarang hadiah atau pemberian daripada sesiapa pun. Beliau hanya menerima pemberian daripada kedua ibu bapanya dan kaum kerabatnya. Ibunya menghantar kepadanya pakaian dan ayah beliau mengirim makanan kepada beliau.

### Kesungguhan Dalam Menuntut Ilmu

Sebagai contoh, pada setiap hari ketika menuntut ilmu, Imam Nawawi mempelajari dua belas (12) subjek dari pelbagai bidang ilmu dan meliputi kitab-kitab yang besar dan matan, secara syarahan dan tashih: dua pengajian pada kitab al-Wasīṭ oleh Imam al-Ghazālī, satu pengajian pada kitab al-Muhadhdhab oleh Imam al-Shīrāzī, satu pengajian pada kitab "al-Jamʿ bayn al-Ṣaḥīḥayn", satu pengajian pada "Ṣaḥīḥ Muslim", satu pengajian pada "al-Lumaʿ fi al-Naḥw" oleh Ibn Jinnī, satu pengajian pada kitab "Iṣlāḥ al-Manṭiq" oleh Ibn al-Sikkīt, satu pengajian berkenaan Taṣrīf, satu pengajian berkenaan Usūl al-Fiqh: adakalanya kitab "al-Lumaʿ" oleh Imam Abū Isḥāq al-Shīrāzī dan adakalanya kitab "al-Muntakhab" oleh Imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī, satu pengajian berkenaan Asmāʾ al-Rijāl, dan satu pengajian berkenaan Usūl al-Dīn. Beliau juga membuat catatan dan komentar bagi syarahan lafaz yang *mushkil*, penjelasan ibarat yang sukar dan *ḍabṭ* dari sudut bahasa. Pernah ketika beliau mula sampai di Damsyik

untuk menuntut ilmu di Madrasah al-Rawāḥiyyah, beliau tidak pernah berbaring selama dua (2) tahun. Beliau berkata:

وَبَقِيْتُ نَحْوَ سَنَتَيْنِ لَا أَضَعُ جَنْبِي بِالْأَرْضِ ...

> "Dan aku tetap di sana hampir selama dua (2) tahun tanpa aku meletakkan sisi tubuhku di atas tanah (tidak berbaring)..."
>
> R: (Shasm al-Din al-Sakhawi (1051H), 2005 - al-Manhal al-'Adhb al-Rawi fi Tarjamat Qutb al-Awliya' al-Nawawi).

Beliau juga mendapat *samā*ʿ bagi banyak kitab-kitab hadith dan lain-lain seperti Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan al-Tirmidhi, Sunan Abi Dawud, Sunan al-Nasaʿi, Sunan Ibn Majah, Muwattaʾ Malik, Musnad al-Shafiʿi, Musnad Ahmad, Musnad al-Darimi, Musnad Abi Yaʿla, Musnad Abi ʿAwanah, Sunan al-Daraqutni, Sunan al-Bayhaqi, Sharh al-Sunnah dan Maʿalim al-Tanzil (tafsir) oleh al-Baghawi, ʿAmal al-Yawm wa al-Laylah oleh Ibnu al-Sunni, al-Jamiʿ li Adab al-Rawi wa Akhlaq al-Samiʿ oleh al-Khatib al-Baghdadi, al-Risalah oleh al-Qushayri, al-Ansab oleh al-Zubayr bin Bakkar, al-Khutab al-Nubatiyyah dan pelbagai juzuk-juzuk yang lain. Masa beliau sangat diberkati Allah sehingga dalam masa yang singkat beliau telah diberi kurniaan ilmu yang luas dalam tempoh yang singkat pada usia yang muda.

## Tidak Berkahwin Kerana "Terlupa"

Imam Nawawi bukanlah seorang yang mengabaikan sunnah perkahwinan kerana memandang rendah kepadanya. Para ulama' menyatakan bahawa hukum berkahwin bagi orang seperti Imam Nawawi adalah khilāf al-awlā. Ini bermakna, perkahwinan adalah baik bagi beliau, namun tidak berkahwin adalah lebih baik bagi

beliau kerana beliau dapat berkhidmat dengan lebih banyak kepada ilmu dan umat Islam. Bahkan beliau pernah ditanya: Mengapakah engkau tidak berkahwin?, maka beliau menjawab: Aku terlupa. Kenikmatan yang beliau temui di dalam wara', zuhud, ilmu dan ibadah telah melupakan beliau dari perkahwinan. Beliau adalah salah seorang ulama' Islam yang meninggal dunia dalam keadaan masih bujang. Imam Nawawi hanya makan sekali sahaja sehari semalam iaitu pada waktu Isyak yang akhir dan beliau hanya minum sekali sahaja iaitu pada waktu sahur. Beliau selalu berpuasa dan berjaga malam melakukan ibadah dan menulis ilmu.

### Amar Makruf Nahi Mungkar

Beliau juga dikenali sebagai seorang ulama' yang berani melakukan "amar makruf nahi mungkar" serta memberi nasihat kepada para pemerintah, pembesar dan para ulama' yang lain. Sekiranya beliau tidak dapat berjumpa secara bersemuka, beliau akan menulis surat untuk melakukannya. Kisah beliau memberi nasihat kepada al-Malik al-Ẓāhir Rukn al-Dīn Baybars al-Bunduqdārī (w.676H) adalah sangat masyhur, sehingga baginda berkata:

أَنَا لَا أَخَافُ إِلَّا مِنْ هٰذَا النَّوَوِيِّ

"Aku tidak takut melainkan daripada lelaki al-Nawawi ini."

R: (Muhammad al-Wasiti al-Husayni, 2005M/1326H - Tarjamat al-Imam Muhyi al-Din al-Nawawi).

## Pujian Para Ulama'

Pujian para ulama' Islam kepada beliau adalah begitu banyak. Ini menujukkan kedudukan beliau yang tinggi di kalangan para ulama' Islam. Penulis hanya menukilkan sebahagian sahaja seperti berikut:

## Al-Imām ʿAlāʾ al-Dīn Ibn al-ʿAṭṭār (w. 724H)

Anak murid beliau yang paling kanan, Imam ʿAlāʾ al-Dīn Ibn al-ʿAṭṭār (w.724H) berkata:

شَيْخِي وَقُدْوَتِي، الْإِمَامُ ذُو التَّصَانِيفِ الْمُفِيدَةِ وَالْمُؤَلَّفَاتِ الْحَمِيدَةِ، أَوْحَدُ دَهْرِهِ وَفَرِيدُ عَصْرِهِ، الصَّوَّامُ الْقَوَّامُ، الزَّاهِدُ فِي الدُّنْيَا، الرَّاغِبُ فِي الْآخِرَةِ، صَاحِبُ الْأَخْلَاقِ الرَّضِيَّةِ وَالْمَحَاسِنِ السَّنِيَّةِ، الْعَالِمُ الرَّبَّانِيُّ الْمُتَّفَقُ عَلَى عِلْمِهِ وَإِمَامَتِهِ، وَجَلَالَتِهِ وَزُهْدِهِ، وَوَرَعِهِ وَعِبَادَتِهِ، وَصِيَانَتِهِ فِي أَقْوَالِهِ وَأَفْعَالِهِ وَحَالَاتِهِ، لَهُ الْكَرَامَاتُ الطَّافِحَةُ، ....قَدْ صَرَفَ أَوْقَاتَهُ كُلَّهَا فِي أَنْوَاعِ الْعِلْمِ وَالْعَمَلِ، فَبَعْضُهَا لِلتَّصْنِيفِ، وَبَعْضُهَا لِلتَّعْلِيمِ، وَبَعْضُهَا للصَّلَاةِ، وَبَعْضُهَا لِلتِّلَاوَةِ وَالتَّدَبُّرِ، وَبَعْضُهَا لِلْأَمْرِ بِالْمَعْرُوفِ وَالنَّهْيِ عَنِ الْمُنْكَرِ...

> "Beliau adalah guruku dan ikutanku, Imam yang mempunyai karangan-karangan yang memberi faedah/manfaat dan buku-buku yang dipuji, tiada seumpamanya pada zamannya, yang sering berpuasa dan bersolat, seorang yang zuhud terhadap dunia, seorang yang cintakan akhirat, pemilik akhlak-akhlak yang diredai dan kebaikan-kebaikan yang bersinar, alim Rabbani yang disepakati pada ilmu, kedudukannya sebagai imam, keagungannya, kezuhudannya, kewara'kannya, ibadahnya, pemeliharaannya pada kata-katanya, perbuatannya, hal ehwalnya, baginya karamah-karamah yang diketahui lagi masyhur, ... Beliau telah menghabiskan masa beliau keseluruhannya di dalam pelbagai bentuk ilmu dan amalan soleh/ ibadah, sebahagiannya untuk mengarang, sebahagiannya untuk mengajar, sebahagiannya untuk bersolat, sebahagiannya untuk membaca al-Qur'an dan bertadabbur padanya, dan

sebahagiannya pula untuk melakukan suruh kepada kebaikan dan larangan terhadap perkara mungkar ...”

R: (Ibn al-'Attar (724H), 2007M/1428H - Tuhfat al-Talibin fi Tarjamat al-Imam Muhyi al-Din).

## Al-Imām al-Ḥāfiẓ Shams al-Dīn al-Dhahabī (w.748H)

Al-Imām al-Ḥāfiẓ Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī (w.748H) memberi gelaran yang sangat mulia kepada beliau. Beliau menyebut Imam Nawawi di dalam “Siyar Aʿlām al-Nubalāʾ” sebagai:

اَلشَّيْخُ الْإِمَامُ الْقُدْوَةُ، الْحَافِظُ الزَّاهِدُ، الْعَابِدُ الْفَقِيهُ، الْمُجْتَهِدُ الرَّبَّانِيُّ، شَيْخُ الْإِسْلَامِ، حَسَنَةُ الْأَنَامِ

“[Beliau, Imam Nawawi, adalah:] Sheikh, Imam, Teladan, Al-Hafiz, seorang zuhud, ahli ibadah, faqih, mujtahid yang Rabbani, Shaykh al-Islam dan Hasanat al-Anam.”

R: (al-Dhahabi (748H), 1992 - Siyar A'lam al-Nubala').

## Al-Imām Shaykh al-Islām Qāḍī al-Quḍāh Taqiyy al-Dīn Abū al-Ḥasan ʿAlī bin ʿAbd al-Kāfī al-Subkī al-Shāfiʿī (w.756H)

Al-Imām Shaykh al-Islām Qāḍī al-Quḍāh al-Muḥaddith al-Ḥāfiẓ al-Mufassir al-Muqriʾ al-Uṣūlī al-Mutakallim Taqiyy al-Dīn Abū al-Ḥasan ʿAlī bin ʿAbd al-Kāfī al-Subkī al-Shāfiʿī al-Ashʿarī (w.756H) berkata:

مَا اجْتَمَعَ بَعْدَ التَّابِعِينَ الْمَجْمُوعُ الَّذِي اجْتَمَعَ لِلنَّوَوِيِّ، وَلَا التَّيْسِيرُ الَّذِي يُسِّرَ لَهُ

“Tidak terhimpun selepas era Tabiʿin ciri-ciri yang terhimpun bagi seseorang seperti yang terhimpun pada [Imam] Nawawi;

dan tidak dimudahkan [oleh Allah bagi terhimpunnya ciri-ciri ini] seperti dimudahkan [oleh Allah] baginya (Imam Nawawi).”

R: ('Abd al-Ghani al-Daqr, 1994M/1415H - Al-Imam al-Nawawi: Shaykh al-Islam wa al-Muslimin, wa 'Umdat al-Fuqaha' wa al-Muhaddithin, wa Safwat al-Awliya' wa al-Salihin).

## Al-Imām Tāj al-Dīn al-Subkī (w.771H)

Al-Imām Tāj al-Dīn al-Subkī (w.771H) menyebut Imam Nawawi di dalam “Ṭabaqāt al-Shāfiʿiyyah al-Kubrā” sebagai:

شَيْخُ الْإِسْلَامِ، أُسْتَاذُ الْمُتَأَخِّرِينَ، وَحُجَّةُ اللهِ عَلَى اللَّاحِقِينَ، وَالدَّاعِي إِلَى سَبِيلِ السَّالِفِينَ ....، هَذَا مَعَ التَّفَنُّنِ فِي أَصْنَافِ الْعُلُومِ، فِقْهاً وَمُتُونَ أَحَادِيثَ وَأَسْمَاءَ رِجَالٍ وَلُغَةً وَتَصَوُّفاً وَغَيْرَ ذَلِكَ

“Shaykh al-Islam, Guru bagi ulama’ muta’akhkhirin, hujah Allah ke atas orang terkemudian, penyeru kepada jalan orang-orang [soleh] yang terdahulu .... dan ini semua bersama penguasaan beliau dalam pelbagai bidang ilmu, fiqh, matan hadith, nama-nama perawi/tokoh, bahasa arab, tasawwuf dan lain-lain .....”

R: (Taj al-Din al-Subki (771H), 2003 - Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra).

## Al-Imām al-Ḥāfiẓ Ibnu Kathīr al-Shāfiʿī al-Dimashqī (w.774H)

Al-Imām al-Ḥāfiẓ al-Mufassir Ibnu Kathīr al-Shāfiʿī al-Dimashqī (w.774H) pula memuji beliau dengan berkata:

الشَّيْخُ الْإِمَامُ، الْعَلَّامَةُ الْحَافِظُ، الْفَقِيهُ النَّبِيلُ، مُحَرِّرُ الْمَذْهَبِ وَمُهَذِّبُهُ، وَضَابِطُهُ وَمُرَتِّبُهُ، أَحَدُ الْعُبَّادِ وَالْعُلَمَاءِ الزُّهَّادِ، كَانَ عَلَى جَانِبٍ كَبِيرٍ مِنَ الْعِلْمِ وَالْعَمَلِ

وَالزُّهْدِ وَالتَّقَشُّفِ، وَالِاقْتِصَادِ فِي الْعَيْشِ وَالصَّبْرِ عَلَى خُشُونَتِهِ، وَالتَّوَرُّعِ الَّذِي لَمْ يَبْلُغْنَا عَنْ أَحَدٍ فِي زَمَانِهِ وَلَا قَبْلَهُ بِدَهْرٍ طَوِيلٍ

"Al-Shaykh, Imam, ʿAllamah, al-Hafiz, Faqih, lagi berakhlak mulia, pentahrir mazhab Shafiʿi dan penyaringnya, pendabitnya dan penyusunnya, salah seorang ahli ibadah dan para ulama' yang zuhud, beliau berada di kedudukan yang besar pada ilmu, amal, zuhud dan tidak berlazat-lazat dengan dunia, sangat sederhana dalam kehidupan, dan sabar di atas kepayahannya, dengan sikap wara' yang tidak pernah sampai kepada kami [berita/riwayat tentang] seseorang sepertinya dari kalangan ahli zamannya, dan sebelumnya dalam masa tempoh yang panjang."

R: ('Abd al-Ghani al-Daqr, 1994M/1415H - Al-Imam al-Nawawi: Shaykh al-Islam wa al-Muslimin, wa 'Umdat al-Fuqaha' wa al-Muhaddithin, wa Safwat al-Awliya' wa al-Salihin).

**Al-Shaykh al-ʻĀrif al-Muhaqqiq al-Mukāshif Abū ʻAbd al-Raḥīm al-Akhmīmī**

Al-Shaykh al-ʻĀrif al-Muhaqqiq al-Mukāshif Abū ʻAbd al-Raḥīm al-Akhmīmī berkata:

كَانَ الشَّيْخُ مُحْيِي الدِّينِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ سَالِكًا مِنْهَاجَ الصَّحَابَةِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ، وَلَا أَعْلَمُ فِي عَصْرِنَا سَالِكًا مَنَاهِجَهُمْ غَيْرَهُ

"Sheikh Muhyiddin (Imam Nawawi) ؓ sebenarnya menjalani jalan para Sahabat ﷺ [dalam zuhud, wara' dan ibadah beliau] dan aku tidak tahu sesiapa pun di zaman kita ini yang menjalani jalan para Sahabat ﷺ selain daripada beliau."

R: (Shasm al-Din al-Sakhawi (1051H), 2005 - al-Manhal al-'Adhb al-Rawi fi Tarjamat Qutb al-Awliya' al-Nawawi).

### Al-Imām al-Ḥāfiẓ Shams al-Dīn al-Sakhāwī (w.902H)

Al-Imām al-Ḥāfiẓ Shams al-Dīn Abu al-Khayr Muhammad al-Sakhāwī (w.902H) menulis kitab yang khusus berkenaan Imam Nawawi bertajuk "al-Manhal al-ʿAdhb al-Rawī fi Tarjamat Quṭb al-Awliyāʾ al-Nawawī." Pada tajuk buku ini, beliau dengan jelas menamakan Imam Nawawi sebagai Quṭb al-Awliyāʾ, satu gelaran yang diberikan kepada Wali Allah yang berdarjat Quṭb (atau juga al-Ghawth) iaitu ketua para Wali Allah pada zamannya.

Di awal kitabnya beliau menyebut Imam Nawawi sebagai:

شَيْخُ الْإِسْلَامِ، وَإِمَامُ الْأَئِمَّةِ الْأَعْلَامِ، قُطْبُ الْأَوْلِيَاءِ الْكِرَامِ ...، الْمُجْتَهِدُ فِي الصِّيَامِ وَالْقِيَامِ، وَالْقَائِمُ بِخِدْمَةِ الْمَلِكِ الْعَلَّامِ ...

"Shaykh al-Islam, Imam bagi tokoh-tokoh Imam, Quṭb para Wali Allah yang mulia, ... seorang yang benar-benar bersungguh di dalam ibadah puasa dan solat, yang melaksanakan khidmat kepada [agama] Yang Maha Berkuasa lagi Maha Mengetahui..."

R: (Shasm al-Din al-Sakhawi (1051H), 2005 - al-Manhal al-'Adhb al-Rawi fi Tarjamat Qutb al-Awliya' al-Nawawi).

### Al-Imām al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (w.911H)

Al-Imām al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn ʿAbd al-Raḥmān al-Suyūṭī (w.911H) juga ada menulis sebuah kitab yang khusus berkenaan Imam Nawawi bertajuk "al-Minhāj al-Sawī fi Tarjamat al-Imām al-Nawawī". Pada muqaddimah kitabnya ini, beliau menyebut Imam Nawawi sebagai:

الشَّيْخُ الْإِمَامُ شَيْخُ الْإِسْلَامِ وَلِيُّ اللهِ ....

"Al-Shaykh al-Imam Shaykh al-Islam, Wali Allah ...."

Beliau juga menyebut Imam Nawawi sebagai:

مُحَرِّرُ الْمَذْهَبِ وَمُهَذِّبُهُ، وَمُحَقِّقُهُ وَمُرَتِّبُهُ، إِمَامُ أَهْلِ عَصْرِهِ عِلْمًا وَعِبَادَةً، وَسَيِّدُ أَوَانِهِ وَرَعًا وَسِيَادَةً .... لَمْ تَسْمَعْ بَعْدَ التَّابِعِينَ بِمِثْلِهِ أُذُنٌ، وَلَمْ تَرَ مَا يُدَانِيهِ عَيْنٌ ....

> "[Imam Nawawi adalah] pentahrir mazhab Shafiʿi dan penyaringnya, pentahqiqnya dan penyusunnya, Imam ahli zamannya pada ilmu dan ibadah, penghulu masanya pada wara' dan kepimpinan, .... tidak pernah didengari selepas era para Tabiʿin seseorang sepertinya, tidak pernah pula dilihat seseorang yang mengampirinya [pada kedudukannya] ..."
>
> R: (al-Suyuti (911H), 2000M/1421H - al-Minhaj al-Sawi fi Tarjamat al-Imam al-Nawawi).

Dan banyak lagi yang tidak sempat dikemukakan di sini.

## Karamah

Imam Nawawi menyebut di dalam kitabnya "Bustān al-ʿĀrifīn", Bab Karamat Para Awliya' dan Kurniaan Allah bagi mereka (p.59):

قَالَ اللهُ تَعَالَى: (( أَلَآ إِنَّ أَوْلِيَآءَ ٱللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ (62) ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَكَانُواْ يَتَّقُونَ (63) لَهُمُ ٱلْبُشْرَىٰ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ ۚ لَا تَبْدِيلَ لِكَلِمَٰتِ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ (64) ))

اِعْلَمْ أَنَّ مَذْهَبَ أَهْلِ الْحَقِّ إِثْبَاتُ كَرَامَاتِ الْأَوْلِيَاءِ وَأَنَّهَا وَاقِعَةٌ مَوْجُودَةٌ مُسْتَمِرَّةٌ فِي الْأَعْصَارِ وَيَدُلُّ عَلَيْهِ دَلَائِلُ الْعُقُولِ وَصَرَائِحُ النُّقُولِ.

"Allah ﷻ berfirman (Yunus:62-64):

*Ketahuilah! Sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita (62) (Wali-wali Allah itu ialah) orang-orang yang beriman serta mereka pula sentiasa bertaqwa (63) Untuk mereka sahajalah kebahagiaan yang mengembirakan di dunia dan di akhirat; tidak ada (sebarang perubahan pada janji-janji Allah yang demikian itulah kejayaan yang besar (64).*

Ketahuilah bahawa sesungguhnya mazhab pemilik kebenaran (Ahli Sunnah dan Jama'ah) adalah menetapkan/ mengakui adanya karamah-karamah para wali Allah, dan sesungguhnya ianya berlaku dan wujud serta berterusan di seluruh zaman. Dan perkara ini dibuktikan dengan dalil-dalil aqli dan pernyataan yang jelas dari naqli."

Kedudukan Imam Nawawi sebagai seorang ulama' bertaraf wali Allah adalah terlalu masyhur. Imam al-Hafiz al-Sakhawi menamakan beliau sebagai Qutb al-Awliya' pada kitabnya yang membicarakan biografi beliau iaitu "al-Manhal al-ʿAdhb al-Rawī fi Tarjamat Quṭb al-Awliyāʾ al-Nawawī". Sebagaimana Rasulullah ﷺ mempunyai mukjizat, maka para pewaris Baginda ﷺ dari kalangan ulama' dan awliya' mempunyai karamah. Di antara hikmah berlakunya karamah adalah bagi membuktikan kebenaran pemiliknya berada di atas landasan Rasulullah ﷺ. Karamah-karamah Imam Nawawi banyak dinukilkan oleh para ulama'. Di antaranya ialah:

- Terbukanya pintu yang terkunci dan kemudian ia kembali seperti biasa;
- Terbelahnya dinding pada waktu malam dan kemudian keluarnya seorang lelaki yang sangat elok wajahnya dari

dinding tersebut dan berbincang dengan Imam Nawawi berkenaan maslahah-maslahah di dunia ini dan di Akhirat;

- Pertemuan beliau dengan Nabi Khadir عليه السلام. Imam al-Sakhawi menyatakan bahawa ia adalah kisah yang masyhur.
- Pertemuan beliau dengan para awliya' dan *aṣfiyā'*.
- Beliau berkata kepada al-Shaykh Shams al-Din Muhammad bin Abu Bakr al-Naqib al-Shafiʿi (w.745H) sewaktu beliau masih seorang budak kecil: "Selamat datang wahai Qāḍī al-Quḍāh" dan "Duduklah wahai Mudarris al-Shāmiyyah". Dan akhirnya beliau menjadi salah seorang Qadi/Hakim dari kalangan ulama' Shafiʿiyyah dan juga seorang *mufassir*.
- Penghormatan dan ketakutan pemerintah terhadapnya. Al-Malik al-Ẓāhir Baybars pernah berkata:

كُلَّمَا أَرَدْتُ قَتْلَهُ أَرَى عَلَى عَاتِقِهِ سَبْعَيْنِ يُرِيدَانِ افْتِرَاسِي فَأَمْتَنِعُ مِنْ ذَلِكَ

"Setiap kali aku ingin/terlintas untuk membunuh beliau, aku melihat di antara leher dan bahunya ada dua ekor binatang buas yang ingin menerkam daku, maka aku menarik diri dari melakukannya."

T: ('Abd al-Ghani al-Daqr, 1994M/1415H - Al-Imam al-Nawawi: Shaykh al-Islam wa al-Muslimin, wa 'Umdat al-Fuqaha' wa al-Muhaddithin, wa Safwat al-Awliya' wa al-Salihin).

Dan lain-lain lagi.

## Akibat Buruk Seorang Yang Alim Lagi Faqih Tetapi Mencaci Imam Nawawi

Imam Ibnu Ḥajar al-ʿAsqalānī (w.852H) menukilkan kisah di dalam "al-Durar al-Kāminah" bahawa pernah ada di negara Yaman, seorang tokoh ilmuan besar bermazhab Shafiʿi – seorang Al-Qāḍī al-Faqīh al-

Shāfiʿī Al-Zabīdī (dilahirkan pada tahun 710H). Beliau telah mensyarahkan kitab “al-Tanbīh” dengan syarahan sebanyak hampir dua puluh empat (24) jilid. Bahkan beliau juga mengajar dan memberi fatwa di sana serta mempunyai anak-anak murid yang ramai dan terkenal serta masyhur. Imam Ibnu Ḥajar al-ʿAsqalānī berkata:

وَكَانَتْ وَفَاتُهُ سَنَةَ 791 بِزَبِيد، أَخْبَرَنِي الْجَمَالُ الْمِصْرِيُّ مُحَمَّدُ بْنُ أَبِي بَكْرٍ بِزَبِيد أَنَّهُ شَاهَدَهُ عِنْدَ وَفَاتِهِ وَقَدْ انْدَلَعَ لِسَانُهُ وَأَسْوَد، فَكَانُوا يَرَوْنَ أَنَّ ذَلِكَ بِسَبَبِ كَثْرَةِ وَقِيعَتِهِ فِي الشَّيْخِ مُحْيِي الدِّينِ النَّوَوِيِّ رَحِمَهُ اللهُ تَعَالَى

> “Dan kewafatan beliau adalah pada tahun 791H di Zabid. Al-Jamāl al-Miṣrī Muḥammad bin Abū Bakr telah memberitahuku di Zabid bahawa beliau menyaksikannya ketika kewafatannya. **Lidahnya terjelir keluar dan menjadi hitam**.
>
> Maka mereka (para ulama’ di sana) berpandangan bahawa perkara tersebut disebabkan **banyaknya celaannya terhadap [Imam] Al-Shaykh Muhyi al-Din al-Nawawi** – semoga Allah merahmati beliau.”
>
> R: (Ibn Hajar al-'Asqalani (852H), 1972M/ 1392H - al-Durar al-Kaminah fi A'yan al-Mi'ah al-Thaminah), Jilid 5/6, p. 233-234.

## Karangan dan Keilmuan

Imam Nawawi telah meninggalkan kitab-kitab penulisan yang sangat bermanfaat di dalam pelbagai bidang. Namun, pada hakikatnya ilmu beliau pasti lebih luas daripada penulisan yang sempat beliau lakukan. Beliau hanya mula menulis pada tahun 660H ketika umur beliau mencecah tiga puluh (30) tahun dan beliau wafat ketika berumur 45 tahun. Ini bermakna beliau hanya sempat menulis kitab

dalam tempoh enam belas (16) tahun dan dalam usia yang masih muda. Namun kitab-kitab beliau menjadi tunggak rujukan dalam pelbagai disiplin ilmu Islam sehingga kini.

### Fiqh

Di antara karangan beliau di dalam bidang Fiqh ialah:

- Minhāj al-Ṭālibīn wa ʿUmdat al-Muftīn (al-Minhāj) – Kitab yang paling penting dalam mazhab Shafiʿi.
- Rawḍat al-Ṭālibīn wa ʿUmdat al-Muftīn (al-Rawḍah)
- Al-Majmūʿ Sharḥ al-Muhadhdhab, sehingga bab al-Muṣarrāh di dalam kitab al-Buyūʿ (Jual-beli)
- Al-Īḍāḥ fi al-Manāsik
- Al-ʿUmdah fi Taṣḥīḥ al-Tanbīh
- Al-Taḥrīr fi Alfāẓ al-Tanbīh
- Al-Nukat ʿalā al-Tanbīh
- Al-Taḥqīq (di antara kitab beliau yang terakhir tetapi hanya sempat disempurnakan sehingga bab Solat Musafir)
- Al-Tanqīḥ (merupakan Ḥāshiyah bagi kitab al-Wasīṭ oleh Imam al-Ghazālī, tetapi hanya sempat disempurnakan sehingga bab Syarat-syarat Solat)
- Al-Fatāwā (al-Manthūrāt wa ʿUyūn al-Masāʾil al-Muhimmāt)
- Daqāʾiq al-Minhāj
- Daqāʾiq al-Rawḍah

### Hadith

Di antara karangan beliau di dalam bidang Hadith ialah:

- Al-Arbaʿūn Al-Nawawiyyah: Al-Arbaʿūn fi Mabānī al-Islām wa Qawāʿid al-Aḥkām (Kitab ini)
- Al-Minhāj fi Ṣharḥ Ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Ḥajjāj
- Riyāḍ al-Ṣāliḥīn min Kalām Sayyid al-Mursalīn
- Irshād al-Ḥadīth (Irshād Ṭullāb al-Ḥaqāʾiq ilā Maʿrifat Sunan Khayr al-Khalāʾiq)
- Al-Taqrīb: Al-Taqrīb wa al-Taysīr fi Maʿrifat Sunan al-Bashīr al-Nadhīr

**Al-Qur'an**

Di antara karangan beliau di dalam bidang Al-Qur'an ialah:

- Al-Tibyān fi Ādāb Hamalat al-Qurʾān

**Tasawwuf**

Di antara karangan beliau di dalam bidang Tasawwuf ialah:

- Al-Adhkār al-Nawawiyyah (juga Hadith) (Ḥilyat al-Abrār wa Shiʿār al-Akhyār fi Talkhīṣ al-Daʿawāt wa al-Adhkār)
- Bustān al-ʿĀrifīn

**Bahasa Arab**

Di antara karangan beliau di dalam bidang Bahasa Arab ialah:

- Al-Taḥrīr fi Alfāẓ al-Tanbīh (juga Fiqh)
- Tahdhīb al-Asmāʾ wa al-Lughāt (juga berkaitan *rijāl* dan *tarājum*)

**Aqidah**

Di antara karangan beliau di dalam bidang Aqidah dan asas-asas Shariat ialah:

- Al-Maqāṣid al-Nawawiyyah (juga meliputi asas Fiqh dan Tasawwuf)

Dan di sana ada beberapa lagi kitab yang tidak sempat beliau sempurnakan dan hanya dalam bentuk juzuk-juzuk yang kecil.

Berdasarkan pembentangan sebelum ini, kita dapat membuat kesimpulan bahawa Imam Nawawi adalah Imam yang menguasai sekurang-kurangnya lima (5) disiplin ilmu Islam. Al-Imam Nawawi merupakan:

- *mujtahid al-tarjīḥ* dan salah seorang *Shaykhān* dalam mazhab Shafiʿī di dalam fiqh;
- seorang tokoh ahli hadith bertaraf al-Ḥāfiẓ;
- seorang tokoh Ahli Sunnah dan Jama'ah bermanhaj dengan al-Asha'irah di dalam aqidah;
- seorang alim Sufi yang wara' dan zuhud; dan
- juga seorang pakar di dalam bidang bahasa Arab dan *tarājum*.

## Kewafatan

Pada tahun 676H, beliau telah kembali ke Nawa setelah beliau memulangkan kitab-kitab wakaf yang dipinjam. Beliau juga menziarahi kubur guru-guru beliau serta berdoa buat mereka sambil menangis. Kemudian, beliau menziarahi para sahabatnya dan mengucap selamat tinggal kepada mereka. Setelah itu, beliau menziarahi bapanya dan kemudian pergi menziarahi Baitul Maqdis dan makam Nabi Ibrahim ﷺ. Setelah itu, beliau kembali ke Nawa dan mula jatuh sakit. Imam Nawawi meninggal dunia pada satu pertiga malam yang terakhir dari malam Rabu, 24 Rejab 676H.

Apabila berita kewafatan beliau tersebar sampai ke Damsyik, bumi Damsyik dan kawasan sekitarnya bergegar dengan tangisan

yang begitu kuat oleh orang ramai. Qāḍī al-Quḍāh Imam ʿIzz al-Dīn Muḥammad bin al-Ṣāʿigh dan beberapa sahabat beliau pun pergi ke Nawa dan melakukan solat jenazah di kubur beliau. Beliau telah dikebumikan di Nawa, di tempat asal beliau. Tempat kubur beliau adalah satu tempat yang masyhur di Nawa dan sering diziarahi oleh umat Islam.

**Gambar 1: Maqam Imam al-Nawawi di Syria [sebelum dimusnahkan]**



Sumber: Dunyā al-Waṭan. 18 Januari 2015.

## Pengeboman Maqam Imam Nawawi oleh Golongan Ekstrim

Pada bulan Januari 2015, maqam/kubur beliau telah dibom oleh golongan ekstrim yang mendakwa kononnya maqam/ kubur beliau boleh membawa kepada syirik. Dan di antara pihak yang dikaitkan dengan pengeboman tersebut adalah kumpulan pemberontak Jabhat al-Nuṣrah yang merupakan sayap Al-Qaeda di Syria. Kumpulan ini juga bertanggungjawab bagi beberapa pengeboman *intiḥāriyyah* di Halab dan Damsyik, Syria. Peristiwa ini juga mendapat kecaman keras daripada Shaykh al-Azhar Prof. Dr. Aḥmad al-Ṭayyib.

**Gambar 2: Maqam Imam Nawawi Setelah Dimusnahkan Golongan Ekstrim (i)**



Sumber gambar: Shabakat al-Shām al-Ikhbāriyyah. 7 Januari 2015.

**Gambar 3: Maqam Imam Nawawi Setelah Dimusnahkan Golongan Ekstrim (ii)**



Sumber: Masrāwī. 12 Januari 2015.

Namun kebiadapan seperti ini pastinya tidak menjejaskan kedudukan dan kemuliaan serta kecintaan umat Islam kepada beliau dan warisan ilmu beliau. Semoga Allah meredai beliau dan merahmati beliau serta membangkitkan kita semua bersama beliau di hari Akhirat nanti bersama dengan Rasulullah ﷺ, para Nabi عليهم السلام, ulama', awliya', syuhada' dan orang-orang soleh. Sesungguhnya hanya Dia lah yang dapat memperkenankan permintaan dan doa kita ini. Amin.

# ANALISA RINGKAS BAGI KITAB "AL-ARBAʿĪN AL-NAWAWIYYAH"

Nama penuh bagi kitab ini adalah:

اَلْأَرْبَعُونَ فِي مَبَانِي الْإِسْلَامِ وَقَوَاعِدِ الْأَحْكَامِ

*Empat Puluh Hadith berkenaan Asas-asas Islam dan Kaedah-kaedah/Prinsip-prinisp Hukum Shariat.*

Namun begitu, ia lebih dikenali sebagai:

اَلْأَرْبَعُونَ/ اَلْأَرْبَعِينَ النَّوَوِيَّةُ

*Empat Puluh (40) Hadith Imam Nawawi.*

Kitab Arbaʿīn Nawawiyyah adalah merupakan sebuah kitab yang penuh barakah. Ia mendapat sambutan dan penerimaan oleh para ulama' Islam dan masyarakat Muslimin di seluruh dunia dari dulu sehingga sekarang sebagai kitab paling asas yang menghimpunkan hadith-hadith yang menjadi prinsip-prinsip asas Islam dan hukum-hukum Shariat. Sebahagian para ulama' menyatakan bahawa kitab Arbaʿīn Nawawiyyah ini mendapat sambutan daripada dunia Islam keseluruhannya adalah kerana keikhlasan pengarangnya. Selain daripada keikhlasan Imam Nawawi, kewara'kan dan kezuhudan beliau yang luar biasa juga mungkin salah satu sebab kitab ini menerima penerimaan yang sungguh luar biasa dari kalangan kitab-kitab yang terdapat dalam khazanah turath Islam.

## Asas Ilmu Hadith Riwayah

Menurut guru penulis, al-Shaykh Dr. Hishām Kāmil al-Azharī, kitab asas bagi ilmu hadith secara *riwāyah* adalah Arbaʿīn Nawawiyyah ini

dan kitab asas bagi ilmu hadith secara *dirāyah* adalah al-Manẓūmah al-Bayqūniyyah. Maka, seseorang yang mahu memulakan pengajian ilmu hadith secara *riwāyah* patut memulakan pengajiannya dengan kitab ini.

## Para Sahabat ﷺ dan Bilangan Hadith

Di dalam koleksi Arbaʿīn Nawawiyyah ini, Imam Nawawi meriwayatkan hadith daripada dua puluh tiga (23) orang para Sahabat ﷺ seperti di dalam jadual berikut.

**Jadual 1: Para Sahabat Rasulullah ﷺ Yang Meriwayatkan Hadith di dalam Arbaʿīn Nawawiyyah**

| No. | Nama Sahabat | Tahun Kewafatan | No. Hadith | Bilangan Hadith |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Saidina ʿUmar bin al-Khaṭṭāb رضي الله عنه | 23H | 1, 2 | 2 |
| 2 | Saidina ʿAbdullāh bin ʿUmar رضي الله عنهما | 73H | 3, 8, 40 | 3 |
| 3 | Saidina ʿAbdullāh bin Masʿūd رضي الله عنه | 32H | 4, 14 | 2 |
| 4 | Saidatina Umm al-Muʾminīn ʿĀʾishah رضي الله عنها | 57/58H | 5 | 1 |
| 5 | Saidina al-Nuʿmān bin Bashīr رضي الله عنه | 64H | 6 | 1 |
| 6 | Saidina Tamīm al-Dārī رضي الله عنه | 40H | 7 | 1 |
| 7 | Saidina Abū Hurayrah رضي الله عنه | 59H | 9, 10, 12, 15, 16, 26, 35, 36, 38 | 9 |
| 8 | Saidina al-Ḥasan bin ʿAlī رضي الله عنهما | 49/50/51H | 11 | 1 |
| 9 | Saidina Anas bin Mālik رضي الله عنه | 93H | 13, 42 | 2 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 10 | Saidina Shaddād bin Aws رضي الله عنه | 58H | 17 | 1 |
| 11 | Saidina Abū Dharr al-Ghifārī رضي الله عنه | 32H | 18, 24, 25 | 3 |
| 12 | Saidina ʻAbdullāh bin ʻAbbās رضي الله عنهما | 68H | 19, 33, 37, 39 | 4 |
| 13 | Saidina Abū Masʿūd al-Badrī رضي الله عنه | 41H | 20 | 1 |
| 14 | Saidina Sufyān al-Thaqafī رضي الله عنه | - | 21 | 1 |
| 15 | Saidina Jābir bin ʿAbdullāh رضي الله عنهما | 78H | 22 | 1 |
| 16 | Saidina Abū Mālik al-Ashʿarī رضي الله عنه | 18H | 23 | 1 |
| 17 | Saidina al-Nawwās bin Samʿān/Simʿān رضي الله عنه | - | 27 | 1 |
| 18 | Saidina al-ʿIrbāḍ bin Sāriyah رضي الله عنه | 75H | 28 | 1 |
| 19 | Saidina Muʿādh bin Jabal رضي الله عنه | 17/18H | 29 | 1 |
| 20 | Saidina Abū Thaʿlabah al-Khushanī رضي الله عنه | 75H | 30 | 1 |
| 21 | Saidina Sahl bin Saʿd al-Sāʿidī رضي الله عنه | 88/91H | 31 | 1 |
| 22 | Saidina Abū Saʿīd al-Khudrī رضي الله عنه | 74H | 32 | 2 |
| 23 | Saidina ʿAbdullāh bin ʿAmr رضي الله عنهما | 63/65H | 41 | 1 |
| Jumlah | | | | 42 |

Rujukan: Maḥmūd Dāwūd Dasūqī Khaṭṭābī (2010)

Namun begitu, jika diambil kira riwayat tambahan dari Saidina Wābiṣah bin Maʿbad رضي الله عنه yang dikemukakan oleh Imam Nawawi

selepas hadith ke-27, maka jumlah perawi dari kalangan para Sahabat Rasulullah ﷺ ialah dua puluh empat (24) orang.

## Kitab Rujukan, Pengarang dan Tarikh Wafat

Senarai kitab hadith yang menjadi sumber dan rujukan Imam Nawawi serta para pengarangnya bagi himpunan Arbaʿīn Nawawiyyah ini adalah seperti di dalam jadual berikut. Jumlah kitab yang dijadikan rujukan oleh Imam Nawawi adalah sebanyak dua belas (12) buah.

**Jadual 2: Senarai Kitab Rujukan, Para Pengarang dan Tarikh Wafat bagi al-Arbaʿīn al-Nawawiyyah**

| No. | Kitab | Pengarang | Tarikh Wafat (H) |
|---|---|---|---|
| 1 | Sahih al-Bukhari | Imam Muhammad bin Ismaʿil al-Bukhari | 256H |
| 2 | Sahih Muslim | Imam Muslim bin al-Hajjaj al-Naysaburi | 261H |
| 3 | Sunan al-Tirmidhi | Imam Abu ʿIsa Muhammad bin ʿIsa bin Sawrah al-Tirmidhi | 279H |
| 4 | Sunan al-Nasaʾi | Imam Ahmad bin Shuʿayb al-Nasaʾi | 303H |
| 5 | Musnad Ahmad | Imam Abu ʿAbdillah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal al-Shaybani | 241H |
| 6 | Musnad al-Darimi | Imam Abu Muhammad ʿAbdullah bin ʿAbd al-Rahman al-Darimi al-Samarqandi | 255H |
| 7 | Sunan Abi Dawud | Imam Abu Dawud Sulayman bin al-Ashʿath al-Azdi al-Sijistani | 275H |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 8 | Sunan al-Daraqutni | Imam Abu al-Hasan ʿAli bin ʿUmar al-Baghdadi al-Daraqutni | 385H |
| 9 | Sunan Ibn Majah | Imam Abu ʿAbdillah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Rabʿī al-Qazwini | 273H |
| 10 | Muwatta' Malik | Imam Abu ʿAbdillah Malik bin Anas al-Asbahi al-Madani | 179H |
| 11 | Sunan al-Bayhaqi | Imam Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn bin ʿAli bin Musa al-Khurasani al-Bayhaqi | 458H |
| 12 | Al-Hujjah ʿalā Tārik al-Maḥajjah oleh Naṣr al-Maqdisi | Imam Shaykh al-Islam Nasr bin Ibrahim bin Nasr al-Maqdisi al-Shafiʿi | 490H |

Sumber: Penulis

## Kitab Rujukan dan Bilangan Hadith

Taburan bagi kitab-kitab tersebut sebagai rujukan di dalam al-Arbaʿīn al-Nawawiyyah diringkaskan di dalam jadual berikut.

**Jadual 3: Senarai Kitab Hadith dan No. Hadith di dalam al-Arbaʿīn al-Nawawiyyah**

| No. | Kitab | No. Hadith | Jumlah |
|---|---|---|---|
| 1 | Sahih al-Bukhari & Sahih Muslim | 1, 3, 4, 5, 6, 8, 9, 13, 14, 15, 26, 27 [& sebahagian hadith 33] | 12 |
| 2 | Sahih al-Bukhari | 16, 20, 38, 40 | 4 |
| 3 | Sahih Muslim | 2, 7, 10, 17, 21, 22, 23, 24, 25, 27, 34, 35, 36 | 12 |
| 4 | Sunan al-Tirmidhi | 11 [bersama al-Nasaʾi], 12, 18, 19, 28 [bersama Abu Dawud], 29, 42 | 7 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5 | Sunan al-Nasaʾi | 11 [bersama al-Tirmidhi] | 1 |
| 6 | Musnad Ahmad | 27 [bersama al-Darimi] | 1 |
| 7 | Musnad al-Darimi | 27 [bersama Imam Ahmad] | 1 |
| 8 | Sunan Abi Dawud | 28 [bersama al-Tirmidhi] | 1 |
| 9 | Sunan al-Daraqutni | 30, 32 [bersama Ibn Majah dan Imam Malik] | 2 |
| 10 | Sunan Ibn Majah | 31, 32 [bersama al-Daraqutni dan Imam Malik], 39 [bersama al-Bayhaqi] | 3 |
| 11 | Muwatta’ Malik | 32 [bersama Ibn Majah dan al-Daraqutni] | 1 |
| 12 | Sunan al-Bayhaqi | 33 [sebahagiannya bersama al-Bukhari dan Muslim], 39 [bersama Ibn Majah] | 2 |
| 13 | Al-Hujjah ʿalā Tārik al-Maḥajjah oleh Naṣr al-Maqdisi | 41 | 1 |

Rujukan: Maḥmūd Dāwūd Dasūqī Khaṭṭābī (2010)

# AL-ARBAʿĪN AL-NAWAWIYYAH

قَالَ الشَّيْخُ الْإِمَامُ الْعَالِمُ الزَّاهِدُ الْعَابِدُ الْوَرِعُ نَاصِرُ الدِّينِ مُفْتِي الشَّامِ ذُو الْفَضْلِ مُحْيِي الدِّينِ أَبُو زَكَرِيَّا يَحْيَى بْنُ شَرَفِ بْنِ حَسَنِ بْنِ حُسَيْنٍ النَّوَوِيُّ قَدَّسَ اللهُ رُوحَهُ وَنَوَّرَ ضَرِيحَهُ :

Sheikh, Imam, ahli ilmu, seorang yang zuhud dan ahli ibadah, yang wara', Pembantu agama, Mufti Syam, yang memiliki kemuliaan, Penghidup agama, Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf bin Ḥasan bin Ḥusayn al-Nawawī telah berkata – semoga Allah menyucikan rohnya dan menerangkan kubur beliau dengan cahaya :

## [KHUTBAH PENDAHULUAN]

### خُطْبَةُ الْكِتَابِ

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, Lagi Maha Mengasihani

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،

Segala pujian hanyalah bagi Allah, Tuhan sekalian alam,

قَيُّومِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرَضِينَ، مُدَبِّرِ الْخَلَائِقِ أَجْمَعِينَ،

(Dialah) Pendiri langit-langit dan bumi-bumi, pengatur para makhluk keseluruhannya,

Pengutus para Rasul – Selawat dan salam-Nya ke atas mereka - kepada para mukallaf, bagi memberi petunjuk kepada mereka dan memberi penerangan tentang shariat-shariat agama,

بَاعِثِ الرُّسُلِ – صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ عَلَيْهِمْ – إِلَى الْمُكَلَّفِينَ؛ لِهِدَايَتِهِمْ وَبَيَانِ شَرَائِعِ الدِّينِ،

Dengan dalil-dalil yang definitif/ pasti (qaṭʿī), dan hujah-hujah yang jelas.

بِالدَّلَائِلِ الْقَطْعِيَّةِ وَوَاضِحَاتِ الْبَرَاهِينِ،

Aku memujinya di atas segala nikmat-Nya, dan aku memohon penambahan daripada limpah kurnia dan kemuliaan-Nya.

أَحْمَدُهُ عَلَى جَمِيعِ نِعَمِهِ، وَأَسْأَلُهُ الْمَزِيدَ مِنْ فَضْلِهِ وَكَرَمِهِ.

Dan aku bersaksi bahawa sesungguhnya tiada tuhan (yang layak disembah) melainkan Allah, yang Maha Esa, lagi Maha Perkasa, yang Maha Mulia, lagi Maha Pengampun.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ، الْكَرِيمُ الْغَفَّارُ،

Dan aku bersaksi bahawa sesungguhnya [Nabi] Muhammad [ﷺ] itu adalah hamba-Nya dan utusan-Nya, dan kekasih-Nya serta teman rapat-Nya, makhluk yang paling utama, yang dimuliakan dengan Al-Qur'an yang unggul

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، وَحَبِيبُهُ وَخَلِيلُهُ، أَفْضَلُ الْمَخْلُوقِينَ، الْمُكَرَّمُ بِالْقُرْآنِ الْعَزِيزِ الْمُعْجِزَةِ

الْـمُسْتَمِرَّةِ عَلَى تَعَاقُبِ السِّنِينِ، وَبِالسُّنَنِ الْـمُسْتَنِيرَةِ لِلْمُسْتَرْشِدِينَ، الْـمَخْصُوصُ بِجَوَامِعِ الْكَلِمِ وَسَمَاحَةِ الدِّينِ.

yang merupakan mukjizat yang berterusan selama bertukarnya tahun-tahun, dan (yang dimuliakan) dengan Sunnah-sunnah yang memberi cahaya kepada golongan yang mencari petunjuk, dan yang dikhususkan dengan kata-kata yang komprehensif (ringkas lafaznya tetapi luas dan mendalam maknanya) dan agama yang penuh tolak ansur.

صَلَوَاتُ اللهِ وَسَلَامُهُ عَلَيْهِ وَعَلَى سَائِرِ النَّبِيِّينَ، وَآلِ كُلٍّ وَسَائِرِ الصَّالِحِينَ.

Selawat Allah dan salam-Nya ke atas Baginda [ﷺ] dan seluruh para Nabi, dan para pengikut setiap mereka serta seluruh hamba-hamba Allah yang soleh.

❁❁❁

أَمَّا بَعْدُ:

Adapun selepas itu:

فَقَدْ رَوَيْنَا عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُودٍ، وَمُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ، وَأَبِي الدَّرْدَاءِ، وَابْنِ عُمَرَ، وَابْنِ عَبَّاسٍ، وَأَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، وَأَبِي هُرَيْرَةَ، وَأَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ (تَعَالَى)

Maka sesungguhnya kami telah meriwayatkan dari ʿAli bin Abu Talib ﵁, Abdullah bin Masʿud ﵁, Muʿadh bin Jabal ﵁, Abu al-Dardaʾ ﵁, Ibnu ʿUmar ﵄, Ibnu ʿAbbas ﵄, Anas bin Malik ﵁, Abu Hurayrah ﵁, dan Abu Saʿid al-Khudri ﵁ - semoga Allah ﷻ

عَنْهُمْ أَجْمَعِينَ مِنْ طُرُقٍ كَثِيرَاتٍ بِرِوَايَاتٍ مُتَنَوِّعَاتٍ:

meredai mereka - daripada jalan periwayatan yang banyak dan dengan riwayat yang pelbagai.

أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: (( مَنْ حَفِظَ عَلَى أُمَّتِي أَرْبَعِينَ حَدِيثاً مِنْ أَمْرِ دِينِهَا، بَعَثَهُ اللهُ تَعَالَى يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِي زُمْرَةِ الْفُقَهَاءِ وَالْعُلَمَاءِ ))،

Bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah bersabda: “Barangsiapa yang memelihara bagi umatku ini empat puluh (40) hadith daripada urusan agamanya, maka Allah akan membangkitkannya pada hari Kiamat di dalam kelompok fuqaha’ dan ulama’.”

وَفِي رِوَايَةٍ: (( بَعَثَهُ اللهُ فَقِيهًا عَالِمًا ))،

Dan di dalam riwayat yang lain: “Allah akan membangkitkannya sebagai seorang yang faqih lagi alim.”

وَفِي رِوَايَةِ أَبِي الدَّرْدَاءِ: (( وَكُنْتُ لَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَافِعًا وَشَهِيدًا ))،

Dan di dalam riwayat Abu al-Darda’ (﵁): “Dan aku akan menjadi pemberi syafa’at dan saksi baginya pada hari Kiamat.”

وَفِي رِوَايَةِ ابْنِ مَسْعُودٍ: (( قِيلَ لَهُ: ادْخُلْ مِنْ أَيِّ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ شِئْتَ ))،

Dan di dalam riwayat (ʿAbdullah) Ibnu Masʿud ﵁: “Dikatakan kepadanya: Masuklah dari mana-mana pintu syurga yang kamu mahu.”

| | |
|---|---|
| Dan di dalam riwayat (ʿAbdullah) Ibnu ʿUmar (رضي الله عنهما): "Dia ditulis di dalam kelompok ulama' dan dibangkitkan di dalam kelompok syuhada'." | وَفِي رِوَايَةِ ابْنِ عُمَرَ: (( كُتِبَ فِي زُمْرَةِ الْعُلَمَاءِ وَحُشِرَ فِي زُمْرَةِ الشُّهَدَاءِ ))، |
| Dan para ḥuffāẓ hadith telah bersepakat bahawa sesungguhnya ia adalah hadith yang *daʿif*, walaupun jalan periwatannya adalah banyak. | وَاتَّفَقَ الْحُفَّاظُ عَلَى أَنَّهُ حَدِيثٌ ضَعِيفٌ وَإِنْ كَثُرَتْ طُرُقُهُ. |
| Dan sesungguhnya para ulama'- semoga Allah ﷻ meredai mereka – telah mengarang begitu banyak karangan yang tidak terhitung di dalam bab ini (*arbaʿīniyyāt*). | وَقَدْ صَنَّفَ الْعُلَمَاءُ رَضِيَ اللهُ (تَعَالَى) عَنْهُمْ فِي هَذَا الْبَابِ مَا لَا يُحْصَى مِنَ الْـمُصَنَّفَاتِ. |
| Dan orang pertama yang aku tahu mula mengarang di dalam bab ini adalah: ʿAbdullah bin al-Mubarak, kemudian Muhammad bin Aslam al-Tusi al-ʿAlim al-Rabbani, kemudian al-Hasan bin Sufyan al-Nasawi, dan Abu Bakr al-Ajurri, Abu Bakr Muhammad bin Ibrahim al-Asbahani, al-Daraqutni, al-Hakim, Abu Nuʿaym, Abu ʿAbd al- | فَأَوَّلُ مَنْ عَلِمْتُهُ صَنَّفَ فِيهِ: عَبْدُ اللهِ بْنُ الْـمُبَارَكِ، ثُمَّ مُحَمَّدُ بْنُ أَسْلَمَ الطُّوسِيُّ الْعَالِـمُ الرَّبَّانِيُّ، ثُمَّ الْحَسَنُ بْنُ سُفْيَانَ النَّسَوِيُّ، وَأَبُو بَكْرٍ الْآجُرِّيُّ، وَأَبُو بَكْرٍ مُحَمَّدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الْأَصْبَهَانِيُّ، |

وَالدَّارَقُطْنِيُّ، وَالْحَاكِمُ، وَأَبُو نُعَيْمٍ، وَأَبُو عَبْدِ الرَّحْمٰنِ السُّلَمِيُّ، وَأَبُو سَعِيدٍ الْمَالِينِيُّ، وَأَبُو عُثْمَانَ الصَّابُونِيُّ، وَعَبْدُ اللهِ بْنُ مُحَمَّدٍ الْأَنْصَارِيُّ، وَأَبُو بَكْرٍ الْبَيْهَقِيُّ، وَخَلَائِقُ لَا يُحْصَوْنَ مِنَ الْمُتَقَدِّمِينَ وَالْمُتَأَخِّرِينَ،

Rahman al-Sulami, Abu Saʿid al-Malini, Abu ʿUthman al-Sabuni, ʿAbdullah bin Muhammad al-Ansari, Abu Bakr al-Bayhaqi, dan begitu ramai ulama’ yang tidak terhitung dari kalangan ulama’ terdahulu dan terkemudian,

وَقَدْ اسْتَخَرْتُ اللهَ تَعَالَى فِي جَمْعِ أَرْبَعِينَ حَدِيثاً، اقْتِدَاءً بِهٰؤُلَاءِ الْأَئِمَّةِ الْأَعْلَامِ وَحُفَّاظِ الْإِسْلَامِ.

Dan sesungguhnya aku telah beristikharah kepada Allah سبحانه وتعالى bagi mengumpulkan empat puluh hadith, untuk mengikut jejak tokoh-tokoh imam dan ḥuffāẓ agama Islam tersebut.

وَقَدْ اتَّفَقَ الْعُلَمَاءُ عَلَى جَوَازِ الْعَمَلِ بِالْحَدِيثِ الضَّعِيفِ فِي فَضَائِلِ الْأَعْمَالِ،

Dan sesungguhnya para ulama’ telah bersepakat tentang keharusan beramal dengan hadith yang daʿif pada perkara berkaitan kelebihan-kelebihan amalan.

وَمَعَ هٰذَا فَلَيْسَ اعْتِمَادِي عَلَى هٰذَا الْحَدِيثِ،

Dan bersama kenyataan ini, maka tempat pergantunganku bukanlah pada hadith ini,

Bahkan pada sabdaan Baginda ﷺ di dalam hadith-hadith yang sahih: “Hendaklah yang menyaksikan daku (hadir bersamaku) menyampaikannya kepada yang tidak hadir (bersamaku).”

بَلْ عَلَى قَوْلِهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْأَحَادِيثِ الصَّحِيحَةِ: (( لِيُبَلِّغِ الشَّاهِدُ مِنْكُمُ الْغَائِبَ ))،

Dan sabdaan Baginda ﷺ: “Semoga Allah memberi cahaya di wajah seseorang yang mendengar sabdaanku, lalu dia memeliharanya, dan menunaikan (penyampaiannya) sepertimana dia telah mendengarnya.”

وَقَوْلِهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (( نَضَّرَ اللهُ امْرَأً سَمِعَ مَقَالَتِي فَوَعَاهَا، فَأَدَّاهَا كَمَا سَمِعَهَا )).

Kemudian ada dari kalangan para ulama’ itu mereka yang menghimpunkan empat puluh hadith (40) di dalam bidang Usuluddin (aqidah), dan sebahagian mereka menghimpunkannya berkenaan perkara-perkara furu’ (fiqh), dan sebahagian mereka menghimpunkannya berkenaan jihad, dan sebahagian mereka menghimpunkannya berkenaan zuhud, dan sebahagian mereka menghimpunkannya berkenaan adab, dan sebahagian mereka menghimpunkannya berkenaan khutbah, dan kesemuanya itu

ثُمَّ مِنَ الْعُلَمَاءِ مَنْ جَمَعَ الْأَرْبَعِينَ فِي أُصُولِ الدِّينِ، وَبَعْضُهُمْ فِي الْفُرُوعِ، وَبَعْضُهُمْ فِي الْجِهَادِ، وَبَعْضُهُمْ فِي الزُّهْدِ، وَبَعْضُهُمْ فِي الْأَدَبِ (/ الْآدَابِ)، وَبَعْضُهُمْ فِي الْخُطَبِ، وَكُلُّهَا مَقَاصِدُ صَالِحَةٌ رَضِيَ اللهُ (تَعَالَى) عَنْ قَاصِدِيهَا.

adalah tujuan-tujuan yang baik, semoga Allah سبحانه وتعالى meredai setiap yang melakukannya dengan tujuan-tujuan tersebut.

وَقَدْ رَأَيْتُ جَمْعَ أَرْبَعِينَ أَهَمَّ مِنْ هٰذَا كُلِّهِ، وَهِيَ أَرْبَعُونَ حَدِيثاً مُشْتَمِلَةٌ عَلَى جَمِيعِ ذٰلِكَ،

Sesungguhnya aku berpandangan untuk menghimpunkan empat puluh (40) hadith yang lebih penting daripada kesemua ini, iaitu empat puluh hadith yang merangkumi kesemua perkara-perkara itu,

وَكُلُّ حَدِيثٍ مِنْهَا قَاعِدَةٌ عَظِيمَةٌ مِنْ قَوَاعِدِ الدِّينِ، قَدْ وَصَفَهُ الْعُلَمَاءُ بِأَنَّ مَدَارَ الْإِسْلَامِ عَلَيْهِ، أَوْ هُوَ نِصْفُ الْإِسْلَامِ أَوْ ثُلُثُهُ أَوْ نَحْوُ ذَلِكَ.

Dan setiap hadith daripada himpunan itu nanti adalah merupakan satu kaedah yang signifikan/penting daripada kaedah-kaedah agama, yang telah disebutkan oleh para ulama' bahawa sesungguhnya kerangka agama Islam berdiri di atasnya, atau ia (hadith itu) merupakan separuh daripada Islam, atau satu pertiganya atau seumpama itu.

ثُمَّ أَلْتَزِمُ فِي هَذِهِ الْأَرْبَعِينَ أَنْ تَكُونَ صَحِيحَةً، وَمُعْظَمُهَا فِي صَحِيحَيِ الْبُخَارِيِّ وَمُسْلِمٍ،

Kemudian aku akan memastikan bahawa empat puluh hadith ini merupakan hadith-hadith yang sahih, dan kebanyakannya ada di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim,

Dan aku menyebutnya tanpa sanad yang lengkap, agar ia mudah dihafal, dan manfaatnya akan lebih umum – dengan kehendak Allah سبحانه وتعالى.

وَأَذْكُرُهَا مَحْذُوفَةَ الْأَسَانِيدِ، لِيَسْهُلَ حِفْظُهَا، وَيَعُمَّ الْاِنْتِفَاعُ بِهَا إِنْ شَاءَ اللهُ تَعَالَى،

Kemudian, aku meletakkan selepasnya satu bab bagi membariskan lafaz-lafaznya yang sedikit rumit.

ثُمَّ أُتْبِعُهَا بِبَابٍ فِي ضَبْطِ خَفِيِّ أَلْفَاظِهَا.

Dan adalah perlu bagi setiap orang yang cintakan Akhirat untuk mengetahui hadith-hadith ini, kerana ia merangkumi perkara-perkara penting (di dalam agama), dan ia mengandungi pemberitahuan bagi semua ketaatan, dan (hakikat ini) adalah amat nyata bagi mereka yang membacanya dengan *tadabbur* (penghayatan maknanya).

وَيَنْبَغِي لِكُلِّ رَاغِبٍ فِي الْآخِرَةِ أَنْ يَعْرِفَ هٰذِهِ الْأَحَادِيثَ، لِـمَا اشْتَمَلَتْ عَلَيْهِ مِنَ الْـمُهِمَّاتِ، وَاحْتَوَتْ عَلَيْهِ مِنَ التَّنْبِيهِ عَلَى جَمِيعِ الطَّاعَاتِ، وَذٰلِكَ ظَاهِرٌ لِـمَنْ تَدَبَّرَهُ،

Dan hanya kepada Allah tempat pergantunganku, dan hanya kepada-Nya penyerahanku dan sandaranku, dan hanya bagi-Nya segala pujian dan nikmat, dan hanya denganNya *tawfiq* (bagi melaksanakan ketaatan) dan

وَعَلَى اللهِ الْكَرِيمِ اعْتِمَادِي، وَإِلَيْهِ تَفْوِيضِي وَاسْتِنَادِي، وَلَهُ الْحَمْدُ وَالنِّعْمَةُ، وَبِهِ التَّوْفِيقُ وَالْعِصْمَةُ.

keselamatan/ pemeliharaan (dari dosa dan kesalahan).

## Hadith 1: [Niat adalah Asas Segala Amalan di dalam Shariat Islam]

عَنْ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ أَبِي حَفْصٍ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ ﷺ، قَالَ:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ: (( إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللهِ وَرَسُولِهِ، فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللهِ وَرَسُولِهِ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوِ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا، فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ ))

رَوَاهُ إِمَامَا الْمُحَدِّثِينَ:

أَبُو عَبْدِ اللهِ مُحَمَّدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ بْنِ إِبْرَاهِيمَ بْنِ الْمُغِيرَةِ بْنِ بَرْدِزْبَهْ الْبُخَارِيُّ،

وَأَبُو الْحُسَيْنِ مُسْلِمُ بْنُ الْحَجَّاجِ بْنِ مُسْلِمٍ الْقُشَيْرِيُّ النَّيْسَابُورِيُّ

– رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا – فِي صَحِيحَيْهِمَا اللَّذَيْنِ هُمَا أَصَحُّ الْكُتُبِ الْمُصَنَّفَةِ

Daripada Amīr al-Muʾminīn Abū Ḥafṣ ʿUmar bin al-Khaṭṭāb ﵁ (w.23H), beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Sesungguhnya amalan-amalan (Shariat/agama) itu hanyalah (dikira/ diterima) dengan (berasaskan) niat. Dan sesungguhnya bagi setiap individu itu hanyalah apa yang telah dia niatkan.
>
> Barangsiapa berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya itu adalah kepada Allah dan Rasul-Nya (diterima oleh-Nya).
>
> Dan barangsiapa yang hijrahnya itu adalah kerana dunia yang akan dimilikinya atau wanita yang akan dikahwininya, maka hijrahnya itu adalah kepada apa yang telah dia [niatkan] hijrah kerananya."

Dua imam para ahli hadith telah meriwayatkan hadith ini:

(i) Abū ʿAbdillāh Muḥammad bin Ismāʿīl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (w.256H) dan

(ii) Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysabūrī (w.261H) -

Semoga Allah meredai mereka berdua – [Mereka berdua telah meriwayatkan hadith ini] di dalam kedua-dua kitab *ṣaḥīḥ* mereka yang merupakan kitab yang paling *ṣaḥīḥ* pernah dikarang [oleh para ulama' Islam].

## Hadith 2: [Tiga Peringkat Agama: Islam, Iman dan Ihsan serta Tanda Hari Kiamat]

عَنْ عُمَرَ (بْنِ الخَطَّابِ) ﷺ أَيْضًا، قَالَ:

بَيْنَمَا نَحْنُ (جُلُوسٌ) عِنْدَ رَسُولِ اللهِ ﷺ ذَاتَ يَوْمٍ، إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدُ بَيَاضِ الثِّيَابِ، شَدِيدُ سَوَادِ الشَّعْرِ (/ الشَّعَرِ)، لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثَرُ السَّفَرِ، وَلَا يَعْرِفُهُ مِنَّا أَحَدٌ، حَتَّى جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ، فَأَسْنَدَ رُكْبَتَيْهِ إِلَى رُكْبَتَيْهِ، وَوَضَعَ كَفَّيْهِ عَلَى فَخِذَيْهِ، وَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ، أَخْبِرْنِي عَنِ الْإِسْلَامِ؟. فَقَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: (( اَلْإِسْلَامُ: أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلاَّ اللهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ، وتُقِيمَ الصَّلَاةَ، وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ، وَتَصُومَ رمضَانَ، وَتَحُجَّ الْبَيْتَ إِنِ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا)). قَالَ: صَدَقْتَ ، قَالَ: فَعَجِبْنَا لَهُ يَسْأَلُهُ وَيُصَدِّقُهُ. قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ؟. قَالَ: ((أَنْ تُؤْمِنَ بِاللهِ، وَمَلَائِكَتِهِ، وَكُتُبِهِ، وَرُسُلِهِ، وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، وتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ)) . قَالَ: صَدَقْتَ. قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ؟، قَالَ: ((أَنْ تَعبُدَ اللهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ)). قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ السَّاعَةِ؟، قَالَ: ((مَا الْـمَسْؤُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ)). قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنْ أَمَارَتِهَا؟، قَالَ: ((أَنْ تَلِدَ الْأَمَةُ رَبَّتَهَا، وَأَنْ تَرَى الْـحُفَاةَ العُرَاةَ الْعَالَةَ رِعَاءَ الشَّاءِ يَتَطَاوَلُونَ فِي الْبُنْيَانِ)). ثُمَّ انْطَلَقَ، فَلَبِثْتُ مَلِيّاً، ثُمَّ قَالَ لِي: ((يَا عُمَرُ، أَتَدْرِي مَنِ السَّائِلُ؟)) قُلْتُ: اَللهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ. قَالَ: ((فَإِنَّهُ جِبْرِيلُ أَتَاكُمْ يُعَلِّمُكُمْ دِينَـكُمْ))

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada ‘Umar bin al-Khaṭṭāb ﷺ (w.23H) juga, beliau berkata:

“Ketika kami sedang duduk di sisi Rasulullah ﷺ pada suatu hari, maka muncullah kepada kami seorang lelaki, pakaiannya sangat putih, rambutnya sangat hitam, tidak kelihatan padanya kesan-kesan permusafiran, dan tidak ada seorang pun dari kalangan kami yang mengenalinya, sehinggalah dia (lelaki itu) duduk di hadapan Baginda Nabi ﷺ. Kemudian, dia menyandarkan kedua-dua lututnya dengan kedua-dua lutut Baginda ﷺ (yang mulia), dan meletakkan kedua-dua tanganya di atas kedua-dua paha Baginda ﷺ (yang mulia) dan dia berkata: Wahai Muhammad! Beritahulah kepadaku tentang Islam?.

Maka Rasulullah ﷺ bersabda: Islam itu adalah: engkau bersaksi bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang layak disembah) melainkan Allah, dan sesungguhnya (Nabi) Muhammad ﷺ itu adalah utusan Allah, dan engkau mendirikan solat, dan engkau melaksanakan zakat, dan engkau berpuasa di bulan Ramadan, serta engkau melaksanakan haji sekiranya engkau mampu pergi ke sana. Dia berkata: Benarlah sabdaanmu.

Kami berasa takjub (hairan) terhadapnya, dia bertanya kepada Baginda ﷺ dan dia juga yang membenarkan (jawapan) Baginda ﷺ.

Dia berkata lagi: Beritahulah daku tentang Iman?. Baginda ﷺ bersabda: Engkau beriman dengan Allah, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, dan hari Akhirat serta engkau beriman dengan takdir ketentuan-Nya, yang baik atau yang buruk. Dia berkata: Benarlah sabdaanmu.

Kemudian dia berkata lagi: Beritahulah daku tentang Ihsan?. Baginda ﷺ bersabda: Kamu beribadat kepada Allah seolah-olah

kamu melihat-Nya, dan sekiranya kamu tidak melihatnya sesungguhnya Dia melihat kamu.

Kemudian dia berkata lagi: Beritahulah daku tentang Hari Kiamat?. Baginda ﷺ bersabda: Pihak yang ditanya tidaklah lebih mengetahui tentang perkara ini berbanding pihak yang bertanya.

Dia berkata: Maka beritahulah daku tentang tanda-tandanya?, Baginda ﷺ bersabda: Apabila si ibu melahirkan tuannya, dan apabila engkau melihat orang yang tidak berkasut, dan telanjang, lagi miskin, serta mengembala kambing, saling berlumba-lumba meninggikan bangunan/ binaan.

Kemudian, dia (lelaki itu) pun berlalu pergi, dan aku pun tinggal terdiam (tidak bertanya) agak lama[1]. Setelah itu, Baginda ﷺ bersabda kepadaku: Wahai 'Umar! Adakah kamu mengetahui siapakah yang bertanya itu?. Aku berkata: Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui.

Baginda ﷺ pun bersabda: Sesungguhnya dia adalah Jibril عليه السلام, dia telah datang kepada kamu bagi mengajar kamu tentang agama kamu."

Muslim (w.261H) telah meriwayatkan hadith ini.

---

[1] Menurut riwayat Abū Dāwūd, al-Tirmidhī dan selain mereka berdua, tempohnya adalah tiga (3) hari. (Al-Nawawi).

## Hadith 3: [Lima Rukun Islam]

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمٰنِ عَبْدِ اللهِ بْنِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا، قَالَ:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ: (( بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَحَجِّ الْبَيْتِ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ ))

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ

Daripada Abū ʿAbd al-Raḥmān ʿAbdullāh bin ʿUmar bin al-Khaṭṭāb رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا (w.73H), beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

"Islam itu terbina di atas lima perkara:

(i) Persaksian bahawa sesungguhnya Tiada tuhan [yang layak disembah] melainkan Allah, dan sesungguhnya [Nabi] Muhammad [ﷺ] itu hamba dan utusan-Nya; dan

(ii) Mendirikan solat [lima waktu]; dan

(iii) Menunaikan zakat; dan

(iv) Mengerjakan haji ke Baitullah; dan

(v) Berpuasa di bulan Ramadan."

Al-Bukhari (w.256H) dan Muslim (w.261H) telah meriwayatkan hadith ini.

## Hadith 4: [Peringkat Kejadian Manusia dan Penentuan Allah ﷻ bagi Rezeki, Ajal dan Amalannya]

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمٰنِ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُودٍ ﷺ، قَالَ:

حَدَّثَنَا رَسُولُ اللهِ ﷺ وَهُوَ الصَّادِقُ الْمَصْدُوقُ: (( إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ خَلْقُهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا (نُطْفَةً)، ثُمَّ يَكُونُ عَلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَكُونُ مُضْغَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يُرْسَلُ الْمَلَكُ (/ يُرْسَلُ إِلَيْهِ الْمَلَكُ)، فَيَنْفُخُ فِيهِ الرُّوحَ، وَيُؤْمَرُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ: بِكَتْبِ رِزْقِهِ، وَأَجَلِهِ، وَعَمَلِهِ، وَشَقِيٌّ أَوْ سَعِيدٌ، فَوَالَّذِي (/ فَوَاللهِ الَّذِي) لَا إِلٰهَ غَيْرُهُ، إِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ حَتَّى مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ، فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ، فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ فَيَدْخُلُهَا، وَإِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ حَتَّى مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ، فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ، فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَيَدْخُلُهَا ))

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ

Daripada Abū ʿAbd al-Raḥmān ʿAbdullāh bin Masʿūd ﷺ (w.32H), beliau berkata: Rasulullah ﷺ telah memberitahu kami – dan Baginda ﷺ adalah seorang yang benar lagi dipercayai - :

> "Sesungguhnya setiap seorang daripada kamu dikumpulkan kejadiannya di dalam perut ibunya selama empat puluh hari (sebagai setitik air), kemudian ianya menjadi segumpal darah dalam tempoh seumpama itu, kemudian ianya menjadi seketul daging dalam tempoh seumpama itu. Kemudian, satu malaikat akan diutuskan (kepadanya), lalu dia meniupkan padanya roh, dan diperintahkan dengan empat kalimah (ketetapan):

dituliskan rezekinya, ajalnya, amalannya, dan sama ada dia seorang yang sengsara atau bahagia.

Maka demi [Allah] yang tiada Tuhan melainkan-Nya, sesungguhnya salah seorang daripada kamu akan beramal dengan amalan seorang ahli syurga sehingga di antaranya dan syurga tersebut hanyalah sehasta, akan tetapi penulisan (ketetapan) tersebut mendahuluinya, lalu dia beramal dengan amalan ahli neraka dan akan memasukinya.

Dan sesungguhnya salah seorang daripada kamu akan beramal dengan amalan seorang ahli neraka sehingga di antaranya dan neraka tersebut hanyalah sehasta, akan tetapi penulisan (ketetapan) tersebut mendahuluinya, lalu dia beramal dengan amalan ahli syurga dan akan memasukinya."

Al-Bukhari (w.256H) dan Muslim (w.261H) telah meriwayatkan hadith ini.

## Hadith 5: [Menjauhi Bid'ah]

عَنْ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ أُمِّ عَبْدِ اللهِ عَائِشَةَ ﵂، قَالَتْ:

قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: (( مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ ))

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ

Daripada Ummu al-Muʾminīn Ummu ʿAbdillāh [Saidatina] ʿĀʾishah ﵂ (w.57/58H), beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Barangsiapa yang mencipta di dalam urusan (agama) kami ini suatu perkara yang bukan daripadanya (bertentangan dengan asas-asasnya), maka ia adalah tertolak."

Al-Bukhari (w.256H) dan Muslim (w.261H) telah meriwayatkannya.

وَفِي رِوَايَةٍ لِمُسْلِمٍ:

(( مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ ))

Dan di dalam salah satu riwayat (yang lain) oleh Muslim (w.261H):

> "Barangsiapa yang beramal dengan satu amalan yang tidak ada di atasnya urusan/perintah kami (tidak berasaskan perintah dan anjuran kami), maka ia adalah tertolak."

## Hadith 6: [Bersifat Wara’ dan Menjauhi Perkara Shubhat]

عَنِ أَبِي عَبْدِ اللهِ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ رضي الله عنهما، قَالَ:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ: (( إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ، لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنِ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمًى، أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللهِ تَعَالَى مَحَارِمُهُ، أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ ))

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ

Daripada Abū ʿAbdillāh al-Nuʿmān bin Bashīr ﷺ (w.64H), beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

> “Sesungguhnya perkara yang halal itu jelas, dan sesungguhnya perkara yang haram itu jelas, dan di antara kedua-duanya terdapat perkara-perkara yang kabur (shubhat). Ramai dari kalangan manusia tidak mengetahui perkara-perkara tersebut.
>
> Barangsiapa yang memelihara dirinya daripada perkara-perkara shubhat, maka dia telah mencari keselamatan (memelihara) bagi agama dan maruahnya. Dan barangsiapa yang berada di dalam perkara-perkara shubhat, pastinya dia akan jatuh ke dalam perkara yang haram.
>
> Ia adalah seperti seorang pengembala yang mengembala haiwan ternakannya di sekeliling kawasan larangan (raja), maka hampir-hampirlah dia mengambil bahagian makanan daripada

kawasan larangan tersebut. Dan sesungguhnya bagi setiap raja itu ada kawasan larangannya, dan kawasan larangan Allah ﷻ adalah perkara-perkara yang diharamkan-Nya.

Ambillah perhatian, sesungguhnya di dalam jasad ini ada seketul daging, apabila ia baik, maka baiklah seluruh badan, dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh badan. Ambillah perhatian, daging itu ialah jantung/ hati sanubari."

Al-Bukhari (w.256H) dan Muslim (w.261H) telah meriwayatkan hadith ini.

# Hadith 7: [Nasihat adalah Tiang Agama]

عَنْ أَبِي رُقَيَّةَ تَمِيمِ بْنِ أَوْسٍ الدَّارِيِّ ﵁:

أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: (( اَلدِّينُ النَّصِيحَةُ ))، قُلْنَا: لِـمَنْ (يَا رَسُولَ اللهِ)؟، قَالَ: (( لِلهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ ))

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Abū Ruqayyah Tamīm bin Aws al-Dārī ﵁ (w.40H), beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Nabi ﷺ bersabda:

> "Agama itu adalah nasihat (inginkan kebaikan kepada pihak yang dinasihati).
>
> Kami berkata: Bagi siapa, (wahai Rasulullah)?.
>
> Baginda ﷺ bersabda: Bagi Allah, dan bagi kitab-Nya, dan bagi Rasul-Nya, dan bagi pemimpin-pemimpin Muslimin, serta orang-orang awam mereka."

Muslim (w.261H) telah meriwayatkan hadith ini.

## Hadith 8: [Kehormatan Darah dan Harta dengan Islam]

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رضي الله عنهما :

أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ قَالَ: (( أُمِرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ، وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ، وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ، فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ، عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَـهُمْ، إِلاَّ بِحَقِّ الْإِسْلَامِ، وحِسَابُهُم عَلَى اللهِ تَعالَى ))

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ

Daripada (ʿAbdullāh) Ibnu ʿUmar رضي الله عنهما (w.73H), beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Aku telah diperintahkan untuk membalas peperangan dengan manusia [yang melakukan peperangan] sehinggalah mereka menyaksikan bahawa sesungguhnya Tiada Tuhan melainkan Allah, dan sesungguhnya (Nabi) Muhammad [ﷺ] itu adalah utusan Allah, dan mereka mendirikan solat, serta mereka mengeluarkan zakat.
>
> Apabila mereka telah melakukan yang demikian itu, maka terpeliharalah darah dan harta mereka daripadaku, melainkan dengan hak (kebenaran) Islam dan perhitungan ke atas mereka adalah kepada Allah سبحانه وتعالى."

Al-Bukhari (w.256H) dan Muslim (w.261H) telah meriwayatkannya.

## Hadith 9: [Taat dan Tidak Menyusahkan Urusan Agama]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَبْدِ الرَّحْمٰنِ بْنِ صَخْرٍ ﷺ، قَالَ:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ: (( مَا نَهَيْتُكُمْ عَنْهُ، فَاجْتَنِبُوهُ، وَمَا أَمَرْتُكُمْ بِهِ، فَافْعَلُوا (/ فَأْتُوا) مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ، فَإِنَّمَا أَهْلَكَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ كَثْرَةُ مَسَائِلِهِمْ وَاخْتِلَافُهُمْ عَلَى أَنْبِيَائِهِمْ ))

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ

Daripada Abū Hurayrah ʿAbd al-Raḥmān bin Ṣakhr ﷺ (w.59H), beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Apa sahaja yang telah aku larang kamu daripada melakukannya, maka hindarilah (jauhilah) perkara tersebut.
>
> Dan apa yang telah aku perintahkan kamu untuk melakukannya, maka lakukanlah (/datangkanlah) perkara tersebut sedaya upaya yang kamu mampu.
>
> Maka sesungguhnya sikap/ perangai yang telah memusnahkan umat-umat sebelum kamu adalah banyaknya pertanyaan (ingkar) mereka serta pertelingkahan mereka terhadap para Nabi mereka."

Al-Bukhari (w.256H) dan Muslim (w.261H) telah meriwayatkannya.

.

## Hadith 10: [Makanan Yang Halal adalah Asas bagi Penerimaan Doa]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، قَالَ:

قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: (( إِنَّ اللهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا، وَإِنَّ اللهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ، فَقَالَ: ((يَٰٓأَيُّهَا ٱلرُّسُلُ كُلُواْ مِنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَٱعْمَلُواْ صَٰلِحًا ))، وَقَالَ: (( يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُلُواْ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْ ))، ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ، يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ: يَا رَبِّ، يَا رَبِّ، وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ، فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لِذَلِكَ ؟! ))

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Abū Hurayrah ﷺ (w.59H), beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

"Sesungguhnya Allah ﷻ itu Maha Baik dan Dia tidak menerima melainkan sesuatu yang baik. Dan sesungguhnya Allah ﷻ telah memerintahkan orang-orang beriman dengan apa yang telah Dia perintahkan kepada para rasul-Nya عليهم السلام, maka Dia berfirman (al-Muʾminūn: 51):

يَٰٓأَيُّهَا ٱلرُّسُلُ كُلُواْ مِنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَٱعْمَلُواْ صَٰلِحًا

*"Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh ..."*

Dan Dia berfiman (al-Baqarah: 172):

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُلُواْ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْ

*“Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu ..”*

Kemudian, Baginda ﷺ menyebut tentang seorang lelaki yang bermusafir dengan begitu jauh, dalam keadaan rambutnya yang kusut dan berdebu, serta memanjatkan kedua-dua tangannya ke langit seraya berdoa: Wahai Tuhanku! Wahai Tuhanku!, sedangkan makanannya haram, dan minumannya haram, dan pakaiannya haram, serta diberi makan dari perkara yang haram, maka bagaimanakah akan diterima [doanya] itu?!.”

Muslim (w.261H) telah meriwayatkan hadith ini.

## Hadith 11: [Meninggalkan Perkara Yang Meragukan]

عَنْ أَبِي مُحَمَّدٍ ٱلْحَسَنِ بْنِ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ سِبْطِ رَسُولِ اللهِ ﷺ وَرَيْحَانَتِهِ رضي الله عنهما، قَالَ:

حَفِظْتُ مِنْ رَسُولِ اللهِ ﷺ : (( دَعْ مَا يَرِيبُكَ (/ يُرِيبُكَ) إِلَى مَا لَا يَرِيبُكَ (/ يُرِيبُكَ) ))

رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَالنَّسَائِيُّ، وَقَالَ التِّرْمِذِيُّ : حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

Daripada [Saidina] Al-Ḥasan bin [Saidina] ʿAlī رضي الله عنهما (w.49/50/51H) - cucu Rasulullah ﷺ dan kesayangan Baginda ﷺ, beliau berkata: Aku telah menghafaz daripada Rasulullah ﷺ [bahawa Baginda ﷺ bersabda]:

> "Tinggalkan lah apa yang meragukan engkau kepada apa yang tidak meragukan engkau."

Al-Tirmidhī (w.279H) dan al-Nasāʾī (w.303H) telah meriwayatkan hadith ini dan al-Tirmidhi berkata: Hadith ini *ḥasan* lagi *ṣaḥīḥ*.

## Hadith 12: [Meninggalkan Perkara Yang Sia-sia/ Tidak Mempunyai Kepentingan]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ قَالَ:

قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: (( مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَـرْءِ تَرْكُهُ مَا لَا يَعْنِيهِ ))

حَدِيثٌ حَسَنٌ، رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَغَيْرُهُ

Daripada Abū Hurayrah ؓ (w.59H), beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Di antara kebaikan Islam seseorang itu ialah dia meninggalkan perkara yang tidak memberi makna/ mempunyai kepentingan kepadanya (sama ada bagi urusan dunia atau Akhirat)."

Hadith ini *ḥasan*. Al-Tirmidhi (w.279H) dan selain beliau telah meriwayatkannya.

## Hadith 13: [Sukakan Kebaikan bagi Muslim Yang Lain adalah dari Kesempurnaan Iman]

عَنْ أَبِي حَمْزَةَ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ﷺ خَادِمِ رَسُولِ اللهِ ﷺ:

عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: (( لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ ))

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ

Daripada Abū Ḥamzah Anas bin Mālik ﷺ (w.93H), orang yang berkhidmat kepada Rasulullah ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

> "Tidak beriman salah seorang daripada kamu (dengan iman yang sempurna) sehinggalah dia cinta/suka bagi saudaranya (yang Muslim) seperti mana dia cinta/suka bagi dirinya sendiri."

Al-Bukhari (w.256H) dan Muslim (w.261H) telah meriwayatkan hadith ini.

## Hadith 14: [Sebab-sebab Darah Seseorang Hilang Kehormatan di sisi Islam]

عَنْ (عَبْدِ اللهِ) ٱبْنِ مَسْعُودٍ ﷺ، قَالَ:

قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: (( لَا يَحِلُّ دَمُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ إِلَّا بِإِحْدَى ثَلَاثٍ: الثَّيِّبُ الزَّانِي، وَالنَّفْسُ بِالنَّفْسِ، وَالتَّارِكُ لِدِينِهِ الْمُفَارِقُ لِلْجَمَاعَةِ ))

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ

Daripada (ʿAbdullaāh) Ibnu Masʿūd ﷺ (w.32H), beliau berkata: Rasulullah ﷺ telah bersabda:

"Tidak halal darah seorang individu Muslim melainkan dengan salah satu daripada tiga (3) perkara:

(i) seorang duda/janda (/yang telah berkahwin) yang berzina, dan

(ii) hukuman bunuh kerana membunuh seseorang yang lain, dan

(iii) seorang yang meninggalkan agamanya (murtad), lagi memisahkan dirinya daripada *jamāʿah* (Muslimin/ orang-orang Islam)."

Al-Bukhari (w.256H) dan Muslim (w.261H) telah meriwayatkan hadith ini.

## Hadith 15: [Berkata Baik serta Menghormati Jiran dan Tetamu]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ:

عَنْ رَسُولِ اللهِ ﷺ قَالَ: (( مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، فَلْيُكْرِمْ جَارَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ ))

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ

Daripada Abū Hurayrah ؓ (w.59H), beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari Akhirat, maka hendaklah dia berkata-kata dengan perkara yang baik atau hendaklah dia berdiam diri.
>
> Dan barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari Akhirat, maka hendaklah dia memuliakan jirannya.
>
> Dan barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari Akhirat, maka hendaklah dia memuliakan tetamunya."

Al-Bukhari (w.256H) dan Muslim (w.261H) telah meriwayatkan hadith ini.

## Hadith 16: [Menahan Diri daripada Kemarahan]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ:

أَنَّ رَجُلًا قَالَ لِلنَّبِيِّ ﷺ: أَوْصِنِي، قَالَ: (( لَا تَغْضَبْ ))، فَرَدَّدَ مِرَارًا قَالَ: (( لَا تَغْضَبْ ))

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ

Daripada Abū Hurayrah ﷺ (w.59H), beliau meriwayatkan bahawa:

> "Sesungguhnya seorang lelaki telah berkata kepada Nabi ﷺ: Berilah wasiat (pesanan) kepadaku.
>
> Baginda ﷺ bersabda: Janganlah kamu marah.
>
> Maka lelaki itu bertanya berkali-kali dan Baginda ﷺ menjawab: Janganlah kamu marah."

Al-Bukhari (w.256H) telah meriwayatkan hadith ini.

## Hadith 17: [Bersikap Ihsan kepada Semua Makhluk]

عَنْ أَبِي يَعْلَى شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ ﷺ:

عَنْ رَسُولِ اللهِ ﷺ قَالَ: (( إِنَّ اللهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ، وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذِّبْحَةَ، وَلْيُحِدَّ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ، وَلْيُرِحْ ذَبِيحَتَهُ ))

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Abū Yaʿlā Shaddād bin Aws ﷺ (w.58H), beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Sesungguhnya Allah (ﷻ) telah menulis (memerintahkan) ihsan ke atas setiap sesuatu.
>
> Maka apabila kamu membunuh (dengan kebenaran), maka bersikap ihsanlah dalam melakukan pembunuhan tersebut.
>
> Dan apabila kamu melakukan penyembelihan (haiwan), maka bersikap ihsanlah dalam melakukan penyembelihan tersebut.
>
> Dan hendaklah seseorang dari kamu (yang akan melakukan penyembelihan haiwan) menajamkan mata pisaunya, dan rehatkanlah haiwan penyembelihannya (dengan penyembelihan yang cepat dan tidak menyeksakan)."

Muslim (w.261H) telah meriwayatkan hadith ini.

# Hadith 18: [Taqwa dan Akhlak]

عَنْ أَبِي ذَرٍّ جُنْدُبِ بْنِ جُنَادَةَ وَأَبِي عَبْدِ الرَّحْمٰنِ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رضي الله عنهما:

عَنْ رَسُولِ اللهِ ﷺ قَالَ: (( اتَّقِ اللهَ حَيْثُمَا كُنْتَ، وَأَتْبِعِ السَّيِّئَةَ الْحَسَنَةَ تَمْحُهَا، وَخَالِقِ النَّاسَ بِخُلُقٍ حَسَنٍ ))

رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَقَالَ: حَدِيثٌ حَسَنٌ،

وَفِي بَعْضِ النُّسَخِ: حَسَنٌ صَحِيحٌ

Daripada Abū Dharr Jundub/Jundab bin Junādah [al-Ghifārī] (w.31H) dan Abū ʿAbd al-Raḥmān Muʿādh bin Jabal رضي الله عنهما (w.17/18H), mereka berdua meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Bertaqwalah kamu kepada Allah dalam apa jua keadaan kamu berada.
>
> Dan ikutilah kejahatan dengan kebaikan, maka ia akan menghapuskannya.
>
> Dan berakhlaklah terhadap manusia dengan akhlak yang baik."

Al-Tirmidhi (w.279H) meriwayatkan hadith ini dan beliau berkata: Hadith ini *ḥasan*. Dan pada sebahagian naskhah: [Hadith ini] *ḥasan* lagi *ṣaḥīḥ*.

## Hadith 19: [Nasihat Rasulullah ﷺ bagi Memperkukuhkan Keimanan kepada Allah ﷻ]

عَنْ أَبِي الْعَبَّاسِ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ:

كُنْتُ خَلْفَ النَّبِيِّ ﷺ يَوْمًا فَقَالَ (لِي) : (( يَا غُلَامُ، إِنِّي أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ: اِحْفَظِ اللهَ يَحْفَظْكَ، اِحْفَظِ اللهَ تَجِدْهُ تُجَاهَكَ، إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللهَ، وَإِذَا اسْتَعَنْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللهِ، وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ اجْتَمَعَتْ عَلَى أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ، لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللهُ لَكَ، وَإِنِ اجْتَمَعُوا عَلَى أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ، لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللهُ عَلَيْكَ، رُفِعَتِ الْأَقْلَامُ وَجَفَّتِ الصُّحُفُ ))

رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ، وَقَالَ: حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

Daripada Abū al-ʿAbbās ʿAbdullāh bin ʿAbbās رضي الله عنهما (w.68H), beliau berkata:

> "Pernah satu hari aku berada di belakang Nabi ﷺ, maka Baginda ﷺ bersabda (kepadaku): Wahai anak kecil, sesungguhnya aku akan mengajarkan kamu beberapa kalimah (iaitu):
>
> - Peliharalah (perintah dan larangan) Allah, Dia akan menjagamu.
> - Peliharalah (perintah dan larangan) Allah, kamu akan mendapatiNya di pihakmu (sentiasa membantumu).
> - Apabila kamu meminta, maka mintalah daripada Allah.
> - Dan apabila kamu meminta pertolongan, maka mintalah pertolongan daripada Allah.
> - Dan ketahuilah sesungguhnya sekiranya seluruh umat berhimpun untuk memberi manfaat kepadamu dengan

- sesuatu perkara, maka mereka tidak akan dapat memberi manfaat kepadamu melainkan dengan dengan sesuatu yang Allah telah tuliskannya (tetapkannya) untukmu.

- Dan sekiranya seluruh umat berhimpun untuk memberi mudarat kepadamu dengan sesuatu perkara, maka mereka tidak akan dapat memberi mudarat kepadamu melainkan dengan dengan sesuatu yang Allah telah tuliskannya (tetapkannya) ke atasmu.

Pena-pena telah diangkat dan helaian-helaian buku telah pun kering.”

Al-Tirmidhi (w.279H) telah meriwayatkan hadith ini dan beliau berkata: Hadith ini adalah *hasan* lagi *sahih*.

وَفِي رِوَايَةِ غَيْرِ التِّرْمِذِيِّ:

(( اِحْفَظِ اللهَ تَجِدْهُ أَمَامَكَ، تَعَرَّفْ إِلَى اللهِ فِي الرَّخَاءِ يَعْرِفْكَ فِي الشِّدَّةِ، وَاعْلَمْ أَنَّ مَا أَخْطَأَكَ لَمْ يَكُنْ لِيُصِيبَكَ، وَمَا أَصَابَكَ لَمْ يَكُنْ لِيُخْطِئَكَ، وَاعْلَمْ أَنَّ النَّصْرَ مَعَ الصَّبْرِ، وَأَنَّ الْفَرَجَ مَعَ الْكَرْبِ، وَأَنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ))

Dan di dalam riwayat selain daripada [riwayat] al-Tirmidhi (w.279H), [lafaznya berbunyi]:

“Peliharalah (perintah dan larangan) Allah, kamu akan mendapati-Nya di pihakmu.

Perkenalkan dirimu (beribadahlah dan taatlah) kepada Allah di waktu senang, Allah akan mengenalimu (membantumu) di waktu susah.

Dan ketahuilah, apa yang telah ditentukan [oleh Allah] untuk tidak menimpa kamu, pasti ia tidak akan menimpa kamu.

Dan apa yang telah ditentukan [oleh Allah] untuk menimpa kamu, pasti ia tidak akan tersalah untuk menimpa kamu.

Dan ketahuilah sesungguhnya pertolongan (Allah) itu adalah bersama dengan kesabaran, dan sesungguhnya jalan keluar itu bersama dengan kesusahan, dan sesungguhnya bersama kepayahan itu ada kesenangan."

## Hadith 20: [Sifat Malu itu adalah daripada Iman]

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ عُقْبَةَ بْنِ عَمْرٍو الْأَنْصَارِيِّ الْبَدْرِيِّ ﷺ، قَالَ:

قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ : (( إِنَّ مِمَّا أَدْرَكَ النَّاسُ مِنْ كَلَامِ النُّبُوَّةِ الْأُولَى: إِذَا لَمْ تَسْتَحْيِ، فَاصْنَعْ مَا شِئْتَ ))

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ

Daripada Abū Masʿūd ʿUqbah bin ʿAmr al-Anṣārī al-Badrī ؓ (w.41H), beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Sesungguhnya di antara perkara-perkara yang orang ramai telah dapatkan daripada kata-kata kenabian yang dahulu (ialah): Sekiranya kamu tidak berasa malu, maka buatlah apa yang kamu mahu."

Al-Bukhari (w.256H) telah meriwayatkan hadith ini.

## Hadith 21: [Istiqamah adalah Teras Agama]

عَنْ أَبِي عَمْرٍو – وَقِيلَ: أَبِي عَمْرَةَ – سُفْيَانَ بْنِ عَبْدِ اللهِ الثَّقَفِيِّ ﷺ، قَالَ:

قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ، قُلْ لِي فِي الْإِسْلَامِ قَوْلًا لَا أَسْأَلُ عَنْهُ أَحَدًا غَيْرَكَ، قَالَ: ((قُلْ آمَنْتُ بِاللهِ، ثُمَّ اسْتَقِمْ))

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Abū ʿAmr – *qīl*: Abū ʿAmrah - Sufyān bin ʿAbdullāh al-Thaqafī ﷺ - beliau berkata:

> "Aku telah berkata: Wahai Rasulullah! Katakanlah kepadaku di dalam Islam satu perkataan yang tidak akan aku tanya berkenaannya kepada selain daripadamu.
>
> Baginda ﷺ bersabda: Ucapkanlah: Aku benar-benar beriman dengan Allah, kemudian beristiqamahlah."

Muslim (w.261H) telah meriwayatkan hadith ini.

## Hadith 22: [Asas Masuk Syurga: Mengerjakan Kefarduan dan Menjauhi Larangan]

عَنْ أَبِي عَبْدِ اللهِ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ الْأَنْصَارِيِّ رضي الله عنهما:

أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ رَسُولَ اللهِ ﷺ فَقَالَ: أَرَأَيْتَ إِذَا صَلَّيْتُ الْمَكْتُوبَاتِ، وَصُمْتُ رَمَضَانَ، وَأَحْلَلْتُ الْحَلَالَ، وَحَرَّمْتُ الْحَرَامَ، وَلَمْ أَزِدْ عَلَى ذَلِكَ شَيْئًا، أَأَدْخُلُ الْجَنَّةَ؟ قَالَ: (( نَعَمْ ))

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Abū ʿAbdillāh Jābir bin ʿAbdullāh Al-Anṣārī رضي الله عنهما (w.78H), beliau meriwayatkan bahawa:

> "Sesungguhnya seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah ﷺ dengan berkata: Apakah pandanganmu sekiranya aku mengerjakan solat-solat fardu, dan aku berpuasa di bulan Ramadan, dan aku menghalalkan perkara yang halal, dan aku mengharamkan perkara yang haram, serta aku tidak menambah sesuatu apa pun selain daripada itu: adakah aku akan masuk ke syurga?.
>
> Baginda ﷺ menjawab: Ya."

Muslim (w.261H) telah meriwayatkan hadith ini.

## Hadith 23: [Amalan-amalan Soleh dan Kelebihannya]

عَنْ أَبِي مَالِكٍ الْحَارِثِ بْنِ عَاصِمٍ الْأَشْعَرِيِّ ﷺ قَالَ:

قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ : (( اَلطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ، وَالْحَمْدُ للهِ تَمْلَأُ الْمِيزَانَ، وَسُبْحَانَ اللهِ وَالْحَمْدُ للهِ تَمْلَآنِ أَوْ تَمْلَأُ مَا بَيْنَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، وَالصَّلَاةُ نُورٌ، وَالصَّدَقَةُ بُرْهَانٌ، وَالصَّبْرُ ضِيَاءٌ، وَالْقُرْآنُ حُجَّةٌ لَكَ أَوْ عَلَيْكَ، كُلُّ النَّاسِ يَغْدُو، فَبَائِعٌ نَفْسَهُ، فَمُعْتِقُهَا أَوْ مُوبِقُهَا ))

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Abū Mālik al-Ḥārith bin ʿĀṣim al-Ashʿarī ﵁ (w.18H), beliau berkata: Rasulullah ﷺ telah bersabda:

"Kesucian (wudu') itu separuh daripada iman.

[Pahala] *Alḥamdulillāh*: "*Segala pujian adalah hanya bagi Allah*" memenuhi neraca timbangan.

Dan [pahala] *Subḥānallāh*: "*Maha Suci Allah*" dan *Alḥamdulillāh*: "*Segala pujian hanyalah bagi Allah*" memenuhi di antara langit-langit dan bumi.

Dan solat itu adalah nur (yang menghalang ahlinya dari perbuatan maksiat dan keji).

Dan sedekah itu adalah bukti/hujah (bagi keimanan ahlinya).

Dan kesabaran itu adalah sinaran (bagi ahlinya di atas jalan yang benar).

Dan Al-Qur'an itu hujah bagi kamu atau ke atas kamu.

> Setiap manusia yang memasuki waktu pagi, adalah seumpama orang yang menjual dirinya (berusaha dengan amalannya), maka sama ada dia membebaskannya (dengan ketaatan) atau menghancurkannya (dengan maksiat)."

Muslim (w.261H) telah meriwayatkan hadith ini.

## Hadith 24: [Keluasan Limpah Kurnia Allah ﷻ kepada Para Hamba-Nya]

عَنْ أَبِي ذَرٍّ ﵁ :

عَنِ النَّبِيِّ ﷺ فِيمَا رَوَى عَنِ اللهِ ﷻ أَنَّهُ قَالَ: (( يَا عِبَادِي إِنِّي حَرَّمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي وَجَعَلْتُهُ بَيْنَكُمْ مُحَرَّمًا فَلَا تَظَالَمُوا، يَا عِبَادِي كُلُّكُمْ ضَالٌّ إِلَّا مَنْ هَدَيْتُهُ فَاسْتَهْدُونِي أَهْدِكُمْ، يَا عِبَادِي كُلُّكُمْ جَائِعٌ إِلَّا مَنْ أَطْعَمْتُهُ فَاسْتَطْعِمُونِي أُطْعِمْكُمْ، يَا عِبَادِي كُلُّكُمْ عَارٍ إِلَّا مَنْ كَسَوْتُهُ فَاسْتَكْسُونِي أَكْسُكُمْ (/ أَكْسِكُمْ)، يَا عِبَادِي إِنَّكُمْ تُخْطِئُونَ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَأَنَا أَغْفِرُ الذُّنُوبَ (/ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ) جَمِيعًا فَاسْتَغْفِرُونِي أَغْفِرْ لَكُمْ، يَا عِبَادِي إِنَّكُمْ لَنْ تَبْلُغُوا ضُرِّي فَتَضُرُّونِي، وَلَنْ تَبْلُغُوا نَفْعِي فَتَنْفَعُونِي، يَا عِبَادِي لَوْ أَنَّ أَوَّلَكُمْ وَآخِرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجِنَّكُمْ كَانُوا عَلَى أَتْقَى قَلْبِ رَجُلٍ وَاحِدٍ مِنْكُمْ، مَا زَادَ ذَلِكَ فِي مُلْكِي شَيْئًا، يَا عِبَادِي لَوْ أَنَّ أَوَّلَكُمْ وَآخِرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجِنَّكُمْ كَانُوا عَلَى أَفْجَرِ قَلْبِ رَجُلٍ وَاحِدٍ (مِنْكُمْ)، مَا نَقَصَ ذَلِكَ مِنْ مُلْكِي شَيْئًا، يَا عِبَادِي لَوْ أَنَّ أَوَّلَكُمْ وَآخِرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجِنَّكُمْ قَامُوا فِي صَعِيدٍ وَاحِدٍ فَسَأَلُونِي فَأَعْطَيْتُ كُلَّ إِنْسَانٍ مِنْهُمْ مَسْأَلَتَهُ، مَا نَقَصَ ذَلِكَ مِمَّا عِنْدِي إِلَّا كَمَا يَنْقُصُ الْمِخْيَطُ إِذَا أُدْخِلَ الْبَحْرَ، يَا عِبَادِي إِنَّمَا هِيَ أَعْمَالُكُمْ أُحْصِيهَا لَكُمْ ثُمَّ أُوَفِّيكُمْ إِيَّاهَا، فَمَنْ وَجَدَ خَيْرًا فَلْيَحْمَدِ اللهَ (ﷻ)، وَمَنْ وَجَدَ غَيْرَ ذَلِكَ فَلَا يَلُومَنَّ إِلَّا نَفْسَهُ ))

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Abū Dharr [al-Ghifārī] ﷺ (w.32H), beliau meriwayatkan:

> “Daripada Nabi ﷺ pada apa yang Baginda ﷺ sampaikan daripada Allah ﷻ bahawa sesungguhnya Dia (Allah) ﷻ telah berfirman (di dalam hadith *qudsī*):
>
> Wahai para hamba-Ku, sesungguhnya Aku telah mengharamkan kezaliman ke atas diri-Ku (Aku Maha Suci daripada melakukan kezaliman), dan Aku telah menjadikannya sesuatu yang haram di antara sesama kamu, maka janganlah kamu saling zalim-menzalimi.
>
> Wahai para hamba-Ku, setiap daripada kamu adalah sesat melainkan sesiapa yang Aku kurniakan hidayat (petunjuk) kepadanya, maka mintalah hidayat daripada-Ku, pasti Aku akan memberi hidayat kepada kamu.
>
> Wahai para hamba-Ku, setiap daripada kamu adalah lapar melainkan sesiapa yang Aku kurniakan makanan kepadanya, maka mintalah makanan daripada-Ku, pasti Aku akan memberi makanan kepada kamu.
>
> Wahai para hamba-Ku, setiap daripada kamu adalah bertelanjang (tidak mempunyai pakaian) melainkan sesiapa yang Aku kurniakan pakaian kepadanya, maka mintalah pakaian daripada-Ku, pasti Aku akan memberi pakaian kepada kamu.
>
> Wahai para hamba-Ku, sesungguhnya kamu melakukan kesalahan di waktu malam dan siang, dan Aku mengampunkan segala dosa (/bagi kamu dosa-dosa kamu) kesemuanya, maka mintalah keampunan dari-Ku, pasti Aku akan memberi keampunan kepada kamu.
>
> Wahai para hamba-Ku, sesungguhnya kamu tidak akan mampu buat selama-lamanya untuk menyampaikan kemudaratan

kepada-Ku bagi menyakiti-Ku, dan kamu tidak akan mampu buat selama-lamanya untuk menyampaikan kemanfaatan kepada-Ku bagi memberi manfaat kepada-Ku.

Wahai para hamba-Ku, sesungguhnya sekiranya hamba yang pertama dari kalangan kamu, dan yang terakhir dari kalangan kamu, termasuk manusia dan jin keseluruhannya berada di atas hati seorang lelaki yang paling bertaqwa dari kalangan kamu, maka keadaan itu tidak akan menambah sesuatu apa pun dalam kekuasaan-Ku.

Wahai para hamba-Ku, sesungguhnya sekiranya hamba yang pertama dari kalangan kamu, dan yang terakhir dari kalangan kamu, termasuk manusia dan jin keseluruhannya berada di atas hati seorang lelaki yang paling jahat dari kalangan kamu, maka keadaan itu tidak akan mengurangkan sesuatu apa pun dari kekuasaan-Ku.

Wahai para hamba-Ku, sesungguhnya sekiranya hamba yang pertama dari kalangan kamu, dan yang terakhir dari kalangan kamu, termasuk manusia dan jin keseluruhannya berdiri di satu tempat lalu kesemuanya memohon daripada-Ku dan Aku berikan permintaan setiap seorang dari kalangan mereka yang membuat permintaan, maka perkara itu tidak akan mengurangkan apa yang ada di sisi-Ku melainkan seperti satu jarum yang dimasukkan ke dalam air laut.

Wahai para hamba-Ku, hanyasanya ia adalah amalan-amalan kamu yang Aku perhitungkan untuk kamu, kemudian Aku menyempurnakan ganjaran baginya, maka barangsiapa yang mendapati kebaikan (amalannya), maka hendaklah dia memuji Allah ﷻ dan barangsiapa yang mendapati sebaliknya (keburukan

amalannya), maka janganlah dia mengeji melainkan dirinya sendiri.”

Muslim (w.261H) telah meriwayatkan hadith ini.

## Hadith 25: [Berlumba-lumba dalam Kebaikan dan Kelebihan Zikir]

عَنْ أَبِي ذَرٍّ ﵁ أَيْضًا:

أَنَّ نَاسًا مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللهِ ﷺ قَالُوا لِلنَّبِيِّ ﷺ: يَا رَسُولَ اللهِ ذَهَبَ أَهْلُ الدُّثُورِ بِالْأُجُورِ، يُصَلُّونَ كَمَا نُصَلِّي، وَيَصُومُونَ كَمَا نَصُومُ، وَيَتَصَدَّقُونَ بِفُضُولِ أَمْوَالِهِمْ، قَالَ: (( أَوَ لَيْسَ قَدْ جَعَلَ اللهُ لَكُمْ مَا تَصَّدَّقُونَ؟!، إِنَّ بِكُلِّ تَسْبِيحَةٍ صَدَقَةً، وَكُلِّ تَكْبِيرَةٍ صَدَقَةً، وَكُلِّ تَحْمِيدَةٍ صَدَقَةً، وَكُلِّ تَهْلِيلَةٍ صَدَقَةً، وَأَمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ صَدَقَةٌ، وَنَهْيٌ عَنْ مُنْكَرٍ صَدَقَةٌ، وَفِي بُضْعِ أَحَدِكُمْ صَدَقَةٌ ))، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللهِ أَيَأْتِي أَحَدُنَا شَهْوَتَهُ، وَيَكُونُ لَهُ فِيهَا أَجْرٌ؟، قَالَ: (( أَرَأَيْتُمْ لَوْ وَضَعَهَا فِي حَرَامٍ أَكَانَ عَلَيْهِ (فِيهَا) وِزْرٌ، فَكَذَلِكَ إِذَا وَضَعَهَا فِي الْحَلَالِ كَانَ لَهُ أَجْرٌ ))

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Abū al-Dharr [al-Ghifārī] (w.32H) ﵁, beliau meriwayatkan:

"Sesungguhnya beberapa orang daripada kalangan para sahabat Rasulullah ﷺ telah berkata kepada Baginda Nabi ﷺ: Wahai Rasulullah, orang-orang yang mempunyai harta telah pergi [mendahului kami] dengan pelbagai pahala; mereka bersolat sepertima kami bersolat, mereka berpuasa seperti mana kami berpuasa, dan mereka bersedekah dengan kelebihan harta-harta mereka.

Baginda ﷺ bersabda: Tidakkah Allah telah jadikan untuk kalian semua apa yang kalian mampu sedekahkan?!. Sesungguhnya setiap tasbih adalah sedekah, dan setiap takbir adalah sedekah, dan setiap tahmid adalah sedekah, dan setiap tahlil adalah

sedekah, dan setiap anjuran/ perintah bagi melakukan kebaikan adalah sedekah, dan setiap larangan daripada kemungkaran adalah sedekah, dan pada setiap sanggama bersama isteri kamu adalah sedekah.

Mereka berkata: Wahai Rasulullah, adakah apabila salah seorang daripada kami mendatangi shahwatnya (yang halal), maka kami dikurniakan padanya pahala?.

Baginda ﷺ bersabda: Tidakkah kamu melihat (mengerti) bahawa sekiranya seseorang itu meletakkan kehendak shahwatnya pada yang haram, maka dosa dikenakan ke atasnya?!. Maka begitulah juga, apabila dia meletakkannya pada yang halal, maka baginya pahala."

Muslim (w.261H) telah meriwayatkan hadith ini.

## Hadith 26: [Bentuk-bentuk Sedekah dan Jalan-jalan Kebaikan]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، قَالَ:

قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: (( كُلُّ سُلَامَى مِنَ النَّاسِ عَلَيْهِ صَدَقَةٌ كُلَّ يَوْمٍ تَطْلُعُ فِيهِ الشَّمْسُ: تَعْدِلُ (/ يَعْدِلُ) بَيْنَ اثْنَيْنِ صَدَقَةٌ، وَتُعِينُ (/ يُعِينُ) الرَّجُلَ فِي دَابَّتِهِ، فَتَحْمِلُهُ (/ فَيَحْمِلُهُ) عَلَيْهَا، أَوْ تَرْفَعُ (/ يَرْفَعُ) لَهُ عَلَيْهَا مَتَاعَهُ صَدَقَةٌ، وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ، وَبِكُلِّ خُطْوَةٍ تَمْشِيهَا (/ يَمْشِيهَا) إِلَى الصَّلَاةِ صَدَقَةٌ، وَتُمِيطُ (/ وَيُمِيطُ) الْأَذَى عَنِ الطَّرِيقِ صَدَقَةٌ ))

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ

Daripada Abū Hurayrah ﵁ (w.59H), beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Setiap sendi-sendi tulang dan anggota[2] yang ada pada tubuh seorang manusia itu mempunyai tuntutan sedekah pada setiap hari yang terbit padanya matahari:
>
> Kamu (/dia) mengadili (berlaku adil) di antara dua orang adalah satu sedekah; dan kamu (/dia) membantu seseorang pada kenderaan tunggangannya dengan kamu (/dia) menaikkannya ke atas [kenderaan]nya atau kamu (/dia) mengangkat barang miliknya ke atas [kenderaan]nya adalah satu sedekah; dan kalimah yang baik itu adalah satu sedekah; dan dengan setiap langkah yang kamu (/dia) langkah untuk pergi bersolat adalah satu sedekah; dan kamu (/dia) mengalihkan sesuatu yang boleh

[2] Di dalam hadith riwayat Sahih Muslim, jumlah sendi-sendi tulang dan anggota bagi manusia ialah tiga ratus enam puluh (360).

menyakiti orang lain daripada laluan jalan juga adalah satu sedekah."

Al-Bukhari (w.256H) dan Muslim (w.261H) telah meriwayatkan hadith ini.

## Hadith 27: [Mengenal Perkara Baik dan Buruk]

عَنِ النَّوَّاسِ بْنِ سَمْعَانَ (/ سِمْعَانَ) (الْأَنْصَارِيِّ) ﷺ:

عَنِ النَّبِيِّ ﷺ ، قَالَ: (( اَلْبِرُّ حُسْنُ الْخُلُقِ، وَالْإِثْمُ مَا حَاكَ فِي نَفْسِكَ وَكَرِهْتَ أَنْ يَطَّلِعَ عَلَيْهِ النَّاسُ ))

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Al-Nawwās bin Samʿān/ Simʿān al-Anṣārī ﵁, beliau meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

> "Kebajikan/ kebaikan [yang sebenar] itu adalah akhlak yang baik, dan dosa itu adalah apa yang meresahkan jiwa kamu dan kamu tidak suka untuk orang ramai mengetahuinya."

Muslim (w.261H) telah meriwayatkan hadith ini.

وَعَنْ وَابِصَةَ بْنِ مَعْبَدٍ ﷺ قَالَ:

أَتَيْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ فَقَالَ: (( جِئْتَ تَسْأَلُ عَنِ الْبِرِّ (وَالْإِثْمِ)؟ ))، قُلْتُ: نَعَمْ، قَالَ: (( اِسْتَفْتِ قَلْبَكَ، الْبِرُّ مَا اطْمَأَنَّتْ إِلَيْهِ النَّفْسُ وَاطْمَأَنَّ إِلَيْهِ الْقَلْبُ، وَالْإِثْمُ مَا حَاكَ فِي النَّفْسِ وَتَرَدَّدَ فِي الصَّدْرِ، وَإِنْ أَفْتَاكَ النَّاسُ وَأَفْتَوْكَ ))

حَدِيثٌ حَسَنٌ، رَوَيْنَاهُ فِي مُسْنَدَيِ الْإِمَامَيْنِ أَحْمَدَ بْنِ حَنْبَلٍ وَالدَّارِمِيِّ رَحِمَهُمَا اللهُ تَعَالَى بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ

Dan daripada Wābiṣah bin Maʿbad ﵁, beliau berkata:

> "Aku telah datang kepada Rasulullah ﷺ, lalu Baginda ﷺ bersabda: Kamu datang untuk bertanya tentang kebajikan (dan dosa)?. Aku berkata: Ya.

> Baginda ﷺ bersabda: Tanyalah hati kamu. Kebajikan itu adalah apa yang jiwa kamu berasa tenang kepadanya, dan hatimu juga tenang berkenaannya.
>
> Dan dosa itu adalah apa yang meresahkan di dalam jiwa, dan bermundar-mandir di dalam dada, walaupun orang ramai memberi fatwa kepadamu, dan walaupun mereka memberi fatwa kepadamu [dengan sebaliknya]."

Hadith ini *ḥasan*. Kami telah meriwayatkannya di dalam Musnad Imam Aḥmad bin Hanbal (w.241H) dan Musnad Imam al-Dārimī (w.255H) – semoga Allah ﷻ merahmati mereka berdua – dengan *isnād* yang *ḥasan*.

## Hadith 28: [Pesanan Rasulullah ﷺ: Taqwa, Taat, Berpegang dengan Sunnah dan Menjauhi Bid’ah]

عَنْ أَبِي نَجِيحٍ الْعِرْبَاضِ بْنِ سَارِيَةَ ؓ، قَالَ:

وَعَظَنَا رَسُولُ اللهِ ﷺ مَوْعِظَةً وَجِلَتْ مِنْهَا الْقُلُوبُ، وَذَرَفَتْ مِنْهَا الْعُيُونُ، فَقُلْنَا: يَا رَسُولَ اللهِ، كَأَنَّهَا مَوْعِظَةُ مُوَدِّعٍ فَأَوْصِنَا، قَالَ: (( أُوصِيكُمْ بِتَقْوَى اللهِ، وَالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ، وَإِنْ تَأَمَّرَ عَلَيْكُمْ عَبْدٌ، فَإِنَّهُ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ (بَعْدِي) فَسَيَرَى اخْتِلَافًا كَثِيرًا، فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، عَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِذِ، وَإِيَّاكُمْ وَمُحْدَثَاتِ الْأُمُورِ، فَإِنَّ كُلَّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ ))

رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ، وَقَالَ: حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

Daripada Abū Najīḥ al-ʿIrbāḍ bin Sāriyah ؓ (w.75H), beliau berkata:

“Rasulullah ﷺ telah memberi nasihat kepada kami dengan satu nasihat yang mana hati-hati bergetar kerananya dan mata-mata mengalirkan air mata kerananya.

Maka kami berkata: Wahai Rasulullah! Sesungguhnya ini adalah seumpama nasihat seseorang yang memberi ucapan perpisahan, maka berilah wasiat/ pesanan kepada kami?.

Baginda ﷺ lantas bersabda:

(i) Aku berpesan kepada kamu dengan taqwa kepada Allah, dan

(ii) Mendengar serta taat [kepada pemimpin kamu], walaupun seorang hamba yang menjadi ketua kamu.

Maka sesungguhnya barangsiapa dari kalangan kamu yang hidup selepas [kewafatan]ku, maka dia akan melihat pertelingkahan yang begitu banyak.

(iii) Maka hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah para khulafāʾ al-Rāshidīn yang bijaksana lagi diberi petunjuk [selepasku], berpeganglah dengannya dan peganglah ia dengan kemas [seperti kamu memegangnya dengan gigi taring/ gigi gerham yang paling dalam sekali], dan

(iv) Berhati-hatilah kamu daripada perkara-perkara baru (yang bertentangan dengan asas-asas Shariat), maka sesungguhnya setiap bid'ah itu adalah kesesatan."

Abū Dāwud (w.275H) dan al-Tirmidhī (w.279H) telah meriwayatkannya dan beliau (al-Tirmidhī) berkata: Hadith ini *ḥasan* lagi *ṣaḥīḥ*.

## Hadith 29: [Pintu Kebaikan, Asas Agama dan Penjagaan Lidah]

عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ ﷺ، قَالَ:

قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَخْبِرْنِي بِعَمَلٍ يُدْخِلُنِي الْجَنَّةَ وَيُبَاعِدُنِي مِنَ النَّارِ، قَالَ: ((لَقَدْ سَأَلْتَ عَنْ عَظِيمٍ وَإِنَّهُ لَيَسِيرٌ عَلَى مَنْ يَسَّرَهُ اللهُ عَلَيْهِ: تَعْبُدُ اللهَ لَا تُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا، وَتُقِيمُ الصَّلَاةَ، وَتُؤْتِي الزَّكَاةَ، وَتَصُومُ رَمَضَانَ، وَتَحُجُّ الْبَيْتَ )). ثُمَّ قَالَ: (( أَلَا أَدُلُّكَ عَلَى أَبْوَابِ الْخَيْرِ؟! الصَّوْمُ جُنَّةٌ، وَالصَّدَقَةُ تُطْفِئُ الْخَطِيئَةَ كَمَا يُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ، وَصَلَاةُ الرَّجُلِ فِي جَوْفِ اللَّيْلِ، ثُمَّ تَلَا: (( تَتَجَافَى جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ)) حَتَّى بَلَغَ: يَعْلَمُونَ (( [سُورَةُ السَّجْدَةِ: 16 – 17] ))، ثُمَّ قَالَ: (( أَلَا أُخْبِرُكَ بِرَأْسِ الْأَمْرِ وَعَمُودِهِ وَذُرْوَةِ سَنَامِهِ؟ ))، قُلْتُ: بَلَى يَا رَسُولَ اللهِ، قَالَ: (( رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ، وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ، وَذُرْوَةُ سَنَامِهِ الْجِهَادُ ))، ثُمَّ قَالَ: (( أَلَا أُخْبِرُكَ بِمِلَاكِ ذَلِكَ كُلِّهِ؟ ))، قُلْتُ: بَلَى يَا رَسُولَ اللهِ، فَأَخَذَ بِلِسَانِهِ، قَالَ: (( كُفَّ عَلَيْكَ هَذَا ))، قُلْتُ: يَا نَبِيَّ اللهِ، وَإِنَّا لَمُؤَاخَذُونَ بِمَا نَتَكَلَّمُ بِهِ؟، فَقَالَ: (( ثَكِلَتْكَ أُمُّكَ، وَهَلْ يَكُبُّ النَّاسَ فِي النَّارِ عَلَى وُجُوهِهِمْ ))، أَوْ قَالَ: (( عَلَى مَنَاخِرِهِمْ إِلَّا حَصَائِدُ أَلْسِنَتِهِمْ ))

رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ، وَقَالَ: حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

Daripada Muʿādh bin Jabal ﷺ (w.17/18H), beliau berkata:

> "Aku berkata: Wahai Rasulullah, beritahulah kepadaku tentang satu amalan yang akan memasukkan daku ke dalam syurga dan menjauhkan daku dari api neraka.

Baginda ﷺ bersabda: Sesungguhnya kamu telah bertanya tentang suatu perkara yang amat besar (berat) dan sesungguhnya ia adalah mudah bagi sesiapa yang Allah mudahkan perkara ini baginya: [iaitu] Kamu beribadat (menyembah) kepada Allah, [dan] kamu tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun, dan kamu mendirikan solat, dan kamu mengeluarkan zakat, dan kamu berpuasa Ramadan, serta kamu pergi mengerjakan Haji.

Kemudian Baginda ﷺ bersabda: Tidakkah kamu mahu aku tunjukkan kepada kamu pintu-pintu kebaikan?! Puasa itu adalah perisai, dan sedekah itu memadam kesalahan/ dosa seperti mana air memadamkan api, dan solat seorang lelaki (dan perempuan) di tengah malam.

Kemudian Baginda ﷺ membaca: *Mereka (orang-orang yang beriman dengan ayat-ayat keterangan kami itu) merenggangkan diri dari tempat tidur, (sedikit sangat tidur, kerana mengerjakan sembahyang tahajjud dan amal-amal soleh)*, sehingga sampai: *(amal-amal soleh) yang mereka telah kerjakan*. [Surah al-Sajdah:16-17].

Kemudian Baginda ﷺ bersabda: Tidakkah kamu mahu aku memberitahu kamu dengan tunggak urusan (agama) ini dan tiangnya serta kemuncaknya?!

Aku berkata: Bahkan, wahai Rasulullah.

Baginda ﷺ bersabda: Tunggak segala urusan adalah Islam, dan tiangnya adalah solat, serta kemuncak ketinggiannya adalah jihad.

Kemudian Baginda ﷺ bersabda: Tidakkah kamu mahu aku memberitahu kamu tentang penguasaan (teras) perkara ini keseluruhannya?!, maka aku berkata: Bahkan, wahai Rasulullah.

Maka Baginda ﷺ pun memegang lidah Baginda yang mulia dan Baginda ﷺ bersabda: Tahanlah (lidah) ini ke atasmu.

Aku berkata: Wahai Nabi Allah! Dan adakah kami semua akan dihukum dengan apa yang kami tuturkan?

Baginda ﷺ bersabda: Semoga ibumu [tidak] kehilanganmu[3]; dan tidakkah manusia itu dicampakkan ke dalam api neraka di atas muka-muka mereka atau dua lubang hidung mereka (dengan kehinaan) melainkan kerana ia adalah hasil tuaian lidah-lidah mereka."

Al-Tirmidhi (w.279H) telah meriwayatkannya dan beliau berkata: Hadith ini *ḥasan* lagi *ṣaḥīḥ*.

---

[3] Satu gaya percakapan di dalam bahasa Arab bagi menunjukkan keseriusan sesuatu perkara.

## Hadith 30: [Berpegang dengan Shariat Allah ﷻ]

عَنْ أَبِي ثَعْلَبَةَ الْخُشَنِيِّ جُرْثُومِ بْنِ نَاشِرٍ رضي الله عنه:

عَنِ رَسُولِ اللهِ ﷺ، قَالَ: (( إِنَّ اللهَ ﷻ فَرَضَ فَرَائِضَ، فَلَا تُضَيِّعُوهَا، وَحَدَّ حُدُودًا فَلَا تَعْتَدُوهَا، وَحَرَّمَ أَشْيَاءَ، فَلَا تَنْتَهِكُوهَا، وَسَكَتَ عَنْ أَشْيَاءَ رَحْمَةً لَكُمْ غَيْرَ نِسْيَانٍ، فَلَا تَبْحَثُوا عَنْهَا ))

حَدِيثٌ حَسَنٌ، رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ وَغَيْرُهُ

Daripada Abū Thaʿlabah al-Khushanī Jurthūm bin Nāshir رضي الله عنه (w.75H), beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Sesungguhnya Allah ﷻ telah mewajibkan perkara-perkara yang fardu, maka janganlah kamu mengabaikannya.
>
> Dan Dia telah menetapkan sempadan (Shariat), maka janganlah kamu melampauinya.
>
> Dan Dia telah mengharamkan beberapa perkara, maka janganlah kamu mencerobohnya (melakukannya).
>
> Dan Dia telah diam daripada (menerangkan hukum bagi) beberapa perkara kerana merahmati kamu, dan bukan kerana lupa, maka janganlah kamu mencari-carinya."

Hadith ini *ḥasan*. Al-Dāraquṭnī (w.385H) dan selain beliau telah meriwayatkannya.

## Hadith 31: [Sifat Zuhud Menjadi Sebab Bagi Cinta Allah dan Manusia]

عَنْ أَبِي الْعَبَّاسِ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ السَّاعِدِيِّ ﷺ قَالَ:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، دُلَّنِي عَلَى عَمَلٍ إِذَا عَمِلْتُهُ أَحَبَّنِي اللهُ، وَأَحَبَّنِي النَّاسُ، فَقَالَ: (( اِزْهَدْ فِي الدُّنْيَا يُحِبَّكَ اللهُ، وَازْهَدْ فِيمَا عِنْدَ النَّاسِ يُحِبَّكَ النَّاسُ ))

حَدِيثٌ حَسَنٌ، رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهْ وَغَيْرُهُ بِأَسَانِيدَ حَسَنَةٍ

Daripada Abū al-ʿAbbās Sahl bin Saʿd al-Sāʿidī ؓ (w.88/91H), beliau berkata:

> "Seorang lelaki telah datang kepada Nabi ﷺ dan berkata: Wahai Rasulullah, tunjukkanlah kepadaku satu amalan, apabila aku mengamalkannya, maka Allah akan menyintaiku, dan manusia juga akan menyintaiku.
>
> Maka Baginda ﷺ bersabda: Zuhudlah terhadap dunia, Allah akan menyintaimu; dan zuhudlah dengan apa yang ada di sisi manusia, maka orang ramai akan menyintaimu."

Hadith ini *ḥasan*. Ibnu Majah (w.273H) dan selain beliau telah meriwayatkannya dengan sanad-sanad yang [berdarjat] *ḥasan*.

## Hadith 32: [Tidak Memudaratkan dan Tidak Saling Memudaratkan]

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ سَعْدِ بْنِ مَالِكِ بْنِ سِنَانٍ الْخُدْرِيِّ ﷺ:

أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ قَالَ: (( لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ ))

حَدِيثٌ حَسَنٌ، رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهْ وَالدَّارَقُطْنِيُّ وَغَيْرُهُمَا مُسْنَدًا،

وَرَوَاهُ مَالِكٌ فِي الْمُوَطَّإِ عَنْ عَمْرِو بْنِ يَحْيَى، عَنْ أَبِيهِ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ مُرْسَلًا،

فَأَسْقَطَ أَبَا سَعِيدٍ، وَلَهُ طُرُقٌ يُقَوِّي بَعْضُهَا بِبَعْضٍ

Daripada Abū Saʿīd Saʿd bin Mālik bin Sinān al-Khudrī ؓ (w.74H), beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Nabi ﷺ bersabda:

> "Tidak boleh memudaratkan sesuatu, dan tidak boleh membalas sesuatu dengan kemudaratan."

Hadith yang *ḥasan*. Ibnu Majah (w.273H), al-Daraqutni (w.385H) dan selain daripada mereka berdua telah meriwayatkannya dengan bersanad.

Malik (w.179H) telah meriwayatkannya di dalam al-Muwaṭṭaʾ daripada ʿAmr bin Yaḥyā, daripada ayahnya, daripada Nabi ﷺ secara *mursal*, dan dia telah menggugurkan Abū Saʿīd (al-Khudrī) ؓ (w.74H) daripada (rantaian sanad).

Dan bagi hadith ini jalan-jalan periwayatan yang mana sebahagiannya menguatkan sebahagian yang lain.

## Hadith 33: [Bukti dan Sumpah Bagi Pemeliharaan Harta dan Nyawa: Asas Penghakiman di dalam Islam]

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنهما:

أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ قَالَ: (( لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ، لَادَّعَى رِجَالٌ أَمْوَالَ قَوْمٍ وَدِمَاءَهُمْ، لَكِنَّ الْبَيِّنَةَ عَلَى الْمُدَّعِي وَالْيَمِينَ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ ))

حَدِيثٌ حَسَنٌ،

رَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ وَغَيْرُهُ هَكَذَا، وَبَعْضُهُ فِي الصَّحِيحَيْنِ

Daripada [ʿAbdullāh] Ibnu ʿAbbās رضي الله عنهما (w.68H), beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah bersabda:

> "Andainya orang ramai itu diberikan (sesuatu) dengan dakwaan mereka semata-mata, pastinya para lelaki akan mendakwa/ membuat tuntutan ke atas harta-harta dan darah-darah sesuatu kaum.
>
> Oleh kerana itu, bukti (itu dituntut) dari pendakwa, dan sumpah (penafian itu dituntut) dari pihak yang mengingkari (dakwaan tersebut)."

Hadith yang *ḥasan*. Al-Bayhaqi (w.458H) dan selain beliau telah meriyawatkannya seperti ini, dan sebahagiannya terdapat di dalam Al-Ṣaḥiḥayn (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dan Ṣaḥīḥ Muslim).

## Hadith 34: [Kewajipan Mencegah Kemungkaran dan Peringkat-peringkatnya]

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ ﷺ قَالَ:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ: (( مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ ))

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada ʻAbū Saʿīd al-Khudrī ﷺ (w.74H), beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Barangsiapa dari kalangan kamu yang melihat sesuatu kemungkaran, maka hendaklah dia mengubahnya/ mencegahnya dengan tangannya (kekuasaannya).
>
> Dan sekiranya dia tidak mampu melakukannya, maka [hendaklah dia mengubahnya/ mencegahnya] dengan lidahnya.
>
> Maka sekiranya dia tidak mampu juga, maka [hendaklah dia mengubahnya/ mencegahnya] dengan hatinya, dan itulah selemah-lemah iman."

Muslim (w.261H) telah meriwayatkan hadith ini.

## Hadith 35: [Memelihara Persaudaraan dan Hak Sesama Muslim]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، قَالَ:

قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: (( لَا تَحَاسَدُوا، وَلَا تَنَاجَشُوا، وَلَا تَبَاغَضُوا، وَلَا تَدَابَرُوا، وَلَا يَبِعْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ، وَكُونُوا عِبَادَ اللهِ إِخْوَانًا. اَلْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ، لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يَخْذُلُهُ، وَلَا يَكْذِبُهُ، وَلَا يَحْقِرُهُ، التَّقْوَى هَاهُنَا ))، - وَيُشِيرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ - (( بِحَسْبِ امْرِئٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ، كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ: دَمُهُ وَمَالُهُ وَعِرْضُهُ ))

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Abū Hurayrah ﷺ (w.59H), beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Janganlah kamu saling dengki mendengki, dan janganlah kamu saling tipu menipu, dan janganlah kamu saling benci membenci, dan janganlah kamu saling musuh memusuhi, dan janganlah sebahagian kamu melakukan jual-beli ke atas barangan yang telah dibeli oleh sebahagian yang lain.
>
> Dan jadilah para hamba Allah yang bersaudara. Seorang Muslim itu adalah saudara seorang Muslim yang lain, dia tidak menzaliminya, tidak mengabaikannya (apabila dia memerlukan pertolongan), dan tidak menipunya, serta tidak merendahkannya.
>
> Taqwa itu di sini – dan Rasulullah ﷺ memberi isyarat (menunjuk) ke dada Baginda ﷺ yang mulia sebanyak tiga kali.

> Cukuplah bagi seseorang itu kejahatan dengan merendahkan saudara Muslimnya yang lain.
>
> [Hak] setiap Muslim ke atas Muslim yang lain adalah suci (mesti dihormati): darahnya, hartanya dan maruahnya.”

Muslim (w.261H) telah meriwayatkan hadith ini.

## Hadith 36: [Menunaikan Hajat Para Muslimin dan Kelebihan Menuntut Ilmu]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ:

عَنْ رَسُولِ اللهِ ﷺ، قَالَ: (( مَنْ نَفَّسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرَبِ الدُّنْيَا، نَفَّسَ اللهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرَبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ، يَسَّرَ اللهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا، سَتَرَهُ اللهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَاللهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ، مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ، وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا، سَهَّلَ اللهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَا جَلَسَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللهِ، يَتْلُونَ كِتَابَ اللهِ، وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ، إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمِ السَّكِينَةُ، وَغَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ، وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ، وَذَكَرَهُمُ اللهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ، وَمَنْ بَطَّأَ بِهِ عَمَلُهُ، لَمْ يُسْرِعْ بِهِ نَسَبُهُ ))

رَوَاهُ مُسْلِمٌ بِهَذَا اللَّفْظِ

Daripada Abū Hurayrah ﷺ (w.59H), beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Barangsiapa yang mengangkat (menghilangkan) bagi seorang mukmin itu satu kesusahan daripada kesusahan dunia, maka Allah akan mengangkat baginya satu kesusahan daripada kesusahan pada hari Kiamat.
>
> Dan barangsiapa yang memudahkan seorang penghutang yang berada dalam kesusahan, Allah akan memudahkan baginya (urusannya) di dunia dan akhirat.
>
> Dan barangsiapa yang menutup (keaiban) seorang Muslim, Allah akan menutup keaibannya di dunia dan akhirat.

Dan Allah itu sentiasa memberi pertolongan kepada seorang hamba, selagi mana hamba tersebut menolong saudaranya.

Dan barangsiapa yang melalui satu jalan bagi dia mencari ilmu padanya, maka Allah akan memudahkan baginya dengannya jalan ke syurga.

Dan tidaklah duduk suatu kaum (sekumpulan manusia) itu di dalam salah satu rumah daripada rumah-rumah Allah (masjid), sambil membaca kitab Allah (al-Quran), dan saling bertadarus sesama mereka, melainkan *sakīnah* (ketenangan bersama keteguhan iman) akan turun ke atas mereka, rahmat akan meliputi mereka, para malaikat akan mengelilingi mereka, dan Allah akan menyebut mereka kepada sesiapa yang ada di sisi-Nya.

Dan barangsiapa yang dilambatkan oleh amalannya, nasab keturunannya tidak akan mempercepatkannya."

Muslim (w.261H) telah meriwayatkannya dengan lafaz ini.

## Hadith 37: [Kemuliaan dan Keindahan Layanan Allah ﷻ kepada Para Hamba-Nya]

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنهما:

عَنْ رَسُولِ اللهِ ﷺ فِيمَا يَرْوِي عَنْ رَبِّهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى قَالَ: (( إِنَّ اللهَ كَتَبَ الْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ ثُمَّ بَيَّنَ ذَلِكَ، فَمَنْ هَمَّ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً، وَإِنْ هَمَّ بِهَا فَعَمِلَهَا كَتَبَهَا اللهُ ﷻ عِنْدَهُ عَشْرَ حَسَنَاتٍ إِلَى سَبْعِمِائَةِ ضِعْفٍ إِلَى أَضْعَافٍ كَثِيرَةٍ، وَإِنْ هَمَّ بِسَيِّئَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً، وَإِنْ هَمَّ بِهَا فَعَمِلَهَا كَتَبَهَا اللهُ سَيِّئَةً وَاحِدَةً )).

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ فِي صَحِيحَيْهِمَا بِهَذِهِ الْحُرُوفِ

Daripada (ʿAbdullāh) Ibnu ʿAbbās رضي الله عنهما (w.68H), beliau meriwayatkan daripada Rasulullah ﷺ pada apa yang Baginda ﷺ riwayatkan daripada Tuhannya (Allah) – Yang Maha Berkat lagi Maha Tinggi [Kemuliaan dan Keagungan-Nya], Dia [ﷻ] berfirman (di dalam hadith *qudsī*):

> "Sesungguhnya Allah telah menulis kebaikan dan kejahatan, kemudian Dia menerangkan hal tersebut. Maka barangsiapa yang mahu melakukan satu kebaikan, lalu dia tidak melakukannya, Allah akan catatkan baginya di sisi-Nya satu kebaikan yang sempurna.
>
> Dan sekiranya dia mahu melakukannya, lalu dia pun melakukannya, maka Allah akan mencatat baginya di sisi-Nya sepuluh kebaikan sehingga tujuh ratus kali ganda, sehingga gandaan yang begitu banyak.

Dan sekiranya dia mahu melakukan satu kejahatan, lalu dia tidak melakukannya, maka Allah akan mencatatkan baginya di sisi-Nya satu kebaikan yang sempurna.

Dan sekiranya dia mahu melakukannya, lalu dia pun melakukannya, maka Allah akan mencatat baginya satu kejahatan (sahaja).”

Al-Bukhari (w.256H) dan Muslim (w.261H) meriwayatkannya.

فَانْظُرْ يَا أَخِي وَفَّقَنَا اللهُ وَإِيَّاكَ إِلَى عِظَمِ لُطْفِ اللهِ تَعَالَى، وَتَأَمَّلْ هٰذِهِ الْأَلْفَاظِ. وَقَوْلُهُ: (( عِنْدَهُ )) إِشَارَةٌ إِلَى الْإِعْتِنَاءِ بِهَا. وَقَوْلُهُ : (( كَامِلَةً )) لِلتَّوْكِيدِ وَشِدَّةِ الْإِعْتِنَاءِ بِهَا.

Maka, perhatikanlah wahai saudaraku – semoga Allah memberi *tawfiq* kepada kami dan kamu – kepada keagungan layanan lembut Allah ﷻ [terhadap para hamba-Nya], dan amatilah lafaz-lafaz ini.

Sabdaan Baginda ﷺ dengan lafaz ((di sisi-Nya)): ia merupakan isyarat kepada perhatian [Allah] terhadapnya (keinginan seorang hamba mahu melakukan kebaikan).

Dan sabdaan Baginda ﷺ dengan lafaz ((sempurna)): ia bagi memperkuatkannya (pahala yang sempurna) dan memperkuatkan perhatian [Allah] terhadapnya.

وَقَالَ فِي السَّيِّئَةِ الَّتِي هَمَّ بِهَا ثُمَّ تَرَكَهَا : (( كَتَبَهَا اللهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً )) فَأَكَّدَهَا بِـ(( كَامِلَةً ))، وَإِنْ عَمِلَهَا: (( كَتَبَهَا اللهُ سَيِّئَةً وَاحِدَةً ))، فَأَكَّدَ تَقْلِيلَهَا بِـ(( وَاحِدَةً )) وَلَمْ يُؤَكِّدْهَا بِـ(( كَامِلَةً )).

Dan Baginda ﷺ bersabda berkenaan kejahatan yang ingin dilakukan oleh orang tersebut kemudian dia meninggalkannya: ((maka Allah akan mencatatkan baginya di sisi-Nya satu kebaikan yang sempurna)), maka Baginda ﷺ memperkuatkannya dengan lafaz ((sempurna)).

Dan sekiranya dia melakukannya (kejahatan tersebut), maka Allah akan mencatat baginya hanya satu kejahatan sahaja. Maka Baginda ﷺ memperkuatkan hal sedikit tersebut dengan lafaz ((satu sahaja)), dan Baginda ﷺ tidak menguatkannya dengan lafaz ((sempurna)).

فَلِلَّهِ الْحَمْدُ وَالْمِنَّةُ، سُبْحَانَهُ لَا نُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْهِ، وَبِاللهِ التَّوْفِيقُ.

Maka hanya bagi Allah jualah segala pujian dan anugerah, Maha Suci Dia, sesungguhnya kita tidak akan mampu menghitung puji-pujian buat-Nya. Dan hanya dengan Allah jualah *tawfiq* (kekuatan untuk melakukan ketaatan).

## Hadith 38: [Kemuliaan Para Wali Allah ﷻ dan Perjalanan Mereka]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ قَالَ:

قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: (( إِنَّ اللهَ تَعَالَى قَالَ: مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا، فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ، وَلَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ، فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ، كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ، وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ، وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا، وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا، وَلَئِنْ سَأَلَنِي لَأُعْطِيَنَّهُ، وَلَئِنِ اسْتَعَاذَنِي (/ اسْتَعَاذَ بِي) لَأُعِيذَنَّهُ ))

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ

Daripada Abū Hurayrah ﷺ (w.59H), beliau berkata: Rasulullah ﷺ telah bersabda:

> "Sesungguhnya Allah ﷻ telah berfirman (di dalam hadith *qudsī*):
>
> Barangsiapa yang memusuhi seorang wali bagi-Ku, maka sesungguhnya Aku telah mengisytiharkan perang dengannya.
>
> Dan tidaklah seorang hamba-Ku itu mendekati-Ku dengan sesuatu [amalan] yang lebih Aku cintai daripada apa yang telah Aku fardukan ke atasnya.
>
> Dan seorang hamba-Ku itu sentiasa mendekati-Ku dengan amalan-amalan tambahan (sunat) sehinggalah Aku menyintai-Nya.
>
> Maka apabila Aku menyintainya, Aku adalah pendengaran yang dia mendengar dengannya, dan penglihatan yang dia melihat

dengannya, dan tangannya yang dia memukul dengannya, dan kakinya yang dia berjalan dengannya[4].

Dan sekiranya dia meminta daripada-Ku sesuatu, pasti Aku akan memberinya, dan sekiranya dia memohon perlindungan daripada-Ku (/dengan-Ku), pasti Aku akan melindunginya.”

Al-Bukhari (w.256H) telah meriwayatkannya.

---

[4] Maksudnya: Pendengarannya, penglihatannya dan perbuatannya kesemuanya adalah pada perkara yang diizinkan oleh Shariat.

## Hadith 39: [Kemaafan bagi Umat Rasulullah ﷺ pada Tiga Perkara]

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنهما:

أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ قَالَ: (( إِنَّ اللهَ تَجَاوَزَ لِي عَنْ أُمَّتِي الْخَطَأَ، وَالنِّسْيَانَ، وَمَا اسْتُكْرِهُوا عَلَيْهِ ))

حَدِيثٌ حَسَنٌ، رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهْ وَالْبَيْهَقِيُّ وَغَيْرُهُمَا

Daripada ʿAbdullāh bin ʿAbbās رضي الله عنهما (w.68), beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Sesungguhnya Allah سبحانه وتعالى telah memberi kemaafan bagiku/keranaku terhadap umatku bagi sesuatu perkara yang dilakukan oleh mereka lantaran tersalah/tersilap dan terlupa, dan apa yang dipaksakan ke atas mereka [untuk melakukannya]."

Hadith ini *ḥasan*. Ibnu Majah (w.273H), al-Bayhaqi (w.458H) dan selain daripada mereka berdua telah meriwayatkannya.

## Hadith 40: [Memanfaatkan Masa Hidup Yang Sementara di Dunia Ini]

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رضي الله عنهما قَالَ:

أَخَذَ رَسُولُ اللهِ ﷺ بِمَنْكِبِي، فَقَالَ: ((كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ، أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ))

وَكَانَ ابنُ عمَرَ رضي الله عنهما يَقُولُ: إِذَا أَمْسَيْتَ، فَلَا تَنْتَظِرِ الصَّبَاحَ، وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الْمَسَاءَ، وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِمَرَضِكَ، وَمِنْ حَيَاتِكَ لِمَوْتِكَ.

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ

Daripada [ʿAbdullāh] Ibnu ʿUmar رضي الله عنهما (w.73H), beliau berkata:

> "Rasulullah ﷺ telah memegang bahuku dan bersabda:
>
> Jadilah kamu di dunia ini seperti orang asing (bukan orang tempatan) atau seorang musafir.
>
> Dan (ʿAbdullāh) Ibnu ʿUmar رضي الله عنهما juga berkata:
>
> Apabila engkau memasuki waktu petang, maka janganlah engkau menunggu waktu pagi. Dan apabila engkau memasuki waktu pagi, maka janganlah engkau menunggu waktu petang.
>
> Dan ambillah peluang di waktu sihatmu sebelum waktu sakitmu, dan [ambillah peluang] di waktu hidupmu sebelum kematianmu."

Al-Bukhari (w.256H) telah meriwayatkan hadith ini.

## Hadith 41: [Menudukkan Kehendak Diri Mengikut Sunnah dan Petunjuk Nabi ﷺ]

عَنْ عبدِ اللهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ رضي الله عنهما، قَالَ:

قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: (( لَا يُؤْمِنُ أَحدُكُمْ حَتَّى يَكُونَ هَوَاهُ تَبَعًا لِـمَا جِئتُ بِهِ ))

قَالَ الشَّيْخُ رَحِمَهُ اللهُ: حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ،

رَوَيْنَاهُ فِي كِتَابِ الْحُـجَّةِ بِإِسْنَادٍ صَحِيحٍ

Daripada ʿAbdullāh bin ʿAmr bin al-ʿĀṣ رضي الله عنهما (w.63/65H), beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Tidak beriman salah seorang daripada kamu (dengan iman yang sempurna) sehinggalah keinginannya/ kehendak dirinya mengikuti apa yang telah datang bersamaku."

Shaykh [Al-Tirmidhi (w.279H)] - semoga Allah merahmati beliau - berkata: Hadith ini *ḥasan* lagi *ṣaḥīḥ*. Kami juga telah meriwayatkannya di dalam kitab al-Ḥujjah [ʿalā Tārik al-Maḥajjah oleh Naṣr bin Ibrāhīm bin Naṣr al-Maqdisī al-Shāfiʿī (w.490H)] dengan *isnād* yang *ṣaḥīḥ*.

## Hadith 42: [Keampunan Allah ﷻ Yang Sangat Luas]

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ﷺ، قَالَ:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ: (( قَالَ اللهُ تَعَالَى: يَا ابْنَ آدَمَ، إِنَّكَ مَا دَعَوْتَنِي وَرَجَوْتَنِي غَفَرْتُ لَكَ عَلَى مَا كَانَ مِنْكَ وَلَا أُبَالِي، يَا ابْنَ آدمَ لَوْ بَلَغَتْ ذُنُوبُكَ عَنَانَ السَّمَاءِ، ثُمَّ اسْتَغْفَرْتَنِي، غَفَرْتُ لَكَ، يَا ابْنَ آدَمَ إِنَّكَ لَوْ أَتَيْتَنِي بِقُرَابِ (/ بِقِرَابِ) الْأَرْضِ خَطَايَا، ثُمَّ لَقِيتَنِي لَا تُشْرِكُ بِي شَيْئًا، لَأَتَيْتُكَ بِقُرَابِهَا (/ بِقِرَابِهَا) مَغْفِرَةً))

رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَقَالَ: حَدِيثٌ حَسَنٌ

Daripada Anas bin Mālik ﷺ (w.93H), beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

"Allah ﷻ berfirman (di dalam hadith *qudsī*):

Wahai anak Adam! Sesungguhnya tidaklah engkau berdoa kepada-Ku dan berharap kepada-Ku melainkan Aku akan mengampunkan engkau di atas apa sahaja yang telah engkau lakukan, dan Aku tidak peduli.

Wahai anak Adam! Sekiranya dosa-dosamu sampai ke puncak langit, kemudian engkau memohon keampunan daripada-Ku, pasti Aku akan mengampunkan engkau.

Wahai anak Adam! Sekiranya engkau datang kepada-Ku dengan kesalahan sepenuh bumi ini, kemudian engkau berjumpa dengan-Ku dalam keadaan engkau tidak menyekutukan-Ku dengan sesuatu apa pun, pasti Aku akan mengurniakanmu dengan keampunan yang sepenuhnya."

Al-Tirmidhi (w.279H) telah meriwayatkan hadith ini dan beliau berkata: Hadith ini *ḥasan*.

# [PENUTUP]

## خَاتِـمَةُ الْكِتَابِ

فَهٰذَا آخِرُ مَا قَصَدْتُهُ مِنْ بَيَانِ الْأَحَادِيثِ الَّتِي جَمَعَتْ قَوَاعِدَ الْإِسْلَامِ، وَتَضَمَّنَتْ مَا لَا يُحْصَى مِنْ أَنْوَاعِ الْعُلُومِ فِي الْأُصُولِ وَالْفُرُوعِ وَالْآدَابِ وَسَائِرِ وُجُوهِ الْأَحْكَامِ.

Dan ini adalah perkara terakhir yang saya maksudkan daripada tujuan saya dalam menerangkan hadith-hadith yang menghimpunkan prinsip-prinsip Islam serta mengandungi pelbagai jenis ilmu yang tidak terkira berkaitan asas-asas, cabang-cabang, adab-adab dan seluruh aspek bagi hukum-hukum [Shariat] ini.

وَهٰأَنَا أَذْكُرُ بَابًا مُخْتَصَرًا جِدًّا فِي ضَبْطِ (خَفِيِّ) أَلْفَاظِهَا مُرَتَّبَةً لِئَلَّا يُغْلَطَ فِي شَيْءٍ مِنْهَا، وَلِيَسْتَغْنِيَ بِهَا حَافِظُهَا عَنْ مُرَاجَعَةِ غَيْرِهِ فِي ضَبْطِهَا، ثُمَّ أَشْرَعُ فِي شَرْحِهَا إِنْ شَاءَ اللهُ تَعَالَى فِي كِتَابٍ مُسْتَقِلٍّ،

Dan di sini saya mengemukakan satu bab yang sangat ringkas berkenaan *ḍabṭ* (baris/sebutan) lafaz-lafaznya (yang tersembunyi) secara tersusun agar tidak berlaku kesalahan pada sesuatu daripadanya. Dan dengan ini, orang yang menghafalnya tidak perlu merujuk kepada selain daripadanya untuk memastikan

baris dan sebutannya. Kemudian, saya akan memulakan syarahannya – sekiranya dikehendaki Allah ﷻ – dalam sebuah kitab yang tersendiri[5],

Dan saya mengharapkan kurniaan Allah ﷻ agar memberi saya *tawfiq* padanya untuk menerangkan perkara-perkara penting daripada makna-maknanya yang halus, dan beberapa jumlah daripada faedah-faedah dan pengetahuan yang mana seseorang Muslim tidak boleh untuk tidak mengetahui seumpamanya,

وَأَرْجُو مِنْ فَضْلِ اللهِ تَعَالَى أَنْ يُوَفِّقَنِي فِيهِ لِبَيَانِ مُهِمَّاتٍ مِنَ اللَّطَائِفِ، وَجُمَلٍ مِنَ الْفَوَائِدِ وَالْـمَعَارِفِ، لَا يَسْتَغْنِي مُسْلِمٌ عَنْ مَعْرِفَةِ مِثْلِهَا،

Dan akan zahir bagi orang yang menelaahnya tentang kebesaran hadith-hadith ini, keagungan fadilat-fadilatnya, dan apa yang terkandung di dalamnya daripada perkara-perkara yang bernilai tinggi yang telah saya

وَيَظْهَرُ لِمُطَالِعِهَا جَزَالَةُ هٰذِهِ الْأَحَادِيثِ وَعِظَمُ فَضْلِهَا، وَمَا اشْتَمَلَتْ عَلَيْهِ مِنَ النَّفَائِسِ الَّتِي ذَكَرْتُهَا، وَالْـمُهِمَّاتِ الَّتِي وَصَفْتُهَا، وَيَعْلَمُ بِهَا الْحِكْمَةَ فِي اخْتِيَارِ هٰذِهِ الْأَحَادِيثِ الْأَرْبَعِينَ، وَأَنَّهَا حَقِيقَةٌ

[5] Namun, Imam Nawawi telah wafat sebelum beliau sempat menyempurnakan niat beliau ini.

بِذٰلِكَ عِنْدَ النَّاظِرِينَ.

sebutkan, dan perkara-perkara penting yang telah saya deskripsikan/sifatkan. Dan dengan itu dia mengetahui hikmah di sebalik pemilihan hadith-hadith ini, dan ini adalah merupakan satu hakikat bagi orang-orang menelitinya.

وَإِنَّمَا أَفْرَدْتُهَا عَنْ هٰذَا الْجُزْءِ لِيَسْهُلَ حِفْظُ ذَا الْـجُزْءِ بِانْفِرَادِهِ، ثُمَّ مَنْ أَرَادَ ضَمَّ الشَّرْحِ إِلَيْهِ فَلْيَفْعَلْ، وَلِلهِ عَلَيْهِ الْمِنَّةُ بِذٰلِكَ؛ إِذْ يَقِفُ عَلَى نَفَائِسِ اللَّطَائِفِ الْمُسْتَنْبَطَةِ مِنْ كَلَامِ مَنْ قَالَ اللهُ فِي حَقِّهِ : (( وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْـهَوَى * إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى * )) (سورة النجم/ 3-4)

Dan saya menjadikan bahagian ini secara tersendiri agar mudah untuk ia dihafal dengan juzu'nya sendiri. Kemudian barangsiapa yang mahu menghimpunkan syarahan kepadanya (hadith-hadith ini), maka lakukanlah; dan dari Allah baginya kurniaan dengan sebab (usahanya) itu. Lantaran itu juga, dia akan mendapati nilai-nilai tinggi lagi halus yang dapat di*istinbāṭ*kan (dikeluarkan) daripada kata-kata (Rasulullah ﷺ) yang mana Allah ﷻ telah berfirman berkenaan diri Baginda ﷺ: ((Dan Baginda [ﷺ] tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada

Al-Qur’an atau hadith) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.)) Surah al-Najm (53): 3-4.

وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ وَالْمِنَّةُ، أَوَّلًا وَآخِرًا، وَبَاطِنًا وَظَاهِرًا عَلَى نِعَمِهِ.

Dan segala pujian dan kurniaan hanyalah bagi Allah, awal dan akhirnya, batin dan zahirnya, di atas nikmat-nikmat-Nya.

اِنْتَهَى كَلَامُ النَّوَوِيِّ رَحِمَهُ اللهُ.

Di sini, berakhirnya kata-kata [Imam] Nawawi – semoga Allah merahmati beliau.

# “BĀB AL-ISHĀRĀT ILĀ ḌABṬ AL-ALFĀẒ AL-MUSHKILĀT”

## بَابُ

## ٱلْإِشَارَاتُ إِلَى ضَبْطِ الْأَلْفَاظِ الْـمُشْكِلَاتِ

هَذَا الْبَابُ وَإِنْ تَرْجَمْتُهُ بِالْـمُشْكِلَاتِ فَقَدْ أُنَبِّهُ فِيهِ عَلَى أَلْفَاظٍ مِنَ الْوَاضِحَاتِ.

### ﴿ فِي الْخُـطْبَةِ ﴾

(( نَضَّرَ اللهُ امْرَأً )) رُوِيَ بِتَشْدِيدِ الضَّادِ وَتَخْفِيفِهَا، وَالتَّشْدِيدُ أَكْثَرُ؛ وَمَعْنَاهُ: حَسَّنَهُ وَجَمَّلَهُ.

### ﴿ اَلْحَـدِيثُ الْأَوَّلُ ﴾

(أَمِيرُ الْمُؤمِنِينَ) عُمَرُ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، هُوَ أَوَّلُ مَنْ سُمِّيَ أَمِيرَ الْـمُؤْمِنِينَ. قَوْلُهُ ﷺ: ((إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ)) الْـمُرَادُ: لَا تُحْسَبُ الْأَعْمَالُ الشَّرْعِيَّةُ إِلَّا بِالنِّيَّةِ. قَوْلُهُ ﷺ: ((فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللهِ وَرَسُولِهِ)) مَعْنَاهُ: مَقْبُولَةٌ.

### ﴿ اَلْحَـدِيثُ الثَّانِي ﴾

((لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثَرُ السَّفَرِ)) هُوَ بِضَمِّ الْيَاءِ مِنْ (يُرَى). قَوْلُهُ: (( تُؤمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ، وَشَرِّهِ )) مَعْنَاهُ: تَعْتَقِدُ أَنَّ اللهَ تَعَالَى قَدَّرَ الْخَيْرَ وَالشَّرَّ قَبْلَ خَلْقِ الْخَلْقِ، وَأَنَّ جَمِيعَ الْكَائِنَاتِ قَائِمَةٌ بِقَضَاءِ اللهِ تَعَالَى وَقَدَرِهِ وَهُوَ مُرِيدٌ لَهَا. قَوْلُهُ: (( فَأَخْبِرْنِي عَنْ أَمَارَتِهَا )) هُوَ بِفَتْحِ الْهَمْزَةِ؛ أَيْ: عَلَامَتُهَا، وَيُقَالُ: (أَمَار) بِلَا هَاءٍ لُغَتَانِ، لَكِنِ

الرِّوَايَةُ بِالْهَاءِ. قَوْلُهُ: (( تَلِدَ الْأَمَةُ رَبَّتَهَا )) أَيْ: سَيِّدَتَهَا؛ وَمَعْنَاهُ: أَنْ تَكْثُرَ السَّرَارِيُّ حَتَى تَلِدَ الْأَمَةُ السُّرِّيَّةُ بِنْتًا لِسَيِّدِهَا، وَبِنْتُ السَّيِّدِ فِي مَعْنَى السَّيِّدِ، وَقِيلَ: يَكْثُرُ بَيْعُ السَّرَارِيِّ، حَتَى تَشْتَرِيَ الْمَرْأَةُ أُمَّهَا وَتَسْتَعْبِدُهَا جَاهِلَةً بِأَنَّهَا أُمُّهَا، وَقِيلَ غَيرُ ذَلِكَ، وَقَدْ أَوْضَحْتُهُ فِي (( شَرْحِ صَحِيحِ مُسْلِمٍ )) بِدَلَائِلِهِ وَجَمِيعِ طُرُقِهِ. قَوْلُهُ: (( الْعَالَةَ )) أَيْ: الْفُقَرَاءُ؛ وَمَعْنَاهُ: أَنَّ أَسَافِلَ النَّاسِ يَصِيرُونَ أَهْلَ ثَرْوَةٍ ظَاهِرَةٍ. قَوْلُهُ: (( لَبِثْتُ مَلِيًّا )) هُوَ بِتَشْدِيدِ الْيَاءِ؛ أَيْ: زَمَانًا كَثِيرًا، وَكَانَ ذَلِكَ ثَلَاثًا، هَكَذَا جَاءَ مُبَيَّنًا فِي رِوَايَةِ أَبِي دَاوُدَ، وَالتِّرْمِذِيِّ وَغَيْرِهِمَا.

## ﴿ اَلْحَدِيثُ الْخَامِسُ ﴾

(( مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا. . . فهُو رَدٌّ )) أَيْ: مَرْدُودٌ، كَالْخَلْقِ بِمَعْنَى الْمَخْلُوقِ.

## ﴿ اَلْحَدِيثُ السَّادِسُ ﴾

(( فَقَدِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ )) أَيْ: صَانَ دِينَهُ، وَحَمَى عِرْضَهُ مِنْ وُقُوعِ النَّاسِ فِيهِ. قَوْلُهُ: (( يُوشِكُ )) هُوَ بِضَمِّ الْيَاءِ وَكَسْرِ الشِّينِ؛ أَيْ: يُسْرِعُ وَيَقْرُبُ. قَوْلُهُ: (( حِمَى اللهِ مَحَارِمُهُ )) مَعْنَاهُ: الَّذِي حَمَاهُ اللهُ تَعَالَى وَمَنَعَ دُخُولَهُ هُوَ الْأَشْيَاءُ الَّتِي حَرَّمَهَا.

## ﴿ اَلْحَدِيثُ السَّابِعُ ﴾

قَوْلُهُ: (عَنْ أَبِي رُقَيَّةَ): هُوَ بِضَمِّ الرَّاءِ وَفَتْحِ الْقَافِ وَتَشْدِيدِ الْيَاءِ. قَوْلُهُ: (الدَّارِيِّ) مَنْسُوبٌ إِلَى جَدٍّ لَهُ اسْمُهُ الدَّارُ، وَقِيلَ: إِلَى مَوْضِعٍ يُقَالُ لَهُ: دَارِينِ، وَيُقَالُ فِيهِ أَيْضًا: الدَّيْرِيُّ نِسْبَةً إِلَى دَيْرٍ كَانَ يَتَعَبَّدُ فِيهِ، وَقَدْ بَسَطْتُ الْقَوْلَ فِي إِيضَاحِهِ فِي أَوَائِلِ ((شَرْحِ صَحِيحِ مُسْلِمٍ)).

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ التَّاسِعُ ﴾

قَوْلُهُ: (( وَاخْتِلَافُهُمْ )) هُوَ بِرَفْعِ الْفَاءِ لَا بِكَسْرِهَا.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ الْعَاشِرُ ﴾

قَوْلُهُ: (( غُذِيَ بِالْحَـرَامِ )) هُوَ بِضَمِّ الْغَيْنِ وَكَسْرِ الذَّالِ الْمُـعْجَمَةِ الْمُـخَفَّفَةِ.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ الْحَادِي عَشَرَ ﴾

(( دَعْ مَا يَرِيبُكَ )) بِفَتْحِ الْيَاءِ وَضَمِّهَا لُغَتَانِ، وَالْفَتْحُ أَفْصَحُ وَأَشْهَرُ؛ مَعْنَاهُ: اُتْرُكْ مَا شَكَكْتَ فِيهِ وَاعْدِلْ إِلَى مَا لَا تَشُكُّ فِيهِ.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ الثَّانِي عَشَرَ ﴾

قَوْلُهُ: (( يَعْنِيهِ )) بِفَتْحِ أَوَّلِهِ.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ الرَّابِعُ عَشَرَ ﴾

قَوْلُهُ: (( الثَّيِّبُ الزَّانِي )) مَعْنَاهُ: الْمُـحْصَنُ إِذَا زَنَى، وَلِلْإِحْصَانِ شُرُوطٌ مَعْرُوفَةٌ فِي كُتُبِ الْفِقْهِ.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ الْخَامِسُ عَشَرَ ﴾

قَوْلُهُ: (( لِيَصمُتْ )) بِضَمِّ الْمِـيمِ.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ السَّابِعُ عَشَرَ ﴾

(( الْقِتْلَةَ )) وَ(( الذِّبْحَةَ )) بِكَسْرِ أَوَّلِـهِمَا. قَوْلُهُ: (( وَلْيُحِدَّ )) هُوَ بِضَمِّ الْيَاءِ وَكَسْرِ الْحَاءِ وَتَشْدِيدِ الدَّالِ، يُقَالُ: أَحَدَّ السِّكِّينَ، وَحَدَّدَهَا، وَاسْتَحَدَّهَا بِمَعْنًى.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ الثَّامِنُ عَشَرَ ﴾

(جُنْدُبِ) بِضَمِّ الْجِيمِ، وَبِضَمِّ الدَّالِ وَفَتْحِهَا. وَ(جُنَادَةَ) بِضَمِّ الْجِيمِ.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ التَّاسِعُ عَشَرَ ﴾

(( تُجَاهَكَ )) بِضَمِّ التَّاءِ وَفَتْحِ الْهَاءِ؛ أَيْ: أَمَامَكَ كَمَا فِي الرِّوَايَةِ الْأُخْرَى. ((تَعَرَّفْ إِلَى اللهِ فِي الرَّخَاءِ)) أَيْ: تَحَبَّبْ إِلَيْهِ بِلُزُومِ طَاعَتِهِ، وَاجْتِنَابِ مُخَالَفَتِهِ.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ الْعِشْرُونَ ﴾

(( إِذَا لَمْ تَسْتَحْيِ، فَاصْنَعْ مَا شِئْتَ )) مَعْنَاهُ: إِذَا أَرَدْتَ فِعْلَ شَيْءٍ: فَإِنْ كَانَ مِمَّا لَا تَسْتَحْيِي مِنَ اللهِ وَمِنَ النَّاسِ فِي فِعْلِهِ فَافْعَلْهُ، وَإِلَّا فَلَا، وَعَلَى هَذَا مَدَارُ الْإِسْلَامِ.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ الْحَادِي وَالْعِشْرُونَ ﴾

(( قُلْ آمَنْتُ بِاللهِ ثُمَّ اسْتَقِمْ )) أَيْ: اسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ، مُمْتَثِلًا أَمْرَ اللهِ تَعَالَى، مُجْتَنِبًا نَهْيَهُ.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ الثَّالِثُ وَالْعِشْرُونَ ﴾

قَوْلُهُ ﷺ: (( الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ )) الْمُرَادُ بِالطُّهُورِ: الْوُضُوءُ، قِيلَ: مَعْنَاهُ: يَنْتَهِي تَضْعِيفُ ثَوَابِهِ إِلَى نِصْفِ أَجْرِ الْإِيمَانِ، وَقِيلَ: الْإِيمَانُ يَجُبُّ مَا قَبْلَهُ مِنَ الْخَطَايَا، وَكَذَا الْوُضُوءُ، لَكِنِ الْوُضُوءُ تَتَوَقَّفُ صِحَّتُهُ عَلَى الْإِيمَانِ، فَصَارَ نِصْفًا، وَقِيلَ: الْمُرَادُ بِالْإِيمَانِ: الصَّلَاةُ، وَالطُّهُورُ شَرْطٌ لِصِحَّتِهَا، فَصَارَ كَالشَّطْرِ، وَقِيلَ غَيْرُ ذَلِكَ. قَوْلُهُ ﷺ: (( وَالْحَمْدُ للهِ تَمْلَأُ الْمِيزَانَ )) أَيْ: ثَوَابُهَا. (( وَسُبْحَانَ اللهِ وَالْحَمْدُ للهِ تَمْلَآنِ )) أَيْ: لَوْ قُدِّرَ ثَوَابُهُمَا جِسْمًا لَمَلَأَا، وَسَبَبُهُ مَا اشْتَمَلَتَا عَلَيْهِ مِنَ

التَّنْزِيهِ وَالتَّفْوِيضِ إِلَى اللهِ تَعَالَى.(( وَالصَّلَاةُ نُورٌ )) أَيْ: تَمْنَعُ مِنَ الْمَعَاصِي، وَتَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ، وَتَهْدِي إِلَى الصَّوَابِ، وَقِيلَ: يَكُونُ ثَوَابُهَا نُورًا لِصَاحِبِهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَقِيلَ: إِنَّهَا سَبَبٌ لِاسْتِنَارَةِ الْقَلْبِ. (( وَالصَّدَقَةُ بُرْهَانٌ )) أَيْ: حُجَّةٌ لِصَاحِبِهَا فِي أَدَاءِ حَقِّ الْمَالِ، وَقِيلَ: حُجَّةٌ فِي إِيمَانِ صَاحِبِهَا؛ لِأَنَّ الْمُنَافِقَ لَا يَفْعَلُهَا غَالِبًا. (( والصَّبْرُ ضِيَاءٌ )) أَيْ: الصَّبْرُ الْمَحْبُوبُ، وَهُوَ الصَّبْرُ عَلَى طَاعَةِ اللهِ تَعَالَى، وَالْبَلَاءِ، وَمَكَارِهِ الدُّنْيَا، وَعَنِ الْمَعَاصِي؛ وَمَعْنَاهُ: لَا يَزَالُ صَاحِبُهُ مَسْتَضِيئًا مُسْتَمِرًّا عَلَى الصَّوَابِ. (( كُلُّ النَّاسِ يَغْدُو، فَبَائِعٌ نَفْسَهُ )) مَعْنَاهُ: كُلُّ إِنْسَانٍ يَسْعَى بِنَفْسِهِ، فَمِنْهُمْ مَنْ يَبِيعُهَا للهِ تَعَالَى بِطَاعَتِهِ فَيُعْتِقُهَا مِنَ الْعَذَابِ، وَمِنْهُمْ مَنْ يَبِيعُهَا لِلشَّيْطَانِ وَالْهَوَى بِاتِّبَاعِهِمَا. (( فَمُوبِقُهَا )) أَيْ: مُهْلِكُهَا، وَقَدْ بَسَطْتُ شَرْحَ هَذَا الْحَدِيثِ فِي أَوَّلِ شَرْحِ صَحِيحِ مُسْلِمٍ، فَمَنْ أَرَادَ زِيَادَةً فَلْيُرَاجِعْهُ، وَبِاللهِ التَّوْفِيقُ.

## ﴿ اَلْحَدِيثُ الرَّابِعُ وَالْعِشْرُونَ ﴾

قَوْلُهُ تَعَالَى: (( حَرَّمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي )) أَيْ: تَقَدَّسْتُ عَنْهُ، فَالظُّلْمُ مُسْتَحِيلٌ فِي حَقِّ اللهِ تَعَالَى؛ لِأَنَّهُ مُجَاوَزَةُ الْحَدِّ أَوْ التَّصَرُّفُ فِي غَيْرِ مِلْكٍ، وَهُمَا جَمِيعًا مُحَالٌ فِي حَقِّ اللهِ تَعَالَى. قَوْلُهُ تَعَالَى: (( فَلَا تَظَالَمُوا )) هُوَ بِفَتْحِ التَّاءِ؛ أَيْ: لَا تَتَظَالَمُوا. قَوْلُهُ تَعَالَى: (( كَمَا يَنْقُصُ الْمِخْيَطُ )) هُوَ بِكَسْرِ الْمِيمِ وَإِسْكَانِ الْخَاءِ وَفَتْحِ الْيَاءِ؛ أَيْ: الْإِبْرَةُ، وَمَعْنَاهُ: لَا يَنْقُصُ شَيْئًا.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ الْخَامِسُ وَالْعِشْرُونَ ﴾

(( الدُّثُورِ )) بِضَمِّ الدَّالِ وَالثَّاءِ الْمُثَلَّثَةِ: الْأَمْوَالُ، وَاحِدُهَا دَثْرٌ، كَفَلْسٍ وَفُلُوسٍ. قَوْلُهُ: (( وَفِي بُضْعِ أَحَدِكُمْ )) هُوَ بِضَمِّ الْبَاءِ وَإِسْكَانِ الضَّادِ الْمُعْجَمَةِ، وَهُوَ كِنَايَةٌ عَنِ الْجِمَاعِ إِذَا نَوَى بِهِ الْعِبَادَةَ؛ وَهُوَ قَضَاءُ حَقِّ الزَّوْجَةِ، وَطَلَبُ وَلَدٍ صَالِحٍ، وَإِعْفَافُ النَّفْسِ وَكَفُّهَا عَنِ الْمَحَارِمِ.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ السَّادِسُ وَالْعِشْرُونَ ﴾

(( السُّلَامَى )) بِضَمِّ السِّينِ وَتَخْفِيفِ اللَّامِ وَفَتْحِ الْمِيمِ، وَجَمْعُهُ سُلَامَيَاتٌ بِفَتْحِ الْمِيمِ: وَهِيَ الْمَفَاصِلُ وَالْأَعْضَاءُ، وَهِيَ ثَلَاثُ مِئَةٍ وَسِتُّونَ، ثَبَتَ ذَلِكَ فِي (( صَحِيحِ مُسْلِمٍ )) عَنْ رَسُولِ اللهِ ﷺ.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ السَّابِعُ وَالْعِشْرُونَ ﴾

(النَّوَّاسِ) بِفَتْحِ النُّونِ وَتَشْدِيدِ الْوَاوِ. وَ(سَمْعَانَ) بِكَسْرِ السِّينِ وَفَتْحِهَا. قَوْلُهُ: (( حَاكَ )) بِالْحَاءِ الْمُهْمَلَةِ وَالْكَافِ؛ أَيْ: تَرَدَّدَ. (وَابِصَةَ) بِكَسْرِ الْبَاءِ الْمُوَحَّدَةِ.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ الثَّامِنُ وَالْعِشْرُونَ ﴾

(الْعِرْبَاضِ) بِكَسْرِ الْعَيْنِ وَبِالْمُوَحَّدَةِ. وَ(سَارِيَةَ) بِالسِّينِ الْمُهْمَلَةِ وَالْيَاءِ الْمُثَنَّاةِ مِنْ تَحْتِ. قَوْلُهُ: (( ذَرَفَتْ )) بِفَتْحِ الذَّالِ الْمُعْجَمَةِ وَالرَّاءِ؛ أَيْ: سَالَتْ. قَوْلُهُ: (( بِالنَّوَاجِذِ )) هُوَ بِالذَّالِ الْمُعْجَمَةِ؛ وَهِيَ الْأَنْيَابُ، وَقِيلَ: الْأَضْرَاسُ. وَ(( الْبِدْعَةُ )) مَا عُمِلَ عَلَى غَيْرِ مِثَالٍ سَبَقَ.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ التَّاسِعُ وَالْعِشْرُونَ ﴾

وَ(( ذُرْوَةِ السَّنَامِ)) بِكَسْرِ الذَّالِ وَضَمِّهَا؛ أَيْ: أَعْلَاهُ. (( مِلَاكُ الشَّيْءِ )) بِكَسْرِ الْمِـيمِ؛ أَيْ: مَقْصُودُهُ. قَوْلُهُ: (( يَكُبُّ )) هُوَ بِفَتْحِ الْيَاءِ وَضَمِّ الْكَافِ.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ الثَّلَاثُونَ ﴾

(الْخُشَنِيِّ) بِضَمِّ الْخَاءِ وَفَتْحِ الشِّينِ الْمُعْجَمَتَيْنِ وَبِالنُّونِ، مَنْسُوبٌ إِلَى خُشَيْنَةَ قَبِيلَةٌ مَعْرُوفَةٌ. قَوْلُهُ: (جُرْثُومٍ) بِضَمِّ الْجِيمِ وَالثَّاءِ الْمُثَلَّثَةِ وَإِسْكَانِ الرَّاءِ بَيْنَهُمَا، وَفِي اسْمِهِ وَاسْمِ أَبِيهِ اخْتِلَافٌ كَثِيرٌ.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ الثَّانِي وَالثَّلَاثُونَ ﴾

(( وَلَا ضِرَارَ )) هُوَ بِكَسْرِ الضَّادِ.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ الرَّابِعُ وَالثَّلَاثُونَ ﴾

(( فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ )) مَعْنَاهُ: فَلْيَكْرَهْهُ بِقَلْبِهِ. (( وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ )) أَيْ: أَقَلُّهُ ثَمَرَةً.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ الْخَامِسُ وَالثَّلَاثُونَ ﴾

(( وَلَا يَكْذِبُهُ )) هُوَ بِفَتْحِ الْيَاءِ وَإِسْكَانِ الْكَافِ. قَوْلُهُ: (( بِحَسْبِ امْرِئٍ مِنَ الشَّرِّ )) هُوَ بِإِسْكَانِ السِّينِ؛ أَيْ: يَكْفِيهِ مِنَ الشَّرِّ.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ الثَّامِنُ وَالثَّلَاثُونَ ﴾

(( فَقَدْ آذَنْتُهُ )) هُوَ بِهَمْزَةٍ مَمْدُودَةٍ؛ أَيْ: أَعْلَمْتُهُ بِأَنَّهُ مُحَارِبٌ لِي. قَوْلُهُ: (( اَسْتَعَاذَنِي )) ضَبَطُوهُ بِالنُّونِ وَبِالْبَاءِ وَكِلَاهُمَا صَحِيحٌ.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ الْأَرْبَعُونَ ﴾

(( كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ )) أَيْ: لَا تَرْكَنْ إِلَيْهَا، وَلَا تَتَّخِذْهَا وَطَنًا، وَلَا تُحَدِّثْ نَفْسَكَ بِطُولِ الْبَقَاءِ فِيهَا، وَلَا بِالْإِعْتِنَاءِ بِهَا، وَلَا تَتَعَلَّقْ مِنْهَا بِمَا لَا يَتَعَلَّقُ بِهِ الْغَرِيبُ فِي غَيْرِ وَطَنِهِ، وَلَا تَشْتَغِلْ فِيهَا بِمَا لَا يَشْتَغِلُ بِهِ الْغَرِيبُ الَّذِي يُرِيدُ الذِّهَابَ إِلَى أَهْلِهِ.

## ﴿ اَلْحَـدِيثُ الثَّانِي وَالْأَرْبَعُونَ ﴾

(( عَنَانَ السَّمَاءِ)) بِفَتْحِ الْعَيْنِ؛ قِيلَ: هُوَ السَّحَابُ، وَقِيلَ: مَا عَنَّ لَكَ مِنْهَا؛ أَيْ: مَا ظَهَرَ إِذَا رَفَعْتَ رَأْسَكَ. قَوْلُهُ: (( بِقُرَابِ الأَرْضِ )) بِضَمِّ الْقَافِ وَكَسْرِهَا لُغَتَانِ رُوِيَ بِهِمَا، وَالضَّمُّ أَشْهَرُ؛ وَمَعْنَاهُ: مَا يُقَارِبُ مِلْأَهَا. اهـ.

Sumber: Al-Arbaʿūn Al-Nawawiyyah. Dār al-Minhāj (2009M/ 1430H), p.121-134.

## "FASAL BERKENAAN MAKNA ḤIFẒ" DAN PENUTUP

### فَصْلٌ

### فِي مَعْنَى الحِـفْظِ فِي قَوْلِهِ : (( مَنْ حَفِظَ عَلَى أُمَّتِي أَرْبَعِينَ حَدِيثًا ))

اِعْلَمْ أَنَّ الحَـدِيثَ المَـذْكُورَ أَوَّلًا : ((مَنْ حَفِظَ عَلَى أُمَّتِي أَرْبَعِينَ حَدِيثًا )) مَعْنَى الحِفْظِ هُنَا أَنْ يَنْقُلَهَا إِلَى المُـسْلِمِينَ وَإِنْ لَمْ يَحْفَظْهَا وَلَا عَرَفَ مَعْنَاهَا. هَذَا حَقِيقَةُ مَعْنَاهُ وَبِهِ يَحْصُلُ انْتِفَاعُ المُسْلِمِينَ، لَا بِحِفْظِ مَا لَا يُنْقَلُ إِلَيْهِمْ وَاللهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ.

***

﴿ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى هَدَىٰنَا لِهَٰذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِىَ لَوْلَآ أَنْ هَدَىٰنَا ٱللَّهُ ﴾

وَصَلَاتُهُ وَسَلَامُهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،

﴿وَسَلَٰمٌ عَلَى ٱلْمُرْسَلِينَ ﴾ ﴿وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴾

قَالَ مُؤَلِّفُهُ الشَّيْخُ الْإِمَامُ الْعَالِمُ الْعَامِلُ الْحَافِظُ الضَّابِطُ الْمُتْقِنُ الْمُحَقِّقُ مُحْيِي الدِّينِ يَحْيَى النَّوَوِيُّ عَفَا اللهُ عَنْهُ: فَرَغْتُ مِنْهُ لَيْلَةَ الْخَمِيسِ، التَّاسِعِ وَالْعِشْرِينَ مِنْ جُمَادَى الْأُولَى، سَنَةَ ثَمَانٍ وَسِتِّينَ وَسِتِّ مِئَةٍ.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

Sumber: Al-Arbaʿūn Al-Nawawiyyah. Dār al-Minhāj (2009M/ 1430H), p.134-135.

# DOA AKHIR PENGAJIAN

Penulis mencadangkan agar doa ini dibaca di akhir pengajian ini dan sentiasa dibaca sebagai "wirid doa" khususnya selepas solat fardu agar diterima oleh Allah dan sentiasa tersemat di hati dan minda kita niat dan keazaman untuk mengamalkan Sunnah Rasulullah ﷺ secara zahir dan batin dengan sempurna. Doa tersebut ialah:

**اَللّٰهُمَّ ارْزُقْنَا مُتَابَعَةَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوَّلًا وَآخِرًا، ظَاهِرًا وَبَاطِنًا، قَوْلًا وَفِعْلًا وَعَمَلًا صَالِحًا، وَتَوَفَّنَا عَلَى السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ**

Ya Allah, berikanlah kami tawfiq untuk mengikut Baginda Nabi ﷺ, dari awal sehingga akhir, secara zahir dan batin, pada perkatan, perbuatan dan amal soleh Baginda ﷺ, dan wafatkanlah kami di atas Ahli Sunnah dan Jama'ah.

**اَللّٰهُمَّ أَحْيِنَا عَلَى سُنَّةِ حَبِيبِكَ الْمُصْطَفَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَحَبِّبْنَا إِلَيْهِ، وَأَمِتْنَا عَلَى مِلَّتِهِ، وَاحْشُرْنَا فِي زُمْرَتِهِ وَتَحْتَ لِوَائِهِ، وَاجْعَلْنَا مِنْ أَهْلِ شَفَاعَتِهِ، وَاسْقِنَا مِنْ حَوْضِهِ، وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَهُ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ**

Ya Allah, hidupkanlah kami di atas Sunnah kekasih-Mu yang terpilih Saidina Muhammad ﷺ, dan cintakanlah kami kepada Baginda ﷺ, dan wafatkanlah kami di atas agama Baginda ﷺ, dan bangkitkanlah kami di dalam kelompok Baginda ﷺ dan di bawah panji Baginda ﷺ, dan jadikanlah kami dari kalangan yang layak menerima shafaat Baginda ﷺ, dan berikanlah kami minum dari telaga Baginda ﷺ, serta masukkanlah kami ke dalam syurga bersama Baginda ﷺ, dengan rahmat-Mu semata-mata, Wahai Yang Maha Merahmati dari sekalian yang memiliki rahmat.

Semoga Allah memberi manfaat kepada para Muslimin amnya dan para penuntut ilmu khususnya dengan buku ini, dan menjadikannya sebagai sebab untuk penulisnya dan kedua-dua ibu bapanya diampunkan oleh-Nya dan dimasukkan dengannya di dalam para hamba-Nya dan pengikut Rasul-Nya ﷺ yang soleh dan bertaqwa.

# ḤIZB IMAM AL-NAWAWI[6]

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

بِسْمِ اللهِ ، اَللهُ أَكْبَرُ،

أَقُوْلُ عَلَى نَفْسِيْ وَعَلَى دِيْنِيْ وَعَلَى أَهْلِيْ وَعَلَى أَوْلاَدِيْ وَعَلَى مَالِيْ وَعَلَى أَصْحَابِيْ وَعَلَى أَدْيَانِهِمْ وَعَلَى أَمْوَالِهِـمْ أَلْفَ لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ،

بِسْمِ اللهِ ، اَللهُ أَكْبَرُ ، اَللهُ أَكْبَرُ،

أَقُوْلُ عَلَى نَفْسِيْ وَعَلَى دِيْنِيْ وَعَلَى أَهْلِيْ وَعَلَى أَوْلاَدِيْ وَعَلَى مَالِيْ وَعَلَى أَصْحَابِيْ وَعَلَى أَدْيَانِهِمْ وَعَلَى أَمْوَالِهِـمْ أَلْفَ أَلْفِ لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ،

بِسْمِ اللهِ ، اَللهُ أَكْبَرُ ، اَللهُ أَكْبَرُ ، اَللهُ أَكْبَرُ ،

أَقُوْلُ عَلَى نَفْسِيْ وَعَلَى دِيْنِيْ وَعَلَى أَهْلِيْ وَعَلَى أَوْلاَدِيْ وَعَلَى مَالِيْ وَعَلَى أَصْحَابِيْ وَعَلَى أَدْيَانِهِمْ وَعَلَى أَمْوَالِهِـمْ أَلْفَ أَلْفِ أَلْفِ لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ.

بِسْمِ اللهِ وَبِاللهِ، وَمِنَ اللهِ وَإِلَى اللهِ، وَعَلَى اللهِ وَفِى اللهِ، وَلاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ،

---

[6] Ḥizb al-Imam al-Nawawi adalah satu susunan zikrullah yang dinisbahkan kepada al-Imam al-Nawawi. Ḥizb beliau ini telah menerima sambutan yang baik dari kalangan para ulama' Di antara ulama' masa kini yang berpesan agar Ḥizb ini dijadikan wirid ialah al-Marhum Shahid al-Mihrab Dr. Muhammad Saʿid Ramadan al-Buti dan al-Marhum Al-Shaykh al-Muhaddith Dr. Nuruddin ʿItr.

بِسْمِ اللهِ عَلَى دِيْنِيْ وَعَلَى نَفْسِيْ ،

بِسْمِ اللهِ عَلَى مَالِي وَعَلَى أَهْلِيْ، وَعَلَى أَوْلاَدِي وَعَلَى أَصْحَابِيْ،

بِسْمِ اللهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانِيْهِ رَبِّيْ.

بِسْمِ اللهِ رَبِّ السَّمٰوَاتِ السَّبْعِ وَرَبِّ الْأَرَضِيْنَ السَّبْعِ وَرَبِّ الْعَرْشِ الْعَظِيْمِ.

[بِسْمِ اللهِ الَّذِيْ لاَ يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِى ٱلْأَرْضِ وَلاَ فِى السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ] 3 مَرَّاتٍ

بِسْمِ اللهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَاءِ فِى ٱلْأَرْضِ وَفِى السَّمَاءِ،

بِسْمِ اللهِ أَفْتَتِحُ وَبِهِ أَخْتَتِمُ،

اَللهُ، اَللهُ، اَللهُ رَبِّي، لَا أُشْرِكُ بِهِ أَحَدًا،

اَللهُ، اَللهُ، اَللهُ، لَا إِلٰهَ إِلاَّ هُوَ،

[اَللهُ أَعَزُّ وَأَجَلُّ وَأَكْبَرُ مِمَّا أَخَافُ وَأَحْذَرُ]3 كالي

اَللّٰهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِي، وَمِنْ شَرِّ غَيْرِي، وَمِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ رَبِّي، وَبِكَ اللّٰهُمَّ اَحْتَرِزُ مِنْهُمْ، وَبِكَ اللّٰهُمَّ أَدْرَأُ فِي نُحُورِهِمْ، وَبِكَ اللّٰهُمَّ أَعُوذُ مِنْ شُرُورِهِمْ، وَأَسْتَكْفِيكَ إِيَّاهُمْ وَأُقَدِّمُ بَيْنَ يَدَيَّ وَأَيْدِيهِمْ:

[ بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ . قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾ وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدٌۢ ﴿٤﴾ ] 3 كالي

وِمِثْلُ ذٰلِكَ عَنْ يَمِينِي وَعَنْ أَيْمَانِهِمْ، وَمِثْلُ ذٰلِكَ عَنْ شِمَالِي وَعَنْ شَمَائِلِهِمْ، وَمِثْلُ ذٰلِكَ مِنْ أَمَامِي وَمِنْ أَمَامِهِمْ، وَمِثْلُ ذٰلِكَ مِنْ خَلْفِي وَمِنْ خَلْفِهِمْ، وَمِثْلُ ذٰلِكَ مِنْ فَوْقِي وَمِنْ فَوْقِهِمْ، وَمِثْلُ ذٰلِكَ مِنْ تَحْتِي وَمِنْ تَحْتِهِمْ، وَمِثْلُ ذٰلِكِ مُحِيطٌ بِي وَبِهِمْ.

اَللّٰهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ لِي وَلَهُمْ مِنْ خَيْرِكَ بِخَيْرِكَ الَّذِي لاَ يَمْلِكُهُ غَيْرُكَ.

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْنِي وَإِيَّاهُمْ فِي حِفْظِكَ وَعِيَاذِكَ، وَجِوَارِكَ وَأَمَانِكَ، وَحِرْزِكَ وَحِزْبِكَ وَكَنَفِكَ، مِنْ شَرِّ كُلِّ شَيْطَانٍ وَسُلْطَانٍ، وَإِنْسٍ وَجَانٍّ، وَبَاغٍ وَحَاسِدٍ، وَسَبُعٍ وَحَيَّةٍ وَعَقْرَبٍ، وَمِنْ شَرِّ كُلِّ دَابَّةٍ أَنْتَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهَا، إِنَّ رَبِّي عَلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ.

حَسْبِيَ الرَّبُّ مِنَ الْمَرْبُوبِينَ، حَسْبِيَ الْخَالِقُ مِنَ الْمَخْلُوقِينَ، حَسْبِيَ الرَّازِقُ مِنَ الْمَرْزُوقِينَ، حَسْبِيَ السَّاتِرُ مِنَ الْمَسْتُورِينَ، حَسْبِيَ النَّاصِرُ مِنَ الْمَنْصُورِينَ، حَسْبِيَ الْقَاهِرُ مِنَ الْمَقْهُورِينَ، حَسْبِيَ الَّذِي هُوَ حَسْبِيْ، حَسْبِيْ مَنْ لَمْ يَزَلْ حَسْبِيْ، حَسْبِيَ اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ، حَسْبِيَ اللهُ مِنْ جَمِيعِ خَلْقِهِ.

إِنَّ وَلِـِّۧيَ ٱللَّهُ ٱلَّذِي نَزَّلَ ٱلۡكِتَٰبَۖ وَهُوَ يَتَوَلَّى ٱلصَّٰلِحِينَ . وَإِذَا قَرَأۡتَ ٱلۡقُرۡءَانَ جَعَلۡنَا بَيۡنَكَ وَبَيۡنَ ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡأٓخِرَةِ حِجَابٗا مَّسۡتُورٗا . وَجَعَلۡنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمۡ أَكِنَّةً أَن يَفۡقَهُوهُ وَفِيٓ ءَاذَانِهِمۡ وَقۡرٗاۚ وَإِذَا ذَكَرۡتَ رَبَّكَ فِي ٱلۡقُرۡءَانِ وَحۡدَهُۥ وَلَّوۡاْ عَلَىٰٓ أَدۡبَٰرِهِمۡ نُفُورٗا.

فَإِن تَوَلَّوۡاْ فَقُلۡ [ حَسۡبِيَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ عَلَيۡهِ تَوَكَّلۡتُۖ وَهُوَ رَبُّ ٱلۡعَرۡشِ ٱلۡعَظِيمِ ] 7 كالي

وَلاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ، وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

Kemudian, tiup ke kanan 3 kali, ke kiri 3 kali, ke depan 3 kali dan ke belakang 3 kali. Dan kemudiannya membaca:

[خَبَأْتُ نَفْسِي فِي خَزَائِنِ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ، أَقْفَالُهَا ثِقَتِي بِاللهِ، مَفَاتِيحُهَا لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ، أُدَافِعُ بِكَ اللّٰهُمَّ عَنْ نَفْسِي مَا أُطِيقُ وَمَا لاَ أُطِيقُ، لاَ طَاقَةَ لِمَخْلُوقٍ مَعَ قُدْرَةِ الْخَالِقِ، حَسْبِيَ اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ] 3 كالي

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

## SANAD DAN IJAZAH

## Sanad Arbaʿīn Nawawiyyah (1)

Melalui al-Shaykh Dr. Hishām al-Kāmil Ḥāmid Mūsā al-Shāfiʿī al-Azharī:

**قال الفقير إلى الله الغني الحميد، الدكتور عبد الله بن جليل بن عمر :**

**(1) أروي الإجازة للأربعين النووية عن (2) شيخنا الدكتور/ هشام الكامل حامد موسى الشافعي الأزهري، عن (3) الشيخ الدكتور/ رفعت فوزي عبد المطلب، عن (4) العلامة عبد الله محمد الصديق الغُمَّارِي، عن (5) الشيخ محمد دويدار الكفراوي التلاوي، عن (6) العلامة إبراهيم الباجوري، عن (7) العلامة محمد الأمير الكبير المالكي، عن (8) الأستاذ الحِفْنِي، عن (9) الشيخ محمد بن علي العلوي، عن (10) سيدي محمد بن سعد الدين، عن (11) سيدي محمد بن التُّرْجُمان، عن (12) سيدي عبد الوهاب الشعراني، عن (13) الشيخ البرهان بن أبي شريف الـمَقْدِسِي، عن (14) العلامة البدر القَبَّانِي، عن (15) سيدي محمد بن الخبَّاز، عن (16) مولانا الإمام العلامة أبي زكريا يحيى بن شرف النووي الدمشقي – رحمه الله تعالى .**

## Sanad Arbaʿīn Nawawiyyah (2)

Melalui al-Shaykh al-Sharīf al-Ḥasan bin al-Shaykh ʿAlī bin al-Shaykh al-Muntaṣir al-Kittānī:

قال الفقير إلى الله الغني الحميد، الدكتور عبد الله بن جليل بن عمر :

(1) أروي الإجازة للأربعين النووية عن (2) الشريف الشيخ أبي محمد الحسن بن علي بن المنتصر الكتاني، عن (3) (الشيخ مسند العصر) الشريف عبد الرحمن الكتاني، عن (4) أبيه الشيخ (المحدث المسند) عبد الحي الكتاني عن، (5) (العلامة القاضي المحدث) حسين بن محسن الأنصاري، عن (6) (العلامة المحدث الشريف) محمد بن ناصر الحازمي، عن (7) الوجيه الأهدل، عن (8) أبيه سليمان، عن (9) أحمد الأهدل، عن (10) النخلي: أخبرنا (11) منصور الطوخي، أخبرنا (12) (الإمام) سلطان المزاحي، أخبرنا (13) (الشيخ الفقيه مفتى المالكية) سالم السنهوري، أخبرنا (14) (الإمام المحدث شيخ الإسلام) النجم الغيطي، أخبرنا (15) (شيخ الإسلام) زكريا الأنصاري، أخبرنا (15) (الشيخ أبو إسحاق) الشروطي، أخبرنا (16) (الشيخ) محمد بن أحمد الرفاء، أخبرنا (17) (الشيخ أبو الربيع) سليمان الغزي، أخبرنا (18) (الإمام) أبو الحسن العطار، أنبأنا (19) الإمام (محيي الدين يحيى بن شرف) النووي رحمه الله.

## Sanad dan Ijazah Ḥizb Imam Nawawi

(1) Saya, *al-Faqīr ilā Allāh al-Ghānī al-Ḥamīd*, Abdullaah bin Jalil bin Omar, meriwayatkan Ḥizb Imam Nawawi ini dengan ijazah daripada:

(2) Al-Shaykh Tuan Guru Abu ʿAli Haji Ahmad Fahmi bin Zamzam al-Banjarī al-Nadwī al-Mālikī al-Shāfiʿī al-Shādhulī (حفظه الله), di dalam kitab beliau "Bekal Akhirat", daripada:

(3) Al-Shaykh Al-Sayyid Dr. Muḥammad bin ʿAlawī al-Mālikī (رحمه الله تعالى); beliau mengambil ijazah daripada:

(4) Al-Shaykh Ḥasan al-Mashshāṭ dan Al-Shaykh Ḥasan Yamānī (رحمهما الله تعالى); kedua-dua mereka mengambilnya daripada:

(5) Al-Habib Ḥusayn bin Muḥammad al-Ḥabshī (رحمه الله تعالى); beliau mengambilnya daripada:

(6) Al-Shaykh Muḥammad bin Muḥammad al-ʿAzab al-Dimyāṭī (رحمه الله تعالى); beliau mengambilnya daripada:

(7) Al-Shaykh al-Damhūjī (رحمه الله تعالى); beliau mengambilnya daripada:

(8) Al-Shaykh al-Amīr al-Kabīr (رحمه الله تعالى); beliau mengambilnya daripada:

(9) Al-Shaykh ʿAlī al-Ṣaʿīdī (رحمه الله تعالى); beliau mengambilnya daripada:

(10) Al-Shaykh Ibnu ʿAqīlah (رحمه الله تعالى); beliau mengambilnya daripada:

(11) Al-Shaykh Ḥasan al-ʿUjaymī (رحمه الله تعالى); beliau mengambilnya daripada:

(12) Al-Shaykh Aḥmad al-Qushshāhī (رحمه الله تعالى); beliau mengambilnya daripada:

(13) Al-Shaykh Shams al-Dīn al-Ramlī (رحمه الله تعالى); beliau mengambilnya daripada:

(14) Shaykh al-Islām Zakariyyā al-Anṣārī (رحمه الله تعالى); beliau mengambilnya daripada:

(15) Al-Shaykh Abū Ishāq al-Shurūṭī (رحمه الله تعالى); beliau mengambilnya daripada:

(16) Al-Shaykh Muḥammad bin Aḥmad al-Rafā (رحمه الله تعالى); beliau mengambilnya daripada:

(17) Al-Shaykh Abū al-Rabīʿ Sulaymān bin Sālim al-Ghazzī (رحمه الله تعالى); beliau mengambilnya daripada:

(18) Al-Shaykh Abū al-Ḥasan ʿAlī bin Dāwūd al-ʿAṭṭār (رحمه الله تعالى); beliau mengambilnya daripada:

(19) Al-Imām al-Rabbānī al-Shaykh Muḥyī al-Dīn Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī (رحمه الله تعالى), pemilik ḥizb ini.

R: (Ahmad Fahmi Zamzam al-Banjari, 2009 - Bekal Akhirat (Jawi)), p.160-163.

# PENULIS, PENTERJEMAH DAN EDITOR

| | |
|---|---|
| Nama | Dr. Abdullaah Jalil |
| Jawatan | Pensyarah Kanan |
| Institusi | Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. |
| Latar Belakang Pendidikan | • 2019: PhD Kewangan Islam, INCEIF, Kuala Lumpur.<br>• 2004: MBA (Perbankan dan Kewangan Islam), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak. (Anugerah Pelajar Terbaik Program).<br>• 2001: Sarjana Muda Shariah (Fiqh dan Pengajian Islam), Universiti Yarmouk, Irbid, Jordan. (Kelas Pertama / *Mumtāz*).<br>• 1996-1997: Kolej Islam Sultan Alam Shah. SPM & SKK (*Mumtāz*).<br>• 1993-1995: Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang. PMR & SRA (*Mumtāz*) |
| Hasil Penulisan (Buku) | 1. (2011) The Four Introductory Theories of Fiqh Muamalat<br>2. (2012) Pengurusan Kewangan Masjid: Model Imarah Masjid<br>3. (2013) 40 Hadith Pengurusan Harta dan Perancangan Kewangan<br>4. (2013) Menjawab Persoalan Agama: Konsep al-Tark dan Perkara Baru dan Baik dari Perspektif Shariat. [Siri Memperbaiki Kefahaman Agama]<br>5. (2013) Natijah Fikir dan 40 Hadith Kelebihan Zikir |

6. (2013) Pengajian Halaqah UTH3012: Program Pensiswazahan Guru
7. (2013) Cahaya-Cahaya Sunnah Yang Khusus Berkenaan Kelebihan Selawat Ke Atas Nabi Yang Terpilih ﷺ (Abdullaah Jalil, Terjemah dan Edit).
8. (2013;2016) Nusūs Turāthiyyah: Dirāsah Manhajiyyah (Subjek al-Halaqah).
9. (2014) The Four Main Contracts of Fiqh Muamalat.
10. (2014) Fiqh and Management of Hajj and Umrah
11. (2014) Arabic-English Terminology for Special Purposes in Management Studies
12. (2015) Miftah al-Muamalat: The Gateway to Business
13. (2016) 40 Hadith Puasa dan Ramadan: Dengan Nota Ringkas Fiqh Mazhab al-Shafi'i dan Fiqh Perbandingan
14. (2016) Sosial Sekuriti (Takaful Ijtima'i) Menurut Perspektif Islam
15. (2017) Quranic Index for Medical Sciences.
16. (2017) Quranic Index for Economics, Business and Management.
17. (2017) 40 Hadith Berkenaan Ketegasan Pengharaman Riba (Dengan Ulasan dan Edit) (Abdullaah Jalil: Terjemah dan Edit).
18. (2018) 40 Hadith Berkenaan Ibadat Harta.
19. (2018) Islamic Law of Tort.
20. (2019) 50 Hadith Utama Berkenaan Kepentingan dan Kelebihan Zikrullah.
21. (2019) Natijah Fikir & Mutiara Nabawi Berkenaan Majlis Zikir.

| | |
|---|---|
| | 22. (2019) 50 Hadith Doa Rasulullah ﷺ dan Adab serta Kelebihannya.<br>23. (2019) 40 Hadith Berkaitan Kelebihan Ilmu dan Adab-adabnya<br>24. (2019) 40 Hadith Berkenaan Kelebihan Penghulu Para Rasul ﷺ (Abdullaah Jalil: Terjemah dan Edit).<br>25. (2020) Aqidah Murshidah dan Beberapa Muqaddimah Aqidah.<br>26. (2020) 40 Hadith Kemuliaan Masjid dan Adab-adabnya.<br>27. **(2020) 40 Hadith Imam Nawawi Berkenaan Asas-asas Agama Islam dan Prinsip Hukum Shariat.** |
| Bidang Kajian | • Fiqh Muamalat dan Aplikasinya<br>• Tadbir Urus & Kepatuhan Shariah<br>• Perbankan, Kewangan dan Ekonomi Islam<br>• Pengurusan Masjid<br>• Wakaf Korporat<br>• Ahli Sunnah dan Jamaʿah<br>• Deradikalisasi & Rehabilitasi (PCVE) |
| Laman Sesawang | Penuntut Ilmu (penuntutilmu.com) |

.

# BIBLIOGRAFI

'Abd al-Ghani al-Daqr (1994M/1415H). *Al-Imam al-Nawawi: Shaykh al-Islam wa al-Muslimin, wa 'Umdat al-Fuqaha' wa al-Muhaddithin, wa Safwat al-Awliya' wa al-Salihin*. Dimashq: Dar al-Qalam.

Abū Dāwud, Sulaymān al-Sijistānī (275H). (2010). *Sunan Abī Dāwud*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

Ahmad Fahmi Zamzam al-Banjari (2009). *Bekal Akhirat (Jawi)*. Pokok Sena: al-Khazanah al-Banjariyyah.

Aḥmad, Ibn Ḥanbal (241H). (1995). *al-Musnad*. ʿAmmān: Muʿassasat al-Risālah.

al-Bayhaqī, Abu Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn (458H). (2000). *al-Sunan al-Kubrā*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

al-Bukhārī, Muḥammad Ismāʿīl (256H). (1999). *Ṣ aḥīḥ al-Bukhārī*. al-Riyāḍ: Dar al-Salām.

al-Dāraquṭnī, ʿAlī ʿUmar (385H). (2004). *Sunan al-Dāraquṭnī*. Bayrūt: Muʿassasat al-Risālah.

al-Dārimī, ʿAbdullāh ʿAbdurraḥmān (255H). (2000). *Sunan al-Dārimī*. al-Mamlakah al-ʿArabiyyah al-Saʿūdiyyah: Dār al-Mughnī li al-Nashr wa al-Tawzīʿ.

al-Dhahabi, Muhammad Ahmad (748H). (1992). *Siyar A'lam al-Nubala'*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.

al-Dhahabi, Muhammad Ahmad (748H). (1993M/1413H). *Tarikh al-Islam wa Wafayat al-Mashahir wa al-A'lam*.

al-Nasāʾī, Aḥmad Shuʿayb (303H). (1986). *al-Sunan al-Kubrā*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

al-Nasāʾī, Aḥmad Shuʿayb (303H). (1986). *al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan*. Ḥalab: Maktab al-Matbūʿāt al-Islāmiyyah.

al-Nawawi, Yahya Sharaf (676H). *Tahdhib al-Asma' wa al-Lughat*. Bayrut: Dar al-Kutub al-ᶜIlmiyyah.

al-Suyuti, 'Abdurrahman Abu Bakr (911H). (2000M/1421H). *al-Minhaj al-Sawi fi Tarjamat al-Imam al-Nawawi*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Tirmidhī, Muḥammad ʿIsā (279H). *al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)*. al-Riyāḍ: Maktabat al-Maʿārif li al-Nashr wa al-Tawzīʿ.

Ibn al-'Attar, 'Ala' al-Din (724H). (2007M/1428H). *Tuhfat al-Talibin fi Tarjamat al-Imam Muhyi al-Din*. 'Amman: al-Dar al-Athariyyah.

Ibn ʿAsākir, Ali Hasan (571H). (1998). *Tārīkh Dimashq*. Bayrut: Dar al-Fikr.

Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad 'Ali (852H). (1972M/ 1392H). *al-Durar al-Kaminah fi A'yan al-Mi'ah al-Thaminah*. al-Hind: Majlis Da'irat al-Ma'arif al-'Uthmaniyyah.

Ibn Mājah, Muḥammad Yazīd Qazwīnī (273H). (2010). *Sunan Ibn Mājah*: Dār Ihyāʿ al-Kutub al-ʿArabiyyah.

Mahmud Dawud Dasuqi Khattabi. (2010). al-'Itr al-Shadhi min Tarjamat al-Imam al-Nawawi wa Isharat 'an Matn al-Arba'in al-Nawawiyyah. https://www.alukah.net/culture/0/22435/

Mālik, Anas al-Madanī (179H). (1985). *al-Muwaṭṭaʾ*. Lubnān: Dār Iḥyāʾ al-Turāth al-ʿArabī.

Muhammad al-Kurdi al-Madani, Ibn Sulayman (1194H). (2011). *al-Fawa'id al-Madaniyyah fiman Yufta Biqawlih min A'immat al-Shafi'iyyah*. Dimashq: Dar Nur al-Sabah.

Muhammad al-Wasiti al-Husayni, Ibn al-Hasan (2005M/1326H). *Tarjamat al-Imam Muhyi al-Din al-Nawawi*. al-Jaddah: Dar al-Minhaj.

Muslim, Ibn al-Ḥajjāj (261H). (2006). *al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim*. al-Riyāḍ: Dār Ṭaybah.

Shasm al-Din al-Sakhawi, Muhammad 'Abd al-Rahman (1051H). (2005). *al-Manhal al-'Adhb al-Rawi fi Tarjamat Qutb al-Awliya' al-Nawawi*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Taj al-Din al-Subki, 'Abd al-Wahhab (771H). (2003). *Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra*. Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi': al-Qahirah.

WISDOM
PUBLICATION

# الأربعون النووية

Buku ini adalah merupakan terjemahan bagi kitab yang paling masyhur di dalam koleksi *Arbaʿīniyyāt* ini iaitu 40 Hadith Imam Nawawi yang lebih dikenali sebagai Arbaʿīn Nawawiyyah. Walaupun di sana terdapat begitu banyak sekali terjemahan bagi Arbaʿīn Nawawiyyah, namun setiap versi terjemahan pasti mempunyai keunikan dan kelebihannya tersendiri. Kami menerbitkan matan dan terjemahan Arbaʿīn Nawawiyyah ini berserta dengan: Biografi Imam Nawawi, Analisa ringkas bagi Arbaʿīn Nawawiyyah, Risalah "Bāb al-Ishārāt ilā Ḍabṭ al-Alfāẓ al-Mushkilāt", Fasal berkenaan makna "al-Ḥifẓ" dan Ḥizb Imam Nawawi. Di bahagian lampiran pula, sanad dan ijazah bagi Arbaʿīn Nawawiyyah dan Ḥizb Imam Nawawi disertakan. Dengan ini, naskhah ini dapat memberi manfaat sebaik mungkin bagi mereka yang ingin mempelajari Arbaʿīn Nawawiyyah dan mengenali pengarangnya dengan lebih dekat.

**Dr. Abdullaah Jalil** adalah merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau memperolehi Sarjana Muda Shariah (Fiqh and Pengajian Islam) (Kelas Pertama/*Mumtāz*) dari Universiti Yarmouk (2001), MBA (Perbankan dan Kewangan Islam) (Anugerah Pelajar Terbaik Program) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (2004) dan PhD dalam Kewangan Islam, dari INCEIF (2019). Beliau juga terlibat sebagai ahli jawatankuasa Syariah di dalam industri perbankan dan takaful serta merupakan ahli panel deradikalisasi dan pakar rujuk bagi kes-kes keganasan yang disiasat oleh pihak berkuasa.

(Naskhah PDF ini diberikan secara percuma pada hari Isnin, 2 November 2020 bersamaan 16 Rabīʿ al-Awwal 1442H, bersempena mengingati dan menyambut Mawlid Nabi ﷺ 1442H)